05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA SIKAP PENGGUNA DAN PEMILIHAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM: KEPATUHAN AGAMA SEBAGAI MEDIATOR

MASLINA BINTI MOHAMED

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA KEWANGAN (PENGURUSAN KEWANGAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara sikap pengguna dengan pemilihan institusi perbankan Islam dalam kalangan staf Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Pahang. Selain itu, kajian ini turut mengukur pengaruh kepatuhan agama sebagai mediator. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik sebagai instrumen. Sampel terdiri daripada 357 staf IPT yang dipilih menggunakan teknik pensampelan sistematik. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan *Structural Equation Modelling* (SEM). Analisis deskriptif menjelaskan tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam, manakala analisis SEM bagi menguji hipotesis kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa min sikap, kepatuhan agama dan pemilihan Perbankan Islam berada pada tahap yang tinggi. Sikap dan kepatuhan agama mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam. Kepatuhan agama bertindak sebagai mediator separa dalam hubungan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam. Kesimpulannya, sikap pengguna yang positif mempengaruhi pemilihan institusi perbankan Islam dan hubungan tersebut diperkuatkan dengan konstruk kepatuhan agama. Implikasi kajian ini menambah kepada literatur sedia ada dalam pembuktian empirikal berhubung gelagat pengguna dalam pemilihan perbankan Islam. Tambahan pula, ia menjadi panduan kepada pengurusan institusi perbankan Islam dalam menawarkan perkhidmatan yang berupaya memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE RELATIONSHIP BETWEEN CONSUMER'S ATTITUDE AND SELECTION OF ISLAMIC BANKING INSTITUTIONS: RELIGIOUSITY AS MEDIATOR

ABSTRACT

This study aimed to investigate the relationship between consumer's attitude and selection of Islamic banking institutions among staffs of Higher Learning Institutions (HLI) in Pahang. Besides that, this study also measured the influence of religiosity as mediator. This study used quantitative approaches and questionnaires as instrument. Sample consists of 357 HLI's staff selected using systematic sampling. Data were analysed using descriptive and Structural Equation Modelling (SEM). Descriptive analysis explained the level of attitude, religiosity and Islamic banking selection while SEM analysis tested the research hypotheses The results showed that the mean for attitude, religiosity and Islamic banking selection is at high level. The results also showed that the attitude and religiosity had positive and significant impact on Islamic banking selection. Religiosity acted as partial mediation in the relationship between attitude and Islamic banking institution selection. As a conclusion, the positive attitude influence the selection of Islamic banking institutions and religiosity strengthened the relationship. The implications of the study adds to the existing literature on the empirical evidence on consumer behaviour in the selection of Islamic banking. In addition, it provides guidance to the management of Islamic banking institution in offering services capable of fulfilling the consumer's needs and demands.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI SINGKATAN		xv
SENARAI LAMPIRAN		xvi
BAB 1	**PENDAHULUAN**	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Kerangka Teori Kajian	11
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.6	Tujuan Kajian	16
1.7	Objektif Kajian	17
1.8	Soalan Kajian	17
1.9	Hipotesis Kajian	18
	1.9.1 Sikap Pengguna Terhadap Perbankan Islam	18
	1.9.2 Kepatuhan Agama	19
1.10	Kepentingan Kajian	20
1.11	Skop dan Batasan Kajian	20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Definisi Operational 23

1.12.1 Sikap Pengguna 23

1.12.2 Kepatuhan Terhadap Agama 23

1.12.3 Pemilihan Perbankan Islam 24

1.12.4 Sistem Kewangan Islam 24

1.13 Kesimpulan 25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 26

2.2 Teori Perbankan Islam 26

2.2.1 Prinsip Wadiah Yad al-Dhamanah 41

2.2.2 Prinsip Mudharabah 42

2.2.3 Prinsip Bai' Bi Thaman Ajil 43

2.2.4 Prinsip Ijarah 44

2.2.5 Prinsip Murabahah 45

2.2.6 Prinsip *Musyarakah/Syarikah* 46

2.3 Sejarah Perbankan Islam Moden 26

2.4 Sejarah Kewangan dan Perbankan Islam di Malaysia 29

2.4.1 Perkembangan Institusi Perbankan Islam (IPI) 32

2.4.2 Objektif Penubuhan Sistem Perbankan Islam 35

2.4.3 Model Pelaksanaan Perbankan Islam 36

2.5 Teori dan Model Gelagat Kepenggunaan Berkaitan Perbankan 47

2.5.1 *Theory of Reasoned Action* (TPB) 48

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 *Theory of Planned Behaviour* (TGT) 52

2.5.3 Theory of Diffusion Of Innovation Model (TRI) 53

2.6 Model Kajian 55

2.7 Sikap Pengguna 58

2.8 Kepatuhan Terhadap Agama 62

2.9 Kepatuhan Agama sebagai *Mediator* 72

2.10 Perlakuan Sebenar Pengguna 69

2.11 Ulasan Karya Berkaitan dengan TPB 72

2.12 Kesimpulan 76

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 77

3.2 Reka bentuk kajian 78

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 80

3.3.1 Prosedur Pensampelan Kajian 81

3.3.2 Lokasi kajian 84

3.3.3 Pensampelan Kajian 85

3.4 Instrumen Kajian 85

3.4.1 Prosedur Pembinaan Instrumen Kajian 87

3.4.2 Instrumen kajian 91

3.5 Ujian Kesahan Kandungan Instrumen Kajian 93

3.6 Prosedur Kajian 98

3.7 Kajian Rintis 99

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Analisis Data Kajian Rintis 101

3.7.2 Analisis Faktor 102

3.7.3 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 108

3.8 Kaedah Menganalisis Data Kajian 110

3.8.1 Analisis Data Pemboleh Ubah (Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap) 114

3.8.2 Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam di Pahang 114

3.8.3 Pengesanan Kepelbagaian Dan Kestabilan Pemboleh Ubah Kajian 116

b) Ujian Normaliti 116

c) Ujian Multi-kolineariti 116

3.8.4 Analisis Faktor Pengesahan (CFA) 116

a) Penilaian *Unidimensionality* 117

b) Penilaian *Validity* 117

c) Penilaian *Reliability* 119

3.8.5 *Structural Equation Modelling* (SEM) 119

3.8.6 Ujian *Boostrapping* 122

3.9 Kesimpulan 122

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 123

4.2 Responden Kajian 125

4.3 Analisis Deskriptif 126

4.3.1 Profil responden kajian 126

4.3.2 Analisis Data-Data Pemboleh Ubah 129

4.3.3 Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam di Pahang 131

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Ujian Pengesanan Kepelbagaian dan Penilaian Kestabilan Konstruk Kajian 133

4.4.1 Penilaian Terhadap Saiz Sampel 133

4.4.2 Ujian Normaliti 134

4.4.3 Ujian Multi-kolineariti 134

4.4.4 Analisis Model Pengukuran Menggunakan CFA 136

4.4.4.1 Penilaian *Unidimensionality* 136

4.4.4.2 Penilaian *Validity* 137

4.4.4.3 Penilaian *Reliability* 139

4.5 Analisis Model Struktural menggunakan SEM 141

4.5.1 Pengaruh Pemboleh Ubah Kepatuhan Agama Sebagai Pengantara (Mediator) Terhadap Hubungan Antara Sikap Dengan Pemilihan Terhadap Perbankan Islam 146

4.6 Ujian Bootstrapping 149

4.7 Rumusan 152

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 153

5.2 Hasil Penemuan utama dan Rumusan Kajian 154

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 154

5.3.1 Tahap Sikap Pengguna, Kepatuhan Agama dan Gelagat Pemilihan Perbankan Islam 156

5.3.2 Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam 157

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Mengenal Pasti Kesan yang Positif dan Signifikan Sikap Pengguna dengan Pemilihan Perbankan Islam 159

5.3.4 Mengenal Pasti Kesan yang Positif dan Signifikan antara Kepatuhan Agama dengan Pemilihan perbankan Islam 161

5.3.5 Pengaruh Kepatuhan Agama sebagai Pengantara terhadap Hubungan antara Sikap Dengan Pemilihan terhadap Perbankan Islam 162

5.4 Implikasi dan Cadangan Dasar 165

5.4.1 Implikasi Teoretikal 165

5.4.2 Implikasi Praktikal 168

5.5 Sumbangan Kajian 172

5.6 Rumusan 174

RUJUKAN 176

LAMPIRAN 188

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Perbandingan Jumlah Aset Perbankan Islam Dengan Sektor Perbankan	3
1.2	Perbandingan Jumlah Deposit Perbankan Islam Dalam Pasaran Perbankan	4
1.3	Perbandingan Jumlah Pembiayaan Perbankan Islam Dengan Sektor Perbankan	6
1.4	Maklumat Lima Negara Islam Terhadap Peratusan Perbankan Islam	5
3.1	Senarai IPTA/S Di Zon Timur Pahang	82
3.2	Penentuan Sampel Saiz	83
3.3	Pembahagian Kandungan Instrumen Soal Selidik (Kajian Rintis)	88
3.4	Kajian Rintis	100
3.5	Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	103
3.6	Ujian KMO dan Bartlett	105
3.7	Rumusan Analisis PCA Konstruk Sikap Pengguna	106
3.8	Rumusan Analisis PCA Konstruk Kepatuhan Agama	107
3.9	Rumusan Analisis PCA Konstruk Pemilihan Perbankan Islam	108
3.10	Nilai Alpha Cronbach dalam Kajian Rintis	109
3.11	Pembahagian Kandungan Borang Soal Selidik (Kajian Lapangan)	109

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12	Ujian CFA	111
3.13	Kaedah yang Digunakan dalam Menganalisis Data Kajian Sebenar	112
3.14	Garis Panduan atau Cut off Point bagi Skor Min	114
3.15	Indeks Kesesuaian Untuk Mengukur Konstruk Kajian	121
4.1	Senarai Nama IPT di Zon Timur Pahang	125
4.2	Profil Responden	127
4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pemboleh Ubah	129
4.4	Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Faktor Pemilihan Perbankan Islam	132
4.5	Indeks Kesesuaian untuk Pengukuran Konstruk Kajian (CFA)	138
4.6	Keputusan Indeks Discriminant Validity	139
4.7	Keputusan CFA terhadap Model Pengukuran	140
4.8	Indeks Kesesuaian Pengukuran Model Struktural Analisis Laluan	142
4.9	Regression Weight bagi menilai Konstruk Kajian	144
4.10	Keputusan Hipotesis Kajian Berdasarkan Analisis Laluan	145
4.11	Kesan Langsung Sikap dan Pemilihan PI	146
4.12	Kesan Tidak Langsung Konstruk Sikap terhadap Pemilihan Perbankan Islam (Unstandardized Data)	148
4.13	Keputusan Ujian Mediator	150
4.14	Keputusan Ujian Kepatuhan Agama sebagai Mediator	151
4.15	Keputusan Boostrapping	151

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis 164

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	*Theory of Reasoned Action*. Sumber dari Ajzen dan Fishben, 1980	13
1.2	Model Konseptual Kajian. Diadaptasi dari Ajzen dan Fishben, 1980	16
2.1	*Theory of Reasoned Action*. Sumber dari Ajzen & Fishben, 1980	51
2.2	*Theory of Planned Behaviour (TPB).* Sumber dari Ajzen, 1991	53
2.3	*Theory of Diffusion of Innovation model*. Sumber dari Rogers, 1995	55
4.1	Model Pengukuran (Measurement Model) Bagi Konstruk Kajian	135
4.2	Model Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	137
4.3	Model Struktural Untuk Analisis Laluan (*Path Analysis*)	141
4.4	Kesan Mediator Terhadap Sikap dan Pemilihan Perbankan Islam	147
4.5	*Standardized Regression Weight* untuk laluan Sikap, Kepatuhan Agama	150
5.1	Model Konseptual Kajian. Diadaptasi dari Ajzen dan Fishben, 1980	166
5.2	Model Struktural Sikap, Kepatuhan Agama terhadap Pemilihan Perbankan	167

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun otbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Industri kewangan Islam di Malaysia telah berkembang pesat dalam dekad kebelakangan ini menjadikannya salah satu komponen terpenting dalam sistem kewangan negara. Di persada antarabangsa, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai sektor kewangan Islam yang paling komprehensif di dunia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 2011).

Malaysia juga terkenal di mata dunia kerana sumbangan terbesar di dalam industri kewangan Islam kerana mempunyai komponen yang bersepadu dan menyeluruh mencakupi semua komponen penting iaitu perbankan Islam, takaful, pasaran wang dan pasaran modal. Prasarana ini juga dilengkapi dengan rangka kerja perundangan, pengawalan seliaan dan syariah yang mantap bagi memastikan sektor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kewangan Islam dapat berkembang dengan teratur selari dengan sektor kewangan negara.

Sistem kewangan Islam bermula dengan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada tahun 1969 sehingga membawa kepada penubuhan bank Islam pertama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983. Dari tahun ke tahun, perkembangan sektor kewangan dan perbankan Islam begitu memberangsangkan sehingga menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Malaysia juga menjadi pusat latihan bagi menjana tenaga pakar dan pembekal tenaga kerja profesional dalam bidang ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, bancian pada 2015 menunjukkan anggaran jumlah penduduk Malaysia adalah 30.9 juta dengan komposisi bumiputera (majoritinya beragama Islam) ialah sebanyak 63.8 peratus. Berdasarkan kepada komposisi penduduk Malaysia iaitu 60 peratus Muslim dan 40 bukan Muslim, kerajaan Malaysia mengambil pendekatan menyediakan dan mengamalkan dwi-perbankan kerana mengambil kira keperluan masyarakat bukan Islam yang terdiri daripada majoritinya dari kaum Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain. Oleh itu, perbankan Islam merupakan pilihan alternatif masyarakat bukan Islam dalam aktiviti perbankan nya. Kerajaan mempunyai aspirasi yang kuat untuk menjadikan perbankan Islam menguasai 20 peratus dari sudut pembiayaan dan deposit dalam industri kewangan di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

World Islamic Banking Competitiveness Report 2012 -2013 yang disediakan oleh Ernst dan Young (2013), mencatatkan sehingga akhir tahun 2012, perbankan Islam (merujuk kepada jumlah aset perbankan Islam) menyumbang sebanyak 19.98 peratus dari jumlah pasaran sektor perbankan di Malaysia. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan perbandingan jumlah aset perbankan Islam dari tahun 2006 sehingga tahun 2012. Statistik menunjukkan dari tahun ke tahun aset perbankan Islam bertambah. Walau bagaimanapun, kadar peratusan tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh BNM iaitu penguasaan 20 peratus dalam pasaran kewangan pada tahun 2010.

Jadual 1.1
Perbandingan Jumlah Aset Perbankan Islam dengan Sektor Perbankan

Jumlah aset (RM' Bilion)	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Jumlah Sektor perbankan	1092.9	1221.0	1338.0	1426.2	1549.8	1781.9	1909.3
Jumlah perbankan Islam	131.9	156.8	192.7	233.7	267.6	335.0	381.5
Jumlah penguasaan perbankan Islam (peratus)	**12.01**	**12.84**	**14.40**	**16.38**	**17.26**	**18.80**	**19.98**

Sumber : Ernst dan Young, 2013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan yang dikeluarkan oleh MIFC pada 2012 menunjukkan jumlah pasaran deposit perbankan Islam menguasai lingkungan 20 peratus dari jumlah keseluruhan industri menjelang tahun 2010 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2. Secara purata peningkatan simpanan deposit dari tahun ke tahun dalam lingkungan 15-25 peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, laporan oleh *World Islamic Banking Competitiveness Report* 2016, mendapati pertumbuhan aset dalam institusi perbankan Islam di Malaysia pada tahun 2011 hingga tahun 2014 ialah 7 peratus sahaja di mana ia ketinggalan di belakang negara Indonesia (9 peratus), Arab Saudi (15 peratus), Qatar (15 peratus) dan UAE (8 peratus) (Ernst & Young, 2016).

Jadual 1.2
Perbandingan Jumlah Deposit Perbankan Islam Dalam Pasaran Perbankan

Jumlah Deposit (RM' Bilion)	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Jumlah Keseluruhan Sektor Perbankan	812.3	868.8	972.3	1,062.9	1,137.9	1,298.9	1,408.3
Jumlah Perbankan Islam	99.2	122.0	154.7	188.8	217.0	266.4	306.5
Jumlah Penguasaan Perbankan Islam (Peratus)	**12.20**	**14.04**	**15.91**	**17.76**	**19.07**	**20.5**	**21.7**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber : Ernst dan Young, 2013

Merujuk kepada Jadual 1.3 pula, menunjukkan perbandingan jumlah pembiayaan perbankan Islam dengan keseluruhan industri. Pada akhir tahun 2012, peratus jumlah pembiayaan dalam sistem perbankan Islam mencakupi 22 peratus dari keseluruhan jumlah industri.

Jadual 1.3
Perbandingan Jumlah Pembiayaan Perbankan Islam Dengan Sektor Perbankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah Pembiayaan (RM' Bilion)	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Jumlah Keseluruhan Sektor Perbankan	593.0	644.2	726.5	783.5	883.3	1,003.5	1,108.0
Jumlah Perbankan Islam	78.5	89.9	107.7	135.0	162.1	200.3	236.6
Jumlah Penguasaan Perbankan Islam (Peratus)	**13.2**	**13.9**	**14.80**	**17.20**	**18.35**	**19.96**	**21.35**

Sumber : Ernst dan Young, 2013

Pada akhir tahun 2011, penguasaan perbankan Islam dalam industri mencapai 19 peratus. Walau bagaimanapun peratus penguasaannya ketinggalan di belakang negara Islam yang lain seperti Bahrain, Arab Saudi dan lain-lain walaupun bilangan bank Islam di Malaysia lebih banyak berbanding negara lain (Jadual 1.4). Jika dibandingkan dengan negara Bahrain yang mengamalkan dwi perbankan seperti Malaysia, mendapati penguasaan perbankan Islam di negara tersebut lebih tinggi dari Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut laporan pada tahun 2016 dalam *World Bank Group Report (Global Islamic Finance Report),* Malaysia berjaya mencapai 25 peratus penguasaan perbankan Islam dalam pasaran kewangan di Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia masih jauh ketinggalan di belakang negara Iran, Sudan, Arab Saudi dan Brunei di mana negara-negara tersebut telah menguasai pasaran dalam negara melebihi 50 peratus (Iqbal, 2016).

Jadual 1.4
Maklumat Lima Negara Islam Terhadap Peratusan Perbankan Islam

Maklumat Tahun 2011	Malaysia	Bahrain	Kuwait	Qatar	Arab Saudi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah Aset Perbankan Islam (Bilion Dolar Amerika)	106	13	52	44	207
Peratus Perbankan Islam Dalam Pasaran Kewangan	18.8	26.9	33	23	49
Jumlah Bilangan Bank Komersil	27	23	22	18	12
Jumlah Bilangan Bank Perdagangan	16	6	5	4	4

Sumber : Ernst dan Young, 2013

Berdasarkan statistik di atas mendapati penguasaan perbankan Islam dalam sistem kewangan di Malaysia hanya mencakupi 20 peratus dari keseluruhan pasaran kewangan dan perbankan di Malaysia. Kerajaan telah memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kelangsungan perbankan Islam agar terus teguh di dalam pasaran kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, usaha tersebut tidak akan mencapai objektif seperti yang diharapkan jika sikap masyarakat Islam itu sendiri tidak memberikan sokongan yang padu terhadap usaha kerajaan dalam memartabatkan kewangan dan perbankan Islam di Malaysia. Walhal, objektif utama penubuhan perbankan Islam adalah menyediakan aktiviti perbankan kepada umat Islam seperti kemudahan simpanan, pembiayaan dan pelaburan yang bebas dari unsur riba dan *gharar* dalam memenuhi keperluan kewangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan, perbankan Islam di Malaysia sentiasa menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun. Walau bagaimanapun, prestasinya agak perlahan jika dibandingkan dengan negara Islam yang lain seperti Bahrain, Kuwait, Arab Saudi dan Bangladesh di mana penguasaan pasaran terhadap aset, deposit dan pembiayaan telah pun menguasai pasaran kewangan dan perbankan melebihi 20 peratus sejak tahun 2010. Malah, Bahrain dan Bangladesh juga mengamalkan dwi-perbankan seperti Malaysia tetapi kedua-dua negara tersebut telah mendahului Malaysia dari sudut penguasaan pasaran sektor kewangan dan Perbankan berbanding Malaysia (Seethaletchumy, Eze, Khong, Nathan, & Kim, 2010).

Di sebalik kejayaan sistem kewangan dan perbankan Islam yang dilaksanakan di Malaysia, ia tidak terlepas dari kritikan oleh pihak-pihak tertentu seperti keraguan terhadap produk-produk yang dilaksanakan tidak menepati kehendak syariah, perkhidmatan Institusi Perbankan Islam yang kurang cekap dan berkualiti serta kurangnya kesedaran dan penggunaan produk perbankan Islam oleh masyarakat Islam (Mohamad Akram & Nusaibah Mohd. Parid, 2010). Tambahan pula, isu-isu kelemahan sistem perbankan Islam sering kedengaran seperti ketidakcekapan institusi kewangan dan perbankan Islam, kadar keuntungan yang tinggi, produk kurang menepati syariah, staf bank yang tidak mesra dan juga kegagalan masyarakat Islam mengguna pakai produk perbankan Islam.

Laporan oleh Bank Negara Malaysia pada 1997 mendapati Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) hanya menguasai 1.06 peratus (RM 3.2 bilion) sahaja dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jumlah deposit. Kadar peratusan ini agak mengecewakan kerana BIMB telah beroperasi 15 tahun dan merupakan bank Islam pertama dalam industri kewangan negara. BIMB mampu menguasai pasaran dengan lebih baik tetapi sebaliknya berlaku (Abdul Halim & Norizaton Azmin, 2000).

Kajian tentang faktor-faktor penentuan pemilihan perbankan Islam bukanlah satu kajian terbaharu bahkan ia telah dimulakan lebih kurang dua dekad yang lepas. Di Malaysia, perintis kajian sebegini ialah Sudin, Norafifah dan Planisek (1994) namun, terdapat beberapa isu penting yang jarang diberi perhatian oleh pengkaji lepas. Isu penting ini boleh dibahagikan kepada dua isu utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertama, kajian lepas lebih banyak memfokuskan kepada keberkesanan Institusi Perbankan Islam (IPI) dalam menarik minat pelanggan terus setia dengan perbankan Islam seperti tahap kepuasan pelanggan, faktor-faktor pemilihan pengguna terhadap perbankan Islam, prestasi bank Islam, dan lain-lain di mana kajian tersebut memfokuskan kepada institusi perbankan Islam itu (Sudin et al., 1994; Gerrard & Cunningham, 1997; Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007; Hanudin, 2008; Estiri, Hosseini, Yazdani, & Nejad, 2011; Kamal, Lokesh, & Bala, 2008; Lo & Leow, 2014) walau bagaimanapun terlepas pandang terhadap gelagat pengguna itu sendiri (Hassan, Syed Ahmad Syed Saifudin dan Embong Husin, 2003).

Menurut Ahmad Azrin (2012), unit analisis kajian terdahulu dalam bidang penentu pemilihan IPI adalah pengguna, tetapi fokus manfaatnya adalah pihak IPI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam erti kata yang lain, alat analisis kajian untuk kajian pemilihan IPI bercirikan institusi bukan pengguna.

Kedua, pengaruh agama terbukti signifikan terhadap pemilihan IPI dalam kalangan pelanggan. Kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad Azrin (2012); Metawa dan Almossawi (1998); Abdul Qawi Othman & Owen (2002); Zuraini, Roshanim dan Roseliza (2004) membuktikan pengaruh agama sebagai dorongan yang utama dalam pemilihan IPI. Namun, isu ini jarang diberi perhatian untuk diperjelaskan dan dijadikan konstruk utama kajian. Walau bagaimana pun, usaha tersebut ada dilaksanakan seperti kajian Parasuraman, Zeithaml, & Berry (1988) dan Ahmad Azrin (2012) di mana pengkaji telah membina alat ukuran penentu IPI. Parasuraman telah membina model SERQUAL bagi mengukur kualiti perkhidmatan IPI dengan memasukkan elemen kepatuhan agama seperti prinsip syariah manakala Ahmad Azrin pula telah membina model PPBMMI iaitu alat ukuran untuk menilai gelagat pemilihan IPI dalam kalangan Muslim. Kajian ini pula ingin mengetengahkan kepatuhan agama sebagai pengantara antara sikap Muslim itu sendiri terhadap Pemilihan IPI. Elemen kepatuhan terhadap agama diberi perhatian dalam kajian ini kerana kelompangan dalam kajian-kajian sebelum ini melihat peranan agama sebagai pengantara antara sikap pengguna dan pemilihan pengguna terhadap perbankan Islam (Nazimah, 2011; Ahmad Azrin, 2012; Hanudin, Abdul Rahim, & Dzuljastri, 2013).

Kajian-kajian lepas yang dijalankan di Malaysia oleh Sudin, Norafifah, dan Planisek, (1994); Wan Marhaini, Asmak, Nor Aini, dan Azizi (2008); Ismah, Husniyati dan Anizah (2009) serta Ahmad Azrin (2012) menunjukkan tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam terhadap Perbankan Islam masih berada di tahap yang sederhana. Malah hasil kajian juga menunjukkan pemilihan bank Islam dalam kalangan masyarakat Islam bukan lahir dari motivasi kepatuhan terhadap agama tetapi perkara-perkara lain yang lebih menjadi keutamaan.

Berdasarkan kepada senario yang berlaku di atas, satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji sejauh mana penerimaan dan gelagat pemilihan perbankan Islam dalam kalangan umat Islam di Malaysia khususnya di negeri Pahang. Kebanyakan kajian seumpamanya ini tertumpu di kawasan Lembah Kelang, negeri-negeri Barat dan Utara Malaysia bahkan di Sabah dan Sarawak. Maka perlunya kajian tersebut diperbanyakkan lagi terutama di negeri Pantai Timur seperti negeri Pahang (Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007; Nawi, Yazid, & Mohammed, 2013). Pahang merupakan negeri yang paling besar di bahagian Malaysia Timur tetapi bilangan IPI adalah kurang berbanding negeri-negeri yang lain seperti Johor dan Kelantan (Bank Islam Malaysia Berhad, 2012; Bank Negara Malaysia, 2013).

Kajian ini memilih staf Institusi Pengajian Tinggi sebagai responden kajian atas pertimbangan beberapa perkara iaitu mereka merupakan pengguna aktif perbankan oleh sebab mereka merupakan pekerja dan kerap berurusan dengan institusi perbankan untuk pembiayaan peribadi, perumahan, kenderaan dan lain-lain. Selain itu mereka juga sentiasa menjadi golongan sasaran IPI untuk menjalankan aktiviti promosi mereka (Bank Islam Malaysia Berhad, 2012). Pemilihan staf IPT sebagai responden kajian juga atas pertimbangan persekitaran pekerjaan mereka yang sentiasa terdedah dengan pengetahuan dan ilmu serta mudah menjadi tempat tumpuan promosi pelbagai produk (Mohd. Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia berbeza dengan kajian-kajian lepas di mana responden kajian terdiri daripada pelanggan bank itu sendiri (yang sedang berurusan di bank) seperti kajian Sudin, Norafifah, dan Planisek, (1994), Wan Marhaini, Asmak, Nor Aini, dan Azizi (2008), Ismah, Husniyati dan Anizah (2009), Hanudin, Abdul Rahman, dan Dzuljastri (2014) serta Ahmad Azrin (2012) dan pelajar-pelajar IPT seperti kajian Fauziah, Ramayah dan Dzuljastri Abdul (2008) dan Ramayah dan Norazah (2006).

Kajian empirikal seumpamanya diperlukan untuk memberi nilai tambah kepada kajian literatur dalam bidang kewangan dan perbankan Islam. Sikap dan pengaruh agama merupakan antara elemen yang boleh mengubah corak gelagat pengguna terhadap pemilihan perbankan Islam (Hanudin, Abdul Rahman, et al., 2014; Siti Hasnah, 2014). Justeru itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mendapat jawapan bagi setiap soalan kajian yang dibangkitkan. Kajian ini akan memfokuskan terhadap sikap pengguna dan kepatuhan agama sama ada mempunyai kesan yang signifikan terhadap gelagat pemilihan perbankan Islam dalam kalangan masyarakat Islam di Pahang.

1.4 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini adalah berdasarkan '*Theory of Reasoned Action'* (TRA) yang telah dibangunkan oleh Fishbein dan Ajzen (1980). Di dalam kajian ini, TRA akan dikenali sebagai Teori Perlakuan Beralasan (TPB) (Rajah 1.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Teori Perlakuan Beralasan (TPB), ia digunakan untuk membuktikan terdapat hubungan antara kepercayaan (*beliefs*), sikap *(attitudes*), niat (*intention),* dan gelagat/tingkah laku (*behaviour*). Teori ini telah diaplikasikan dalam konteks kajian yang berbeza oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. TPB telah diadaptasi untuk menerangkan kajian terhadap gelagat (*behaviour*) dalam lapangan bidang pengurusan, pemasaran dan psikologi (Hanudin, Abdul Rahim, Sondoh Jr, & Chooi Hwa, 2011). Model TPB adalah umum dan sesuai digunakan untuk kajian-kajian terbaru yang berkaitan dengan perbankan Islam (Ramayah & Norazah, 2006; Fauziah et al., 2008).

Penyelidik yang mengguna pakai TPB ini dan mengubahsuai teori tersebut dalam lapangan kewangan dan perbankan Islam ialah (Fauziah et al., 2008) dan Hanudin et al. (2011). Fauziah et al. (2008) menggunakan model TPB untuk mengkaji persepsi pelanggan terhadap pembiayaan perumahan yang mengguna pakai kontrak '*Musyarakah Mutanaqisah'* dalam konteks di Malaysia. Hanudin et al. (2011) pula telah memasukkan tiga pemboleh ubah *moderator* iaitu 'kepatuhan agama', 'sokongan kerajaan' dan 'harga pembiayaan peribadi Islam' dalam kajiannya dalam penentuan terhadap keinginan pelanggan untuk penggunaan pembiayaan peribadi Islam di Malaysia.


TPB adalah model yang mudah diadaptasi, bersifat fleksibel dan boleh digunakan dalam apa sahaja lapangan kajian termasuk bidang kewangan dan perbankan Islam. Berdasarkan teori ini, penyelidik akan menggunakan konstruk asal yang dikemukakan oleh Ajzen dan Fishbein, (1980) iaitu sikap tetapi menggugurkan norma subjektif dalam mengukur tingkah laku sebenar (*actual behaviour*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan pengkaji-pengkaji yang lain menggunakan model ini untuk menguji keinginan (*intention behaviour*) seperti (Ha, 1998; Kleijnen et al., 2004; Belleau et al., 2007; Ramayah & Norazah, 2006; Fauziah et al., 2008; Tanakinjal, & Hanudin, 2009; Hanudin et al., 2013; Lada, Sahi & Gupta, 2013).

Walau bagaimanapun, kajian ini menggugurkan keinginan (*intention behaviour*) dengan menggunakan pendekatan yang sama seperti Shumaila, Foxall, dan Pallister, (2010) iaitu mengkaji tingkah laku sebenar (*actual behaviour*) pengguna terhadap perbankan Islam (Rajah 1.1).



Rajah 1.1. Theory of Reasoned Action. Sumber dari Ajzen dan Fishben, 1980

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi kajian ini, penyelidik menggunakan Model Teori Perlakuan Beralasan (TPB) oleh Ajzen dan Fishben (1980) sebagai asas utama untuk menjadi panduan dan rujukan serta diadaptasi di dalam kerangka konseptual kajian (Rajah 1.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TPB telah banyak digunakan dalam kajian terdahulu bagi memahami keinginan pengguna dalam memilih pelbagai produk dan perkhidmatan seperti produk kesihatan, produk kulit, sikap terhadap pemilihan ATM, perbankan tanpa wayar dan juga produk halal (Kleijnen et al., 2004; Ramayah & Norazah, 2006; Belleau et al., 2007; Lada et al., 2009; Chau & Ngai, 2010; Al-hyari, Alnsour, & Al-weshah, 2012; Sahi & Gupta, 2013). Walau bagaimanapun dalam pemilihan produk halal, kajian terdahulu yang menggunakan TBP gagal meletakkan konstruk agama dalam keinginan pelanggan memilih halal produk.

Kerangka konseptual kajian ini diadaptasikan seperti yang digunakan dalam kajian yang lepas oleh Shumaila et al. (2010); Fauziah et al. (2008) serta Hanudin, Abdul Rahman dan Dzuljastri (2014). Kajian ini melibatkan tiga pemboleh ubah utama iaitu pemboleh ubah bebas, pemboleh ubah mediator dan pemboleh ubah bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Pemboleh ubah Bebas

Satu konstruk asal dari TPB digunakan dalam kajian ini sebagai pemboleh ubah bebas iaitu ‘sikap pengguna’.

ii) Pemboleh ubah Mediator

Pemboleh ubah mediator dalam kajian ini ialah kepatuhan agama seperti kajian oleh (Siti Hasnah, 2014). Kepatuhan agama berfungsi sebagai pemboleh ubah mediator antara pemboleh ubah bebas (Sikap) dengan pemboleh ubah bersandar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Pemilihan Perbankan Islam). Dalam kajian ini pemboleh ubah mediator berpotensi bertindak untuk memberi pengaruh dan kekuatan hubungan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar.


iii) Pemboleh ubah Bersandar

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini iaitu pemilihan perbankan Islam. Kajian ini juga mengambil pendekatan seperti Shumaila, Foxall dan Pallister (2010) di mana pemboleh ubah bersandar untuk kajian ini ialah 'tingkah laku sebenar' (*actual behavior)* berbanding 'keinginan menggunakan sesuatu produk tersebut' (*behavioral intention*).

Kerangka konseptual kajian ini digambarkan dalam bentuk visual seperti dalam Rajah 1.2. Kerangka konseptual ini menunjukkan pemboleh ubah bebas iaitu 'sikap pengguna' manakala 'kepatuhan agama' dijadikan sebagai pemboleh ubah mediator iaitu pemboleh ubah bebas sekunder untuk menentukan sama ada ia memberi kesan terhadap hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah 'pemilihan perbankan Islam'. Model ini akan diuji kepada responden yang terdiri daripada staf IPT yang terdapat di negeri Pahang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2 Model Konseptual Kajian. Diadaptasi dari Ajzen dan Fishben, 1980

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Tujuan Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, maka tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyelidik dua faktor yang mempengaruhi amalan pemilihan perbankan Islam dalam kalangan pengguna Islam berpandukan Teori Perlakuan Beralasan (*Theory Of Reasoned Action*) oleh Ajzen dan Fishben (1980).

Kajian ini juga adalah untuk mengkaji hubungan dua faktor iaitu sikap pengguna dan kepatuhan agama terhadap amalan orang-orang Islam yang bekerja di IPT mengenai pemilihan perkhidmatan perbankan Islam dalam urusan kewangan mereka. Selain itu, kajian ini akan mengkaji pemboleh ubah yang memberikan kesan yang paling signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam. Kajian ini juga untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah pengantara (*mediator*) iaitu kepatuhan terhadap agama, sejauh mana pemboleh ubah pengantara memberi kesan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar iaitu sikap pengguna dan pemilihan terhadap perbankan Islam.

1.7 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, maka objektif kajian ini adalah untuk:

i) mengukur tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan terhadap perbankan Islam di Pahang.

ii) mengenal pasti faktor-faktor pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang.

iii) menilai kesan antara sikap pengguna dengan pemilihan institusi perbankan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) menilai kesan antara kepatuhan agama dengan institusi pemilihan perbankan Islam.

v) menyiasat pengaruh pemboleh ubah kepatuhan agama sebagai pengantara (*mediator*) terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan pemilihan institusi perbankan Islam.

1.8 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, maka kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

i) Apakah tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan terhadap institusi perbankan Islam?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Apakah faktor-faktor utama pemilihan institusi perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang?

iii) Adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara sikap pengguna dan pemilihan institusi perbankan Islam?

iv) Adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara kepatuhan agama dan pemilihan institusi perbankan Islam?

v) Adakah terdapat pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (*mediator)* terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan institusi perbankan Islam?

1.9 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian digunakan untuk menyatakan hubungan dan perbezaan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Ia merupakan ramalan tentang apa yang dijangka pengkaji tentang perhubungan atau perbezaan yang mungkin wujud antara pemboleh ubah mengenai isu atau masalah kajian (Chua, 2011). Berdasarkan pernyataan masalah kajian, hipotesis kajian adalah seperti berikut;

1.9.1 Sikap Pengguna Terhadap Perbankan Islam

Sikap merujuk kepada kesan penilaian sama ada positif atau negatif terhadap individu yang bertingkah laku terhadap sesuatu gelagat (Ajzen & Fishben, 1980). Terdapat beberapa kajian berkaitan yang menunjukkan kesan yang signifikan di antara pemboleh ubah sikap pengguna terhadap keinginan penggunaan produk dan perkhidmatan perbankan Islam seperti (Gerrard & Cunningham, 1997; Kleijnen et al.,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2004 Ramayah, Fauziah et al., 2008; Rouibah, Gopi, & John, 2009; Hanudin et al., 2011; Suleiman, 2011; Hanudin, 2013b).

Kajian ini juga menjangkakan bahawa sikap boleh mempengaruhi tahap amalan pemilihan perbankan Islam. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, hipotesis kajian adalah seperti berikut.

H1: Terdapat kesan yang positif dan signifikan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang.

1.9.2 Kepatuhan Agama

Kajian-kajian yang dilakukan oleh Metawa dan Almossawi (1998), Ahmad Azrin (2012), Bley dan Kuehn, (2004), Hanudin *et al.*,(2011) dan Zuraini, Roshanim, dan Roseliza, (2004), Nazimah (2011), Mukhtar dan Butt (2012) dan Siti Hasnah (2014) membuktikan bahawa kepatuhan agama signifikan terhadap pemilihan produk perbankan Islam. Oleh itu, hipotesis yang dirangka adalah seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H2: Terdapat kesan yang positif dan signifikan antara kepatuhan agama dengan pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang.

Selain itu, Hanudin et al. (2014) menjadikan konstruk agama sebagai *mediator*. Kajian ini juga berminat untuk melihat konstruk kepatuhan agama sebagai pemboleh ubah mediator. Oleh itu, hipotesis yang dirangka adalah seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H3: Kepatuhan agama berpengaruh secara signifikan sebagai pemboleh ubah pengantara terhadap hubungan antara sikap pengguna dan pemilihan perbankan Islam.

Manakala sub-hipotesis untuk menguji kesan mediator iaitu kepatuhan agama ialah;

H3a : Sikap tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap kepatuhan agama.

H3b :Kepatuhan Agama tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam.

H3c: Sikap tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam.

1.10 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan kajian ini terbahagi kepada tiga perkara utama iaitu teori, empirikal dan praktikal.

i) Teori

Kajian ini memberi sumbangan dalam penyelidikan dan khazanah ilmu dengan menawarkan model perilaku pelanggan perbankan Islam berdasarkan Teori Perlakuan Beralasan dan memberi penjelasan mengenai pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diperlukan dalam merangka kepercayaan dan kesetiaan pelanggan terutamanya di negeri Pahang. Kefahaman dan pengetahuan perlu diterapkan kepada orang awam mengenai institusi yang menawarkan produk perkhidmatan perbankan Islam.

ii) Empirikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini penting kerana perlunya melihat gelagat pengguna Islam dalam urusan kewangan dan perbankan dalam kehidupan seharian mereka. Beberapa kajian terdahulu memfokuskan kepada institusi perbankan Islam (IPI) seperti kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan, manakala kajian yang dijalankan terhadap sikap dan gelagat masyarakat Islam terhadap pemilihan perbankan Islam masih terhad. Dalam konteks Malaysia, perlu adanya kajian yang juga memfokuskan kepada individu Muslim dalam gelagat mereka menggunakan sistem perbankan bukan semata-mata membesarkan-besarkan tentang Institusi Perbankan Islam (IPI) tanpa melihat sudut yang tidak kurang pentingnya iaitu pelanggan itu sendiri. Pengetahuan yang baik mengenai perbankan Islam akan membantu pihak perbankan Islam menambahkan pelanggan-pelanggan mereka terutamanya dari kalangan masyarakat Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Praktikal

Kajian ini juga dapat membantu memberi input yang berguna kepada institusi yang berkepentingan dengan kajian ini khususnya institusi kewangan yang menawarkan produk Perbankan Syariah dalam memahami gelagat pelanggan. Ia juga diharapkan menjadi salah satu usaha kepada masyarakat Islam terutamanya di sekitar Kuantan dan Pahang secara umumnya agar mereka lebih memahami kepentingan dan sumbangan sistem kewangan Islam dalam pembangunan masyarakat Islam secara umumnya.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai rujukan dan panduan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji-pengkaji lain untuk kajian-kajian seterusnya yang berkaitan dengan kewangan dan perbankan Islam.

1.11 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan skop dan ruang lingkup kajian adalah seperti berikut.

i) Skop kajian ini mencakupi staf-staf IPT di Pahang.

ii) Kawasan atau wilayah operasi kajian hanya tertumpu di sekitar Zon Timur negeri Pahang. Sebanyak 12 Institusi Pendidikan Tinggi yang menawarkan pengajian dari peringkat Diploma sehingga peringkat Doktor Falsafah berada dalam kawasan Zon Timur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Dalam kajian ini, skop kajian hanya melibatkan staf-staf yang beragama Islam dan warganegara Malaysia sahaja.

iv) Skop kajian juga hanya berkisar mengenai tahap amalan pemilihan masyarakat Islam sahaja dan tidak memfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan penolakan masyarakat terhadap perbankan Islam.

v) Kajian ini dilakukan dengan kaedah kuantitatif menggunakan set soal selidik. Soal selidik yang digunakan merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada beberapa sarjana tempatan. Instrumen kajian ini dianalisis dengan menggunakan faktor analisis dalam SPSS versi 22. Justeru itu, data yang diperoleh sangat bergantung kepada kejujuran responden menjawab soal selidik yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Definisi Operasional

Merujuk kepada terma-terma utama yang digunakan di dalam kajian ini. Terma-terma tersebut adalah seperti berikut.

1.12.1 Sikap

Sikap merujuk kepada kesan penilaian sama ada positif atau negatif terhadap individu yang bertingkah laku terhadap sesuatu gelagat (Ajzen & Fishben, 1980). Sikap juga mewakili penilaian seseorang terhadap sesuatu perkara datangnya dari kepercayaan, niat dan perbuatan (Thurstone,1931) dalam (Ajzen & Fishben, 1980). Dalam kajian ini, sikap pengguna merujuk kepada sikap staf IPT terhadap amalan pemilihan perbankan Islam dalam urusan kewangan dan perbankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12.2 Kepatuhan Terhadap Agama

Agama merupakan asas oleh manusia dalam membina sikap dan gelagat mereka (Fam et. al, 2004). Dalam dunia kepenggunaan, kewajipan agama dan kepercayaan mempengaruhi sikap seseorang dalam membuat pilihan terhadap pelbagai produk seperti makanan, kewangan, pakaian dan lain-lain (Esso & Dibb, 2004; Jamal, 2003). Dalam Islam, aktiviti dan urusan mualamat mestilah bebas dari amalan riba seperti yang disebut di dalam al-Quran dan hadis (Zaharuddin, 2010).

Oleh itu, dalam kajian ini definisi ‘kepatuhan agama’ merujuk kepada kepatuhan staf IPT terhadap larangan agama mengenai amalan riba, *gharar* dan *maisir*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serta bentuk-bentuk ketidakpatuhan prinsip syariah dalam urusan kewangan dan muamalat tanpa melibatkan persoalan ibadah seperti solat, puasa, haji dan sebagainya.

1.12.3 Pemilihan Perbankan Islam

TPB mengusulkan perlakuan sebenar adalah konstruk yang lahir dari sikap, norma subjektif serta keinginan. Perlakuan sebenar boleh dikawal oleh individu dan selalunya boleh dijangka, hasil dari keinginan individu iaitu matlamat dan keinginan individu untuk membeli sesuatu produk (Ajzen, 1991; Lada et al., 2009). Sikap seseorang sama ada positif atau negatif pada sesuatu produk mendorong kepada gelagat pengguna untuk menggunakan atau sebaliknya (Mukhtar & Butt, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, ‘perlakuan sebenar’ merujuk kepada ‘pemilihan’ dalam urusan kewangan perbankan Islam iaitu sejauh mana pengguna Islam mengguna pakai produk perbankan Islam seperti produk simpanan, pembiayaan dan lain-lain dalam urusan kewangan mereka.

1.12.4 Sistem Kewangan Islam

Menurut Nor Mohamed (1996) Sistem kewangan Islam (*nizam al-mal al- Islami*) adalah sebahagian daripada keseluruhan sistem ekonomi Islam. Sistem kewangan Islam adalah meliputi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan dalam semua sektor ekonomi. Penggunaan istilah ini lebih ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti kewangan yang dijalankan oleh sektor ekonomi/perdagangan iaitu sektor swasta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua kumpulan institusi dan aktiviti yang bergerak dalam sistem kewangan Islam iaitu sistem bank yang terdiri daripada BNM, bank-bank yang lain dan pasaran kewangan. Manakala, kumpulan kedua terdiri daripada institusi kewangan bukan bank seperti institusi pembangunan (Nor Mohamed, 1996). Dalam kajian ini, sistem kewangan Islam memfokuskan kepada aktiviti kewangan yang dijalankan oleh institusi perbankan sahaja.

1.13 Kesimpulan

Keseluruhan bab satu membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian dan lain-lain. Bab satu juga membincangkan mengenai pemboleh ubah sikap, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam oleh pengguna Islam sehingga mengerakkan kajian yang lebih mendalam dilaksanakan khususnya di negeri Pahang.

Fokus kajian ini juga membincangkan mengenai kerangka konseptual yang dibangunkan berdasarkan adaptasi model kerangka Teori Perlakuan Beralasan yang dibangunkan oleh Ajzen dan Fishbein (1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai tinjauan kajian literatur berkaitan teori dan model yang menjadi panduan dalam kajian ini. Selain itu, bab ini juga membincangkan literatur berkaitan dengan kewangan dan perbankan Islam yang terdapat dalam kajian terdahulu di dalam dan luar negara untuk menyokong dan menegaskan tentang kepentingan tajuk yang ingin dikaji.

2.2 Sejarah Perbankan Islam Moden

Usaha pertama untuk mendirikan bank Islam bermula di Mesir. Usaha ini diketuai oleh Ahmad El Najar secara sulit dan tidak menggunakan platform Islamisasi kerana takut dilihat sebagai manifestasi daripada fundamentalis Islam. Sebuah institusi simpanan pelaburan berjaya ditubuhkan di Mit Ghamr pada tahun 1963 (Mustafa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2005; Sudin, 1996; Mahamad Mokhtar & Izah Mohamad Tahir, 2010). Penubuhan Mit Ghamr merupakan perintis penubuhan perbankan Islam moden di dunia. Penubuhan Bank Mit Ghamr di mana operasinya berasaskan syariah telah mengejutkan seluruh pakar ekonomi dan pemikir Islam. Kejayaan ini telah membuka mata ramai pihak serta membuka ruang kepada negara-negara Islam yang lain untuk menubuhkan bank berasaskan prinsip syariah.

Perkhidmatan bank tersebut adalah bebas dari riba dan menawarkan lima jenis perkhidmatan meliputi akaun deposit, akaun pembiayaan, penyertaan ekuiti, pelaburan langsung dan perkhidmatan sosial. Penubuhan bank ini membantu para petani di sekitar lembah sungai Nil untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka dan mengelakkan bebanan hutang yang mereka tanggung selama ini akibat dari kadar riba yang tinggi. Kejayaan bank ini telah mendapat pujian dan pengiktirafan *Ford Foundation* di mana laporan yang pernah dikeluarkan pada 1967 melaporkan kejayaan bank ini kerana mendapat sambutan dan sokongan yang kuat dari golongan petani dan desa serta menganggap bank tersebut sebagai kepunyaan mereka (Sudin, 1996).

Walaupun Mesir merupakan negara pertama yang menubuhkan bank Islam, pembangunan sistem kewangan Islam telah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan Bahrain dan Malaysia. Penguasaan pasaran perbankan Islam hanya menyumbang kepada 5 peratus sahaja dari keseluruhan pasaran kewangan dan perbankan. Antara faktor-faktor yang menyumbangkan kepada kemerosotan sistem perbankan Islam di Mesir kerana faktor politik yang tidak stabil dan penyelewengan berprofil tinggi yang dilakukan oleh syarikat pelaburan Islam yang berlaku pada 1980an. Pada tahun 2008, hanya terdapat dua buah bank berlandaskan Islam iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faisal Islamic bank of Egypt dan *Egyptian Saudi Finance Bank* dan 13 buah bank konvensional yang menawarkan '*Islamic windows'*(Sudin & Wan Nursofiza, 2009).

Sejak 1971 perbankan Islam telah berkembang dari sudut saiz dan bilangannya (Malaysia International Islamic Financial & Centre (MIFC), 2012; Metawa & Almossawi, 1998). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh *Pew Research Centre* pada Disember 2012, terdapat 1.6 bilion penduduk Islam di seluruh dunia bersamaan 23 peratus dari penduduk dunia. 65 peratus daripadanya tinggal di Asia Pasifik, 20 peratus orang Islam tinggal di kawasan Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA), 16 peratus di Sub Sahara Afrika, tiga peratus di Eropah bersamaan 38 juta orang Islam dan kurang dari satu peratus di Amerika Utara bersamaan 4.6 juta dan Amerika Latin. Penduduk Muslim yang teramai tinggal negara Indonesia, diikuti oleh India, Pakistan, Bangladesh, dan lain-lain (Lampiran A).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk memenuhi keperluan penduduk Muslim di seluruh dunia, terdapat lebih dari 600 institusi kewangan Islam dan 90 buah syarikat Takaful beroperasi di 75 buah negara di Asia, Afrika, Eropah dan Amerika dengan lebih 8,000 cawangan dengan purata 170 bilion dolar Amerika (MIFC, 2012). Popularity sistem perbankan Islam tidak terbatas kepada bank-bank Islam sahaja (Rashid, Hassan, & Abu Umar, 2009). Bahkan bank-bank konvensional antarabangsa terbesar juga menunjukkan minat untuk menyediakan produk perbankan Islam dan menguasai pasaran. Contohnya Citibank telah menubuhkan cawangan di negara seperti Bahrain dan Sudan beroperasi mengikut prinsip perbankan syariah (Naser, Jamal, & Al- Khatib, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HSBC juga telah melancarkan perbankan Islam yang mula beroperasi pada tahun 2003 yang menggunakan jenama HSBC Amanah sehingga kini telah beroperasi di 12 buah negara Islam di seluruh dunia. Institusi perbankan antarabangsa yang terkenal di seluruh dunia ini juga berminat untuk menawarkan produk perbankan Islam kerana untuk memenuhi keperluan penduduk Islam yang merupakan satu perlima dari jumlah penduduk dunia (Estiri et al., 2011).

Industri perbankan Islam telah berkembang dengan pesat di seluruh dunia. Ia telah mendapat tempat bukan sahaja di negara Islam bahkan negara bukan Islam seperti Singapura, Jepun, England dan Hong Kong juga berminat untuk mempromosikan sektor ini di negara masing-masing dan berhasrat menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa. Industri perbankan Islam mempunyai pengaruh yang besar di seluruh dunia kerana ianya mempromosikan 'perbankan beretika' dari sudut teori dan praktisnya (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Sejarah Kewangan dan Perbankan Islam di Malaysia

Malaysia merupakan negara pertama yang memperkenalkan sistem perbankan Islam di Asia Tenggara (Abdul Jalil, 2009). Apabila semangat untuk kembali kepada agama telah menular di kalangan cerdik pandai terutamanya pada tahun 1970an, umat Islam mula meninggalkan amalan riba. Masyarakat Islam mulai 'celik' mengenai fungsi dan kepentingan Institusi Perbankan Islam. Perkembangan yang pesat terhadap sistem Perbankan Islam di kebanyakan negara Islam telah mencetuskan fenomena sehingga terkena tempiasnya dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Ia telah mencetuskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penolakan amalan riba oleh umat Islam pada masa itu. Penolakan terhadap riba amat jelas sehinggakan mereka tidak mahu menyimpan di bank-bank konvensional sedia ada (Nik Mahani ,2008).

Bermula pada tahun 1960an, kerajaan merancang dengan menyediakan '*blueprint'* untuk penubuhan institusi kewangan Islam. Usaha pertama yang dilakukan oleh kerajaan ialah dengan tertubuhnya Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH) pada September 1963. PWSBH telah ditubuhkan untuk menjadikan institusi simpanan bagi umat Islam sebagai persediaan mengerjakan haji ke tanah suci Mekah. Untuk memperkemaskan lagi pentadbiran haji di Malaysia, enam tahun kemudian kerajaan menggabungkan perbadanan ini dengan Pejabat Urusan Haji yang telah ditubuhkan pada tahun 1951 yang berpejabat di Pulau Pinang. Gabungan ini melahirkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Ia ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia Akta 8 (Ab Mumin, 1999).

Ketika berlangsungnya Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980, peserta-pesertanya telah meluluskan usul meminta kerajaan membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) menubuhkan sebuah bank Islam bagi tujuan menyimpan dan melaburkan wang kepunyaan umat Islam.

Usaha awal oleh LUTH dan Badan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) berserta beberapa individu tertentu, akhirnya kerajaan menubuhkan jawatankuasa pemandu untuk membuat kajian kemungkinan mengenai penubuhan sebuah bank Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.M Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozzaman merupakan penasihat khas kepada Perdana Menteri. Seterusnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahun 1981 di Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam, kerajaan sekali lagi digesa untuk mengambil tindakan segera menggubal undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank dan badan kewangan lain yang berteraskan prinsip Islam. Dalam laporannya kepada kerajaan pada Julai 1982, mencadangkan supaya sebuah bank Islam ditubuhkan di Malaysia (Nor Mohamed, 1996; Ab Mumin, 1999).

Bagi membuka jalan untuk penubuhan bank Islam, kerajaan telah meluluskan Akta Bank Islam 1983 (ABI 1983) yang mula berkuat kuasa pada April 1983. Faktor-faktor penting ini telah membawa kepada penubuhan bank Islam pertama di Malaysia. Bank Islam pertama ditubuhkan ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang memulakan operasinya pada 1 Julai 1983 dengan sebuah cawangannya di Kuala Lumpur. Bank ini menawarkan semua jenis perkhidmatan perbankan berlandaskan prinsip syariah. Perkhidmatan yang diberikan merangkumi simpanan, pembiayaan runcit, pembiayaan perdagangan dan lain-lain yang setaraf dengan produk yang ditawarkan oleh bank Konvensional (Bank Islam Malaysia Berhad, 1994; Abdul Halim, 2010).

Setelah hampir 10 tahun bank Islam menjalankan perniagaan bersifat monopoli, Bank Negara Malaysia (BNM) meluaskan skim bank Islam ini kepada bank-bank konvensional dengan mewujudkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dengan menawarkan '*Islamic Windows'*. Perkembangan seterusnya bank Islam kedua ditubuhkan pada Oktober 1999 iaitu Bank Muamalat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan Malaysia memberikan sepenuh sokongan terhadap sektor perbankan yang merangkumi ‘dwi perbankan’ iaitu perbankan Islam bergerak seiring dengan perbankan konvensional yang sudah lama bertapak di Malaysia. Ia juga merupakan tindakan pro-aktif kerajaan Malaysia untuk menyediakan satu saluran perbankan alternatif kepada umat Islam. Kedua-dua sistem menyediakan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan, serta menggunakan infrastruktur yang sama (Nor Mohamed, 2003).

Kini, terdapat 16 buah bank Islam komersial, 12 buah institusi kewangan pembangunan serta bank konvensional yang menawarkan *Islamic windows* dan empat buah bank Islam antarabangsa yang dibenarkan beroperasi di Malaysia (rujuk lampiran B). Bilangan ini dijangka akan bertambah kerana dasar keterbukaan dan inisiatif kerajaan untuk mengangkat Malaysia menjadi ‘Pusat Kewangan Islam Antarabangsa’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Perkembangan Institusi Perbankan Islam (IPI)

Pada tahun 1993, bermula fasa kedua perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia. Pada akhir 1993 sebanyak 21 institusi kewangan telah memperoleh kelulusan BNM untuk menyertai SPTF. Istilah SPTF kemudian digantikan dengan Skim Perbankan Islam (SPI) berkuat kuasa pada 1 Disember 1998 (Nor Mohamed, 1996).

Kerajaan Malaysia mempunyai visi dan misi yang jelas serta ‘*master plan’* untuk menjadikan Malaysia pusat hub kewangan Islam antarabangsa yang boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijadikan contoh dan rujukan oleh negara-negara yang lain terutama di rantau Asia. Hasrat kerajaan Malaysia telah direalisasikan dengan penubuhan '*Malaysia International Islamic Financial Centre*' (MIFC) pada tahun 2006. Kerajaan juga melancarkan fasa ketiga perkembangan sistem kewangan Islam Malaysia dengan mengumumkan '*Financial Sector Blueprint 2011-2020'* untuk memperkuatkan lagi hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa melalui penghasilan instrumen kewangan Islam, penggerak kepada aliran kewangan Islam negara Timur Tengah ke Asia dan memperkukuhkan lagi kerangka undang-undang dan syariah (Price waterhouse Cooper Malaysia, 2008).

Malaysia juga telah diiktiraf oleh banyak negara Islam seperti Indonesia dan Brunei bahkan negara-negara bukan Islam sebagai model dalam kewangan dan perbankan Islam. Hong Kong contohnya, menghantar delegasi mereka (*Hong Kong Monetary Authority*) ke Kuala Lumpur bagi mengkaji pelaksanaan sistem ini untuk digunakan di negara mereka (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 2011). Sungguhpun penubuhan bank Islam pertama di Malaysia adalah atas aspirasi umat Islam di negara ini, peranannya tidak hanya terbatas kepada umat Islam sahaja bahkan skopnya lebih luas dari itu. Kewujudan bank-bank Islam di Malaysia juga turut menjadi pilihan kepada kaum-kaum lain yang berlainan agama.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengambil pelbagai langkah untuk memperkukuhkan perbankan Islam di antaranya ialah pada tahun 1994 Pasaran Wang secara Islam diperkenalkan. Di antara dua instrumen yang diniagakan ialah Sijil Pelaburan Kerajaan (SPK), Bil Penerimaan Islam, Penerimaan Jurubank, Sekuriti Hutang Islam dan Instrumen Boleh Niaga Islam. Pada Jun 1995, Persatuan Institusi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) telah ditubuhkan bertujuan untuk memperkukuhkan aspirasi penubuhan sistem kewangan Islam yang sihat dengan amalan yang baik. Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) juga ditubuhkan dan menjadi institut latihan milik industri perbankan Islam. Pada tahun 1997, Majlis Penasihat Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful (*Nasional Syariah Council On Islamic Banking And Takaful-NSAC*) telah ditubuhkan. Objektif utama adalah untuk bertindak sebagai badan autoriti tunggal bagi menasihati BNM tentang operasi perbankan Islam dan takaful serta menilai aspek-aspek syariah pada produk dan skim baru yang dikemukakan oleh institusi perbankan dan takaful (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 2011).

Pada Januari 1999, Unit Perbankan Islam (UPI) di naik taraf kepada bahagian perbankan Islam (BPI). BPI dikehendaki menjalankan semua aspek perbankan Islam seperti perkhidmatan perbankan dan pentadbiran. BPI diketuai oleh Pegawai Pengurusan Kanan bank sekurang-kurangnya bertaraf Penolong Pengurus Besar. Oktober 1999, bank Islam kedua telah beroperasi iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad. Penubuhannya adalah hasil gabungan di antara Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank *of Commerce* Berhad.

Pada tahun 2001, rangka tindakan pelan induk sektor kewangan telah diumumkan dan sekali gus melancarkan satu institusi yang dinamakan sebagai IBFIM (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Berhad) yang dimiliki oleh BNM dan 12 institusi kewangan yang menawarkan produk perbankan Islam. Objektif utama penubuhan IBFIM adalah untuk menjadi peneraju dalam pengeluaran tenaga kerja yang mahir dalam bidang kewangan Islam dengan menyediakan pendidikan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

latihan untuk melatih pekerja yang mahir dalam sektor ini. Pada Julai 2004, kumpulan RHB telah diberikan lesen oleh BNM untuk beroperasi sebagai sebuah bank Islam ketiga. Kumpulan RHB telah menubuhkan RHB *Islamic* Bank Berhad sebagai satu subsidiari kepada kumpulan RHB. RHB *Islamic* Bank Berhad mula beroperasi pada 16 March 2005.

Pada tahun 2004, BNM turut meluluskan lesen perbankan Islam kepada tiga buah institusi kewangan Islam asing yang terkenal di timur tengah untuk beroperasi di Malaysia iaitu *Kuwait Finance House, Al-Rajhi Banking and Investment Corporation* dan satu konsortium institusi kewangan Islam yang terdiri daripada *Qatar Islamic bank, RUSD Investment Bank Inc*. dan *Global Investment House*. Pada Disember 2005, Majlis Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial services Board-IFSB*) telah meluluskan garis panduan kecukupan modal dan pengurusan risiko yang dijadualkan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2007.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Objektif Penubuhan Sistem Perbankan Islam

Matlamat utama penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad ialah untuk berusaha sedaya upaya menjalankan operasinya sebagai sebuah bank perdagangan berlandaskan kepada hukum-hukum syarak, untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan bank kepada umat Islam dan rakyat di negara Malaysia dengan mencapai keteguhan dan keupayaan berkembang maju dari masa ke semasa (Muhammad Kamal, 1993; Sudin & Wan Nursofiza, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu intisari terpenting dari operasi bank Islam yang berlandaskan hukum-hukum syarak adalah pelaksanaan ‘muamalat urusan bank dan kewangan tanpa riba’. Mengikut ulama-ulama yang berusaha dalam gerakan menubuhkan bank Islam pencapaian matlamat ini adalah yang sewajarnya diutamakan dalam kegiatan sebuah bank Islam sebagai ganti amalan membayar dan mengenakan faedah yang dilakukan oleh sistem bank yang ada sekarang.

Objektif penubuhan bank konvensional semata-semata untuk memaksimumkan keuntungan sedangkan objektif penubuhan perbankan Islam berdasarkan kepada dua faktor utama iaitu faktor agama dan faktor keuntungan (Sudin, 1996). Kebanyakan pengkaji mengenai perbankan Islam bersetuju bahawa perbankan Islam mestilah memenuhi dua kriteria asas iaitu ia mestilah dilaksanakan tanpa melanggar hukum syariah dan ia hendaklah membantu ke arah pencapaian objektif sosio-ekonomi masyarakat Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Model Pelaksanaan Perbankan Islam

Pelaksanaan sistem perbankan Islam di negara-negara Islam terutamanya bagi 51 buah negara yang menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dapat dikelaskan kepada empat kategori (Nor Mohamed, 1996; Ab Mumin, 1999) iaitu:

i) Mempunyai hanya satu sistem perbankan sahaja iaitu sistem perbankan Islam. Negara ini ialah Iran, Pakistan dan Sudan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Mempunyai dwi-sistem (*Dual system*) iaitu sistem perbankan Islam yang beroperasi selari dengan sistem konvensional yang sedia ada. Negara yang mengamalkan ialah Malaysia, Bangladesh dan Bahrain.

iii) Mempunyai sistem konvensional campur (*conventional plus)* iaitu sistem ini pada asasnya ialah sistem konvensional tetapi segelintir bank-bank Islam beroperasi di pinggiran sistem konvensional. Negara yang mengamalkannya seperti Arab Saudi, Brunei, Indonesia, Turki, Jordan, Mesir dan Emeriah Arab Bersatu.

iv) Negara yang masih belum mengamalkan perbankan Islam. Di antara negaranya ialah Afghanistan, Algeria, Mauritius, Libya, Iraq, Lubnan, Nigeria, Oman, Palestin dan Maldives.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia merupakan negara Islam yang pertama mempunyai sistem perbankan Islam yang komprehensif dan cekap di mana ia beroperasi secara selari dengan sistem perbankan konvensional yang telah lama bertapak di Malaysia. Model pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia mempunyai kelebihan berbanding dengan pelaksanaan di negara lain (Nor Mohamed, 1996).

Prasarana perbankan, pelesenan, pengawasan dan undang-undang sangat komprehensif dan lengkap sama seperti perbankan konvensional. Produk-produk yang ditawarkan adalah canggih dan merangkumi skop yang luas sama ada untuk pelanggan persendirian, ahli perniagaan, syarikat-syarikat korporat dan lain-lain. Umat Islam di Malaysia diberi pilihan untuk menikmati kemudahan sistem perbankan yang moden dan canggih tanpa perlu melibatkan diri dengan riba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Negara yang mengamalkan *conventional plus* seperti Indonesia dan Arab Saudi, kemudahan yang ditawarkan tidak menyeluruh seperti bank-bank konvensional memandangkan operasi institusi Islam ini adalah secara kecil-kecilan. Bahkan produk-produk yang mereka tawarkan terhad dan kurang efisien. Situasi ini akan menyebabkan penduduk negara tersebut lebih berminat untuk berurusan dengan perbankan konvensional.

Manakala bagi negara yang mengamalkan hanya perbankan Islam seperti Iran dan Pakistan, ianya dilihat baik kepada penduduk negara tersebut kerana mampu menghindarkan diri dari terlibat dengan riba. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari sudut persaingan seperti yang diamalkan di Malaysia, bank-bank Islam terpaksa mencari jalan untuk menawarkan kemudahan yang sama secara Islam seperti yang ditawarkan oleh bank konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Nor Mohamed, (1996) dalam *dual system* bank-bank Islam tidak boleh beroperasi secara sambil lewa memandang mereka beroperasi secara dinamik. Wujud persaingan dalam pasaran kewangan dan perbankan oleh itu ia akan mengerakkan bank-bank Islam untuk terus mencipta produk-produk yang sama canggih tetapi berasaskan unsur-unsur Islam. Ini akan menjadi proses berterusan di mana mutu kualiti perkhidmatan perbankan Islam akan sentiasa dipertingkatkan. Sumbangan terbesar Malaysia dalam bidang perbankan Islam ialah memperkenalkan sistem perbankan yang unik dan sempurna di samping operasi selari dengan sistem perbankan konvensional (Nor Mohamed, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Falsafah Perbankan Islam

Perbankan Islam dibangunkan atas dasar falsafah muamalat sehingga membezakan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan perbankan konvensional. Sekalipun wujud persamaan dari aspek fungsi dan aktivitinya namun konsep dan teorinya tidak sama. Perbezaan utama antara perbankan Islam dan konvensional adalah kerana aktiviti riba yang diamalkan oleh bank-bank konvensional. Kewujudan riba di bank konvensional ini disepakati oleh kesatuan ulama seluruh dunia melalui Kesatuan Fiqh Antarabangsa, Majlis Fatwa Eropah dan banyak lagi (Zaharuddin Abdul Rahman, 2008).

Perbezaan paling utama antara perbankan Islam dan konvensional ialah bebas dari aktiviti riba. Perbankan Islam bukan sahaja mengharamkan riba tetapi juga perniagaan dan aktiviti yang terlibat dalam spekulasi, perjudian, arak, *gharar* dan lain-lain yang jelas dilarang dalam Islam. Riba jelas diharamkan dalam Islam seperti yang termaktub di dalam al-Quran. Terdapat empat ayat yang menjelaskan larangan terhadap riba. Ayat pertama diturunkan di Mekah, menunjukkan kebencian Allah S.W.T terhadap riba. Walau bagaimanapun ayat pertama ini tidak menunjukkan pengharamannya. Ayat 39 dari surah ar-Ruum bermaksud; dan suatu riba (tambahan) yang kamu berikan untuk menambah harta manusia, maka demikian itu tidak bererti bisa menambah di sisi Allah S.W.T.

Ayat kedua pula diturunkan di Madinah iaitu dalam surah an-Nisa ayat 160-161. Ayat ini menceritakan kemurkaan Allah S.W.T terhadap orang Yahudi yang mempraktikkan riba. Ayat seterusnya juga diturunkan di Madinah iaitu surah ali-Imran ayat 130. Ayat ini menunjukkan larangan tegas mengharamkan salah satu riba

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang biasa diamalkan pada zaman tersebut iaitu riba *nasiah* di mana amalan yang biasa dilakukan iaitu pengambilan berlipat kali ganda riba terhadap aktiviti peminjaman wang. Namun larangan ini tidak menyeluruh.

Ayat terakhir dalam surah al-Baqarah yang diturunkan oleh Allah S.W.T mengharamkan riba secara menyeluruh, tidak ada beza walau sedikit atau banyak riba diambil. Ayat ini juga merupakan ayat tentang hukum riba yang wajib dipegang oleh umat Islam. Ayat ke 278 tersebut bermaksud; wahai orang yang beriman! Bertakwa lah kamu kepada Allah S.W.T dan tinggalkan(jangan menuntut lagi) saki baki riba(yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun sistem kewangan Islam moden mula dipraktikkan semula sekitar tahun 1970an namun hakikatnya, falsafah dan prinsip mengenai sistem ini telah lama digariskan di dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W lebih 1,400 tahun yang lepas. Inspirasi dan falsafah Islam amat jelas kerana ianya berasaskan kepada kedua-dua sumber yang suci. Falsafah Islam memberi penekanan kepada amalan. Konsep tauhid mempunyai dua tujuan iaitu penyaksian bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan yang keduanya ialah aspek hubungan manusia dengan manusia. Ianya menuntut manusia beramal dengan akhlak yang mulia dalam setiap tindakan. Ianya berbeza dengan falsafah ekonomi sosialis yang tergambar dalam konsep *laissez fair*, asas falsafah ekonomi Islam tergambar dalam konsep tauhid. Maka objektif penubuhan perbankan Islam berdasarkan dua faktor utama iaitu faktor agama dan faktor keuntungan (Sudin et al., 1994; Nor Mohamed, 1996; Ab Mumin, 1999; Sudin & Wan Nursofiza, 2009; Abdul Jalil, 2009). Perbankan Islam ditakrifkan sebagai suatu sistem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbankan yang berkaitan dengan operasi dan amalannya mengikut ajaran dan prinsip syariah Islam (Sudin & Wan Nursofiza, 2009) Ini bermakna semua operasi dalam perbankan Islam baik urusan penyimpanan mahupun pembiayaan wang harus mengikut doktrin ajaran Islam. Sumbernya berasaskan sumber yang mutlak iaitu al-Quran dan al-hadith. Inilah yang membezakan perbankan Islam dan perbankan Konvensional antara sumber wahyu dengan sumber akal manusia atau juga dikenali sebagai falsafah (Nor Mohamed, 1996; Abdul Jalil, 2009).

Berdasarkan kepada IFSA 2013, operasi bank Islam mestilah menepati hukum syara' oleh itu prinsip-prinsip Islam mesti digunakan dalam operasinya. Di antara prinsip-prinsip yang digunakan ialah *Wadiah, Mudarabah, Bai'bithaman Ajil, Murabahah, Musyarakah, Hiwalah, Al-Rahn, Ijarah, Qardhul Hasan* dan pelbagai lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Prinsip Wadiah Yad al-Dhamanah

Wadiah mengikut penggunaan fuqaha ialah satu kontrak pemilik sesuatu memberikan kuasa kepada orang lain supaya menjaga barang atau hartanya untuk keselamatannya (Nor Mohamed, 1996). Dalam konteks amalan bank istilah *Wadiah* diguna pakai dan ditambah pula *Yad al Dhamanah* sebagai kontrak simpanan dengan jaminan. Ia merujuk kepada pendeposit yang memberi kuasa kepada orang lain iaitu pihak bank untuk menyimpan harganya atau barangnya untuk tujuan keselamatan barang dari kehilangan, kemusnahan, kecurian dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip *Wadiah* ini meletakkan hubungan antara bank dengan pelanggan sebagai pemberi jamin dan penerima jamin kerana hak milik harta tidak dipindahkan kepada bank cuma bank berkuasa dan kawalan yang terhad ke atas wang tersebut. Bank tidak terikat untuk membayar keuntungan kerana semua keuntungan milik bank tetapi bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk pembahagian untung kepada pendeposit. Ini berbeza dengan kedudukan hubungan antara pendeposit dengan bank konvensional di mana bank konvensional sebagai penghutang dan pendeposit sebagai pemiutang. Oleh itu, bank bertanggungjawab untuk membayar wang yang disimpan apabila dituntut oleh pelanggan (Abdul Halim Muhammad., 2010). Prinsip ini digunakan secara meluas untuk akaun simpanan dan akaun simpanan semasa.

2.4.2 Prinsip Mudharabah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berasal dari perkataan arab,' *darb*', bererti berjalan di permukaan bumi. Dahulu '*darib*' menempuh perjalanan yang cukup panjang untuk mengadakan usaha-usaha komersil mencari keuntungan (Muhammad Kamal, 1993). *Mudharabah* mengikut definisi yang diberikan oleh fuqaha ialah sesuatu kontrak perkongsian untuk mendapatkan keuntungan yang diwujudkan antara dua pihak iaitu pemodal dan pengusaha. Dalam amalan bank Islam, produk ini digunakan untuk tujuan pendeposit melaburkan wang mereka untuk mendapatkan keuntungan. Selalunya dua akaun pelaburan yang ditawarkan oleh bank Islam ialah akaun pelaburan am dan akaun pelaburan khas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi akaun pelaburan am pihak bank menerima deposit daripada pelanggannya untuk dilaburkan dan pelanggannya terikat kepada had masa tertentu mengikut persetujuan pelanggan dan bank dari satu bulan sehingga 60 bulan atau lebih. Pelanggan tidak terlibat dalam pengurusan dan jika berlaku kerugian dalam pelaburan pihak pelanggan perlu menanggung risiko sepenuhnya manakala jika berlaku keuntungan maka ia akan dibahagikan dua mengikut nisbah yang dipersetujui seperti 70 peratus untuk pelanggan dan 30 peratus untuk bank. Selain daripada pelaburan am, pihak bank memberi peluang pelaburan khas ini dari segi pembahagian untungnya berdasarkan kepada persetujuan khas bagi setiap pelabur. Prinsip ini juga digunakan untuk pelaburan bank, di mana bank membiayai projek-projek tertentu sepenuhnya dan pengurusan terhadap projek ini dilakukan sepenuhnya oleh pihak pengusaha dan bank tidak ada sebarang penglibatan dalam pengurusan projek. Keuntungan daripada projek ini akan dibahagikan mengikut persetujuan dua pihak dan jika berlaku kerugian maka risikonya ditanggung oleh bank sepenuhnya (Abdul Halim Muhammad., 2010).

2.4.3 Prinsip Bai' Bi Thaman Ajil

Secara umumnya BBA di mengertikan sebagai jualan dengan harga tertangguh. Di mana konsepnya sama dengan *Murabahah* kecuali ia biasanya digunakan kepada pembiayaan yang lebih panjang tempoh pembayaran baliknya (Nor Mohamed, 1996). Fuqaha mentakrifkan *bai* sebagai pertukaran harta dengan harta. Ia boleh berlaku pertukaran itu antara barang dengan barang atau barang dengan wang. Ia bermaksud jual beli dengan pembayaran bertangguh. Kontrak ini berlaku antara dua pihak di mana barang yang dijual diserahkan kepada pembeli dalam majlis akad tetapi pembayarannya ditangguhkan mengikut ketetapan masa yang dipersetujui oleh dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pihak. Dalam amalan perbankan Islam, prinsip ini digunakan untuk pembiayaan perumahan, tanah, kenderaan dan sebagainya.

Di bawah prinsip ini pihak bank akan membeli aset yang dikehendaki dan yang telah dikenal pasti oleh pelanggan dengan harga kos dan kemudian menjualnya semula kepada pelanggan dengan harga kos berserta tambahan margin keuntungan. Pelanggan dibenarkan menangguhkan pembayaran sehingga ke sesuatu tempoh yang ditentukan dengan bayaran secara ansuran harga jualan hendaklah dipersetujui bersama dan ia tidak boleh diubah-ubah sehingga tamat tempoh pembayaran balik (Ab Mumin, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Prinsip *Ijarah*

Al-Ijarah ialah satu kontrak untuk memajak dan juga untuk menyewa (Sudin, 1996; Ab Mumin, 1999). Dalam erti kata yang lain *al-Ijarah* iaitu sewa ialah kontrak yang memberi milik manfaat sesuatu dengan bayaran. Dalam konteks bank pula, amalan prinsip *Ijarah* ini dilakukan dengan cara bank membeli aset yang diperlukan oleh pelanggan, kemudian menyewakan aset itu kepada pelanggannya dalam jangka masa yang ditetapkan.

Pelanggan bank akan membayar sewa di atas penggunaannya terhadap aset itu mengikut kadar yang dipersetujui. Setelah selesai tempoh penyewaan maka aset itu dipulangkan semula kepada bank atau dijual kepada penyewa (Muhammad Kamal, 1993). Jika pelanggan ingin memiliki aset yang disewakan setelah tempoh sewaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nya, pihak bank membenarkan pelanggan memilikinya dengan menggunakan prinsip *Ijarah Wa Al Iqtina* (Abdul Halim Muhammad., 2010).

Oleh kerana *al-Ijarah* adalah kontrak ke atas manfaat maka tidak sah menyewa benda-benda yang lenyap atau musnah bentuk fizikalnya ketika digunakan manfaat tersebut. Ini kerana kontrak *al-Ijarah* ialah memiliki manfaat bukannya memiliki '*ayn*' benda itu. Manfaat ini pula boleh sama ada dalam bentuk fizikal seperti bangunan atau bentuk kerja seperti buruh (Ab Mumin, 1999).

2.4.5 Prinsip Murabahah

Murabahah merupakan kontrak jual beli di mana harga barang atau aset di tambah keuntungan daripada harga asalnya yang diketahui oleh pihak-pihak yang berkontrak. Dalam konteks amalan bank, pelanggannya memerlukan surat kredit dan meminta bank membeli barang atau aset itu daripada bank apabila barang itu sampai. Kontrak itu boleh berlaku atas permintaan salah satu pihak yang berkontrak dan per setujui oleh satu pihak lagi.

Biasanya ia berlaku dalam keadaan pihak pembeli tidak mengetahui harga pasaran sebenar dan mempercayai kejujuran penjual mengatakan modal dan keuntungan yang dicadangkan daripada kontrak tersebut. Cadangan ini juga datang dari pihak penjual sendiri yang bertujuan untuk melariskan barangan jualannya dengan mempelawa kepada pembeli satu harga tertentu dengan menyatakan harga kos

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan jumlah keuntungan bersekali. Gambaran kontrak ini telah diceritakan oleh al Imam al Shafie dalam kitabnya *al Umm* (Ab Mumin, 1999).

Prinsip *Murabahah* ini juga digunakan oleh bank dalam memberikan pembiayaan modal kerja kepada pelanggannya. Ia dilaksanakan melalui pembelian stok, bahan-bahan mentah, barang gantian, barang separuh siap dan sebagainya (Abdul Halim Muhammad., 2010; Bank Islam Malaysia Berhad, 1994). Elemen penting yang terdapat dalam kontrak *Murabahah* dengan syarat-syarat utama adalah sama dengan kontrak *Bai Bithamin Ajil*. Walau bagaimanapun, terdapat syarat-syarat tambahan seperti penjual perlu mendedahkan kos tambahan yang akan dikenakan kepada pembeli. Kos tambahan itu dinyatakan dalam bentuk peratusan keuntungan atau *lump sum* (Kamal et al., 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.6 Prinsip Musyarakah/Syarikah

Musyarakah bererti akad antara dua pihak atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan atau berkongsi keuntungan sahaja jika tidak melibatkan modal (Kamal et al., 2008). Erti kata lain pula ia adalah kontrak yang diadakan antara pemegang saham dan rakan-rakan kongsi ke atas modal dan keuntungan. Pelaksanaan kepada prinsip ini bank akan mengeluarkan sebahagian modal yang diperlukan oleh pelanggannya untuk membeli atau menyimpan barang atau aset yang diperlukan dengan menggunakan prinsip *Musyarakah*, manakala pelanggannya pula akan mengeluar sebahagian modal bagi pihaknya yang dimasukkan dalam akaun *Wadiah*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk pembayaran barang atau aset yang diperlukan (Abdul Halim Muhammad., 2010).

Dengan persetujuan dua pihak dalam perkongsian ini maka bank akan mengeluarkan surat kredit dan membayar harga barang atau aset yang dikehendaki oleh pelanggannya kepada bank yang berurusan atau pihak pembekalnya. Kemudian pelanggan bank akan mengambil barang atau aset itu dan menjualnya dan keuntungan yang didapati daripada perniagaan ini akan dikongsi bersama mengikut persetujuan yang telah dicapai berdasarkan kadar sumbangan modal masing-masing (Bank Islam Malaysia Berhad, 1994). Sekiranya berlaku kerugian, kedua pihak akan berkongsi mengikut nisbah ekuiti masing-masing. Walau bagaimanapun, nisbah ekuiti tidak semestinya sama rata dalam perkongsian. Kedua-dua pihak juga mempunyai hak untuk membatalkan kontrak jika mereka mahu kerana kontrak tersebut berdasarkan kepada setiap pihak hanya merupakan wakil atau agen kepada rakan kongsinya dalam menjalankan transaksi perniagaan (Kamal et al., 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teori dan Model Gelagat Kepenggunaan Berkaitan Perbankan

Teori kepenggunaan oleh penyelidik barat hanya tertumpu kepada budaya materialisme dan hedonisme sebagai matlamat kehidupan individu tersebut (Fauziah et al., 2008; Lada et al., 2009). Walau bagaimanapun teori-teori tersebut telah diubahsuai supaya selari dari perspektif Islam di mana kepenggunaan dari sudut Islam perlu berlandaskan dan berpandukan al-Quran dan as-sunnah (Ahmad Azrin, 2012; Hanudin, Abdul Rahman, et al., 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepenggunaan bukan sahaja berkisar berkaitan dengan urusan makan dan minum sahaja tetapi termasuk dalam urusan kewangan dan perbankan (Ahmad Azrin, 2012). *Theory of Reasoned Action* (TPB), *Theory of Planned Behaviour* (TGT) dan *Theory of Difussion Of Innovation* (TPI) merupakan teori barat yang kerap digunakan *Theory of Diffusion Of Innovation Model* (TRI) sering kali digunakan oleh sarjana dalam mengkaji gelagat pengguna dari perspektif konvensional. Walaupun teori tersebut telah digunakan sebagai asas kepada kajian, terdapat sarjana yang telah menggabungkan dengan elemen agama bagi mengukuhkan lagi teori tersebut dari sudut perspektif Islam.

Teori-teori ini juga telah digunakan dalam bidang perbankan Islam seperti; (Fauziah et al., 2008;Amin et al., 2011; Hanudin, 2013a) menggunakan TPB seperti; (Gopi & Ramayah, 2007; Hanudin, Abdul Rahim, & Dzuljastri, 2014) menggunakan TGT dan (Seethaletchumy et al., 2010; Amin et al., 2013) menggunakan TRI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 *Theory of Reasoned Action* (TPB)

Teori Perlakuan Beralasan (TPB) telah diperkenalkan oleh Icek Ajzen dan Martin Fishbein pada 1967 setelah hampir 15 tahun mengkaji dan menguji teori ini dalam pelbagai lapangan. Teori ini adalah berdasarkan kepada andaian bahawa manusia selalunya adalah rasional dan menggunakan maklumat yang mereka terima dengan sistematik. Mereka percaya bahawa gelagat manusia tidak dikawal oleh motif tidak sedar (*unconscious motive*) atau keinginan yang melampau (*overpowering desire*) atau tanpa berfikir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat utama mereka adalah untuk meramal dan memahami gelagat individu. Langkah pertama yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut ialah dengan mengenal pasti dan mengukur gelagat individu terhadap minat. Apabila gelagat dikenal pasti, ia tidak mustahil untuk mengenal pasti apa yang menentukan gelagat.

Terdapat dua faktor unik yang akan menyumbangkan kepada keinginan untuk bergelagat (*behavioural intention)* dalam TPB dinamakan sikap terhadap gelagat (*attitude towards behaviour*) dan norma subjektif (*subjective norm*). Untuk memahami dengan lebih mendalam tentang faktor yang mempengaruhi gelagat, ianya perlu melihat terhadap kepercayaan yang dipegang oleh individu terhadap diri mereka dan persekitaran (Ajzen & Fishben, 1980). Oleh itu, kepercayaan individu dan keluarga dipamerkan sebagai sikap individu dan norma subjektif di mana ia menentukan keinginan dan gelagat. Menurut TPB keinginan individu ditentukan oleh dua penentuan iaitu sikap secara semula jadi (*personal in nature*) dan pengaruh sosial (*social influence).*

Penilaian individu terhadap perlakuan terhadap gelagat sama ada berkelakuan positif atau negatif adalah di atas pilihan individu tersebut dan ianya mendorong untuk melaksanakan/melakukan gelagat tersebut atau sebaliknya. Penentuan kedua iaitu pengaruh sosial pula merujuk kepada persepsi individu terhadap tekanan sosial di sekelilingnya seperti keluarga dan rakan-rakan akan mempengaruhi individu sama ada melaksanakan atau tidak terhadap gelagat tersebut. Ajren dan Fishben, (1980) menamakan perlakuan tersebut sebagai ‘*subjective norm’.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ajzen dan Fishben (1980) mendefinisikan sikap ialah indeks terhadap darjah individu suka atau tidak suka terhadap objek dan sikap individu terhadap sesuatu gelagat di mana ia ditentukan oleh satu kepercayaan *(set of salient believe)* yang dipegang oleh individu tersebut untuk melaksanakan gelagat tersebut. Norma subjektif pula didefinisikan sebagai persepsi individu terhadap orang di sekelilingnya yang paling penting dalam kehidupan individu tersebut sama ada dia perlu atau tidak perlu melaksanakan gelagat tersebut. Ia juga hasil dorongan sebagai motivasi untuk melaksanakannya (motivation to comply). '*Subjective norm'* bertindak berdasarkan motivasi dari pengaruh persekitaran sosial atau tekanan sosial terhadap individu tersebut sekali gus mendorong kepada '*behavioral intention'*. Persekitaran sosial dan tekanan sosial akan mempengaruhi individu untuk ber gelagat walaupun individu itu suka atau tidak dengan gelagat tersebut. Dalam erti kata yang lain, individu akan berkeinginan untuk melaksanakan gelagat tersebut apabila mereka menilai gelagat tersebut adalah positif dan mereka percaya bahawa pengaruh orang sekeliling penting untuk melaksanakan gelagat tersebut.

Sikap dan norma subjektif menyumbangkan kepada '*behavioral intention'*. Menurut Ajzen dan Fishben (1980), untuk memahami dengan lebih baik terhadap faktor yang mempengaruhi gelagat (*behavior*) ialah dengan melihat kepada kepercayaan (*beliefs*) terhadap pegangan setiap individu dan persekitarannya. Oleh itu, kepercayaan *(beliefs*) akan mempamerkan sikap (*attitude*) seseorang dan norma subjektif (*subjective norm)'* dalam menentukan keinginan untuk gelagat (*behavioral intention*). Oleh itu, '*attitude* dan '*subjective norm*' merupakan penentu secara langsung kepada '*behavioral intention'*. Kerangka teori ini ditunjukkan dalam rajah 2.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1 Theory of Reasoned Action. Sumber dari Ajzen & Fishben, 1980

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ajzen dan Fishbein (1980) telah menguji teori ini dalam pelbagai lapangan seperti bidang psikologi, pemasaran, politik dan komunikasi. Di Malaysia, TBP telah digunakan dalam kajian-kajian yang merangkumi bidang pemasaran Islam, perakaunan, perbankan Islam dan teknologi maklumat. Di antara pengkaji yang mengaplikasikan teori ini dalam kajian mereka iaitu Ha (1998); Ramayah & Norazah (2006); Fauziah, Ramayah, dan Dzuljastri Abdul (2008); Hanudin (2008); Ramayah, Rouibah, Gopi, & John (2009); Lada, Tanakinjal, dan Hanudin (2009); Hanudin, Abdul Rahim, Sondoh Jr, dan Chooi Hwa (2011); Ahmad Azrin (2012) dan Hanudin (2013b). TPB menekankan dua penentuan yang penting iaitu faktor intrinsik yang akan mempengaruhi sikap individu dan faktor tekanan persekitaran iaitu pengaruh orang lain dalam pemilihan sesuatu produk (Fauziah et al., 2008; Hanudin, 2013b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 *Theory of Planned Behaviour* (TGT)


Teori Gelagat Terancang (TGT) telah diperkenalkan oleh Ajzen (1991) di mana beliau telah menambah satu lagi konstruk di dalam model TGT iaitu 'gelagat kawalan yang diperhatikan' *(Perceived control behaviour*). TGT menerangkan gelagat pengguna terhadap sesuatu perkara dipengaruhi oleh sikap pengguna, norma subjektif dan gelagat kawalan yang diperhatikan (Rajah 2.2).

Menurut TGT, tindakan manusia dipandu oleh tiga pertimbangan iaitu; kepercayaan terhadap tingkah laku (*behavioural belief*) mungkin hasil dari tingkah laku dan penilaian terhadap tingkah laku tersebut, kepercayaan normatif (*normative belief*) seperti jangkaan orang lain dan motivasi untuk melaksanakannya serta kawalan yang dilihat iaitu sumber dan peluang yang menguasai individu dan juga menjangkakan halangan yang ada terhadap melakukan tingkah laku tersebut (Ajzen, 1991).

Oleh itu, semakin kuat hubungan sikap individu dan norma subjektif terhadap satu gelagat dan semakin baik kawalan diri, semakin kuat keinginan individu untuk melakukan gelagat tersebut. Kebanyakan kajian terdahulu menyarankan TGT mungkin faktor yang penting dalam menentukan keinginan dan tingkah laku sebenar (Hansen, Jensen, & Solgaard, 2004; Hanudin, Abdul Rahim, et al., 2014). Di Malaysia, TGT juga digunakan dalam kajian berkaitan dengan perbankan Islam seperti (Hanudin et al., 2013; Hanudin, Abdul Rahim, et al., 2014) iaitu kajian berkaitan pembiayaan perumahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2 Theory of Planned Behaviour (TPB). Sumber dari Ajzen, 1991

2.5.3 *Theory of Diffusion Of Innovation Model* (TRI)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori ini diperkenal oleh (Rogers, 1999, 2003) telah digunakan secara meluas dalam bidang penggunaan inovasi contohnya idea baru, produk atau amalan yang akan diguna pakai iaitu dikenali sebagai "Resapan Inovasi". Pembinaan dan kajian terhadap teori ini bermula sejak tahun 1962 lagi di mana ia telah menggalakkan kajian penyelidikan dalam kerja-kerja ilmiah dalam bidang tersebut. Kira-kira 5,200 kajian resapan telah dikenal pasti oleh Rogers (2003) semasa bekerja pada edisi ke-5 teks beliau. Secara umum, proses penerimaan itu telah ditakrifkan sebagai proses di mana individu penerima, lulus dari kesedaran kepada penerimaan penuh satu inovasi baru (Rogers, 1999, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Rogers, Teori Resapan Inovasi Model (TRI) mempunyai dua peringkat untuk diterima pakai. Pada mulanya, inovasi mesti dibeli, diperoleh dan diterima pakai oleh individu atau organisasi. Selepas itu, ia mesti sama ada diterima atau ditolak oleh pengguna utama dalam masyarakat atau komuniti. Walaupun idea penerimaan ini mempunyai kelebihan, ia sukar untuk dikaji. Kebanyakan kajian terhadap inovasi baharu melibatkan proses yang panjang iaitu bermula dengan proses kesedaran produk, penggunaan dan penerimaan sepenuhnya ke dalam masyarakat atau sesebuah organisasi. Tambahan lagi inovasi yang sama mungkin wajar untuk satu situasi yang diingini tetapi untuk lain penerima yang potensi, mungkin berbeza penerimaannya (Erol & El-Bdour, 1989; Gerard et al, 2003).

TRI menjelaskan bahawa media dan juga hubungan interpersonal menyediakan maklumat dan pengaruh, pendapat dan pertimbangan. Kajian bagaimana inovasi berlaku, Rogers (1999) berhujah, kajian resapan telah memberi tumpuan kepada lima unsur iaitu ciri-ciri satu inovasi yang mungkin mempengaruhi penerimaan; proses membuat keputusan yang berlaku apabila individu mempertimbangkan mengguna pakai idea baru, produk atau amalan; ciri-ciri individu yang membuat mereka cenderung untuk menerima pakai inovasi; akibat terhadap individu dan masyarakat menerima pakai inovasi; dan saluran komunikasi yang digunakan dalam proses pengambilan. Maklumat yang mengalir melalui rangkaian komunikasi seperti internet dan lain-lain (Rajah 2.3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3 Theory of Diffusion of Innovation model. Sumber dari Rogers, 1995

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bidang perbankan Islam, Seethaletchumy et al. (2010) dan Amin, Abdul-Rahman, dan Abdul-Razak (2013) telah menggunakan TRI dalam kajiannya di mana mereka mencadangkan satu kerangka model bagi kajian penggunaan perkhidmatan Perbankan Islam oleh pengguna di Malaysia. TRI digunakan pada konteks inovasi perkhidmatan iaitu perkhidmatan perbankan Islam. Model ini sesuai dicadangkan kerana perbankan Islam merupakan satu produk inovasi yang perlu dikaji penerimaan sepenuhnya oleh pengguna perbankan di Malaysia.

2.6 Model Kajian

TPB dan TGT telah dibangunkan untuk menerangkan dan meramalkan tingkah laku individu. Setiap satu daripada model-model ini adalah untuk mengenal pasti penentu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

niat dan tingkah laku; corak dan pengaruh serta sebab dan akibat antara pemboleh ubah (Douglass, 2013). Manakala, TRI pula dibangunkan untuk menerangkan 'resapan inovasi' sama ada produk, idea dan perkhidmatan yang akan diterima pakai oleh individu atau organisasi. Dalam erti kata yang lain, adakah produk inovasi tersebut diterima atau ditolak oleh pengguna utama dalam masyarakat atau komuniti.

Hasil perbincangan mengenai TPB, TGT dan TRI di atas, kajian ini hanya akan menggunakan satu teori sahaja bagi mendasari kerangka konseptual kajian. Oleh kerana objektif kajian ini adalah untuk mengukur pemboleh ubah sikap pengguna dan pemilihan terhadap gelagat sahaja maka TPB akan digunakan. Walaupun kajian seperti (Hsu & Huang, 2010; Shumaila et al., 2010) membuktikan TGT mempunyai kesan yang lebih signifikan dalam menentukan tingkah laku sebenar, tetapi sumbangan TPB terhadap kajian gelagat masih relevan. Tambahan pula, kajian ini tidak memfokuskan kepada konstruk 'gelagat kawalan yang diperhatikan' di mana TGT lebih relevan untuk melihat element 'kawalan' atau juga dikenali sebagai 'gelagat terancang', iaitu konstruk tersebut merupakan konstruk yang penting bagi menjamin Pemilihan 'gelagat sebenar' (Ajzen, 1991; Amin et al., 2013).

Di sebalik sokongan empirikal yang luas terhadap TPB, teori ini digunakan kerana tiga sebab utama. Pertama, TPB sesuai untuk tujuan memeriksa dan meramalkan sesuatu tingkah laku (Fauziah et al., 2008; Ramayah et al., 2009). Kedua, TPB telah banyak mendapat perhatian dan pujian dari kebanyakan pengkaji berkaitan gelagat pengguna kerana fleksibiliti untuk diaplikasikan ke dalam konteks yang berbeza seperti bidang pemasaran (Lada et al., 2009), penggunaan internet (Teo, 2006) dan bidang pelancongan (Kim, Kim, & Goh, 2011) dan lain-lain. Terakhir,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TPB boleh digunakan untuk mengukur tingkah laku dan niat sebenar situasi tertentu, sistem atau produk. Kajian lepas telah menyokong kepentingan TBP dalam meramalkan keinginan terhadap tingkah laku dan tingkah laku sebenar (Ramayah et al., 2009). Kajian lepas yang menggunakan TPB telah mengukuhkan bahawa kepentingan sikap pengguna dalam meramalkan pemilihan sesuatu produk. Oleh itu, TPB amat sesuai untuk kajian ini.

Telah terbukti, kajian-kajian lepas mendapati bahawa TPB amat sesuai digunakan dalam pelbagai bidang lapangan terutama untuk mengkaji gelagat pengguna terhadap sesuatu perkara. Dari tahun ke tahun, terdapat peningkatan bilangan kajian oleh pengkaji Muslim yang menggunakan TPB berkaitan dengan produk dan perkhidmatan halal seperti (Fauziah et al., 2008; Lada et al., 2009; Hanudin, Mohamad Rizal, Lada, & Baba, 2009; Hanudin et al., 2011; Hanudin, 2013b;; Siti Hasnah, 2014). Zainuddin et al. (2004) kajian adalah perintis yang pertama mengkaji TPB ke dalam konteks umum perbankan Islam di Malaysia (Hanudin, Abdul Rahman, et al., 2014). Berdasarkan kepada usaha yang dilakukan oleh ramai pengkaji-pengkaji, teori ini terbukti mempunyai kesan yang signifikan terhadap konteks perbankan Islam. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan TPB kerana terdapat sokongan empirikal dari pengkaji yang lain, mudah di aplikasikan dan sesuai untuk kajian ini.

Kajian ini menggunakan dua konstruk yang asal iaitu '*attitude*' dan '*actual behaviour'*. Kajian ini meletakkan gelagat pemilihan perbankan Islam (*actual behaviour*) sebagai pemboleh ubah bersandar dengan menggugurkan 'keinginan ber gelagat' (*behavioural intention*) seperti mana kajian yang dilakukan oleh Shumaila,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Foxall, dan Pallister (2010). Manakala pemboleh ubah pengantara (*mediator*) dimasukkan iaitu kepatuhan agama dengan merujuk pengkaji yang lain seperti di bawah.

i. Sikap: kontruk dari TRA (1980); Fauziah *et al*. (2008), Hanudin (2011)
ii. Kepatuhan agama: Ahmad Azrin (2012); (Hanudin, Abdul Rahman, et al., 2014) dan Siti Hasnah (2014)
iii. Tingkah laku sebenar: kontruk dari TRA (1980); Shumaila et al. (2010)

Ketiga-tiga pemboleh ubah ini akan membentuk kerangka konseptual kajian seperti yang ditunjukkan dalam bab satu (Rajah 1.1). Setiap pemboleh ubah di atas akan disokong oleh kajian-kajian terdahulu yang berkaitan di dalam dan juga luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Sikap Pengguna

Sikap merujuk kepada indeks terhadap darjah individu suka atau tidak suka terhadap tingkah laku sesuatu perkara (Ajzen & Fishben, 1980). Dalam kajian ini sikap merujuk kepada penerimaan oleh pengguna terhadap perbankan Islam. Terdapat banyak kajian yang dilakukan menggunakan TPB untuk melihat sikap pengguna terhadap tingkah laku sesuatu.

Sikap pengguna terhadap sesuatu produk banyak dikaji untuk mengukur gelagat pengguna terhadap penerimaan sesuatu produk dan perkhidmatan. kajian ini adalah untuk menjawab soalan kajian pertama iaitu; apakah tahap sikap pengguna, kepatuhan agama dan gelagat pemilihan perbankan Islam? Soalan kajian ini perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijawab dengan mengukur berdasarkan skor min, sisihan piawai dan tahap sama ada rendah, sederhana atau tinggi (M.Ziyad EM. & Norailis, 2013; Mohd. Majid Konting, 2000). Kajian oleh M .Ziyad dan Norailis (2013) mendapati sikap dan gelagat sebenar menunjukkan skor min, sisihan piawai dan tahap yang tinggi.

Hasil kajian terdahulu mendapati sikap mempunyai hubungan yang positif terhadap keinginan dan penerimaan pengguna terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan. Penyelidik terdahulu seperti (Kleijnen et al., 2004; Ramayah & Norazah, 2006; Belleau et al., 2007; Fauziah et al., 2008; Hanudin, Abdul Rahim, et al., 2009) telah mengaitkan sikap seseorang dengan keinginan untuk menggunakan sesuatu produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang menggunakan TBP di Malaysia ialah Fauziah et al. (2008). Kajian tersebut memfokuskan kepada produk pembiayaan perumahan Islam iaitu '*Musyarakah Mutanaqisah'*. Hasil kajian, mendapati sikap positif pengguna mempengaruhi keinginan untuk menggunakan produk perbankan Islam. Semakin tinggi sikap positif yang dipamerkan semakin tinggi keinginan dan penerimaan terhadap pembiayaan tersebut. Pemilihan responden yang digunakan terdiri daripada 300 pelajar daripada UIA, UiTM dan UPM kerana beranggapan responden tersebut merupakan bakal pelanggan yang berpotensi untuk menggunakan produk tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Hanudin et al. (2011) mengkaji tentang penentuan terhadap keinginan pelanggan untuk menggunakan pembiayaan peribadi Islam. Dapatan kajian menunjukkan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan pelanggan iaitu semakin kuat (positif) sikap pengguna terhadap pembiayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut semakin tinggi keinginan untuk menggunakannya. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian terdahulu oleh Ramayah dan Norazah (2006) yang dilakukan di USM terhadap 124 pelajar Sarjana Pengurusan Pentadbiran (MBA) menunjukkan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk menggunakan komputer riba.

Mukhtar dan Butt (2012) juga telah mengkaji sikap pengguna dalam kajian berkaitan keinginan dalam pemilihan produk halal di Pakistan. Kajian ke atas 150 responden mendapati sikap mempunyai hubungan yang positif ke atas keinginan untuk menggunakan produk halal. Walau bagaimanapun hasil kajian beliau mendapati norma subjektif merupakan penentu yang lebih baik berbanding sikap. Belleau et al., (2007) juga menggunakan TPB untuk mengukur keinginan generasi Y di Amerika Syarikat untuk membeli produk berasaskan kulit emu. Sikap responden mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan membeli produk tersebut. Semakin positif sikap generasi Y terhadap produk kulit emu semakin tinggi keinginan untuk membeli produk tersebut.

Kajian di United Kingdom seperti Chau dan Ngai (2010) mendapati kumpulan umur remaja (16-29 tahun) mempunyai sikap yang paling positif dalam keinginan untuk menggunakan perkhidmatan perbankan Internet berbanding kumpulan umur yang lebih dewasa. Dapatan ini mengukuhkan kajian berkaitan dengan aplikasi teknologi iaitu Kleijnen et al. (2004). Kajian tersebut mendapati sikap pengguna mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan untuk mengguna pakai aplikasi telefon bimbit dalam konteks urusan kewangan tanpa wayar. Hasil dapatan nya menunjukkan hubungan positif yang makin kuat walaupun diuji dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahan pemboleh ubah *moderator* iaitu umur, kemahiran komputer, kesediaan menggunakan aplikasi telefon bimbit dan pengaruh sosial.

Kajian yang dilakukan di semenanjung Malaysia oleh Ahasanul (2010) mengenai faktor demografi berkaitan sikap, mendapati responden lelaki dan perempuan mempunyai sikap yang positif terhadap perbankan Islam. Walau bagaimanapun, lelaki menunjukkan sikap yang lebih positif berbanding perempuan. Bahkan kajian terhadap tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India mendapati mempunyai sikap yang positif terhadap perbankan Islam.

Hanudin (2013) sekali lagi menggunakan model TPB bagi mengukur sejauh mana sikap mempengaruhi keinginan untuk menggunakan produk perbankan Islam. Seramai 257 responden merupakan pelanggan bank di sekitar Sabah digunakan sebagai sampel dalam kajian dan mendapati sikap memberikan kesan yang positif terhadap keinginan untuk menggunakan kad kredit Islam.' Dapatan kajian ini menyokong kajiannya yang lepas seperti Hanudin (2008); Hanudin et al. (2009) dan Hanudin et al. (2011).

Kim, Kim, dan Goh, (2011) menggunakan TPB yang telah diubah suai dalam kajiannya yang berkaitan dengan industri pelancongan. Kajian tersebut mengkategorikan sikap kepada tiga iaitu kognitif, afektif dan konatif. Analisis SEM menunjukkan bahawa keinginan pelancong untuk mengunjungi tempat pelancongan yang sama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan pelanggan terhadap makanan yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ramayah et al. (2009) terhadap penggunaan internet dalam aktiviti jual beli saham di kalangan pelabur di Malaysia mendapati sikap mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk menggunakan internet dalam aktiviti jual beli saham. Mereka juga mengaplikasikan TPB dalam kajian tersebut. Dapatan ini selari dengan kajian yang lepas seperti Ha (1998); Bharttacherje (2000); May (2005); Gopi dan Ramayah (2007); Hanudin, Abdul Rahim, dan Ramayah (2009).

2.8 Faktor-Faktor Pemilihan Institusi Perbankan Islam

Bagi mengukur faktor-faktor pemilihan perbankan Islam, 12 item terpilih digunakan dalam kajian ini. Faktor-faktor ini telah diambil (adopt) dari kajian- kajian lepas yang mengkaji tentang kesetiaan pelanggan terhadap pemilihan institusi perbankan. Antara item tersebut ialah faktor agama, keselesaan, caj berpatutan, kakitangan yang mesra dan peramah, pengiklanan di media massa dan lokasi yang selesa. Item-item ini telah digunakan secara meluas di seluruh dunia dan telah digunakan sejak tahun 1989 (Erol & El-Bdour, 1989; Gerrard & Cunningham, 1997; Metawa & Almossawi, 1998; Sudin et al., 1994; Norafifah & Sudin, 2004; Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007).

Walaupun institusi perbankan Islam lahir dari motivasi umat Islam untuk mengelak dari riba walau bagaimanapun kajian mendapati faktor agama bukan kriteria utama pemilihan institusi perbankan Islam. Kajian terdahulu mengenal pasti beberapa faktor seperti kos yang rendah, lokasi institusi, keramahan kakitangan dan lain-lain juga tidak kurang pentingnya dalam pemilihan institusi perbankan Islam. Jadual di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bawah merupakan ringkasan kriteria pemilihan perbankan Islam berdasarkan kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1
Ringkasan kriteria Pemilihan Perbankan Islam

Penglibatan dalam komuniti	ı	⋋	⋋	ı	⋋	⋋	⋋

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	(Erol & El-Bdour, 1989)	(Gerrard & Cunningham, 1997)	(Sudin et al., 1994)	(Metawa & Almossawi, 1998)	(Zuraini et al., 2004)	(Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007)	(M.Ziyad EM. & Norailis, 2013)
Kepelbagaian produk	√	√	√	√	√	√	√
Perkhidmatan yang cepat	√	√	√	√	√	√	√
Pengiklanan di media masa	√	√	√	–	√	√	–
Kakitangan yang ramah	√	√	√	–	√	√	√
Reputasi		√	√	√	√	√	–
Pengagihan keadilan	√	√	√	√	√	√	–
Keselesaan (parking)	√	√	√	√	√	√	√
Kos/ kelebihan	√	√	√	√	√	√	√
Faktor agama/ prinsip syariah	–	√	√	√	√	√	–

Nota, "√" = dimasukkan dalam kajian; "–" = tidak dimasukkan dalam kajian.

Secara ringkasnya, kajian-kajian di atas mencadangkan agar bank-bank Islam tidak boleh bergantung kepada faktor kepatuhan agama/faktor syariah semata-mata sebagai strategi untuk mendapatkan kesetiaan para pelanggan tetapi bank-bank Islam juga perlu menekankan kualiti perkhidmatan yang cekap, kos yang efektif dan lain-lain serta menekankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat sesuai dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

falsafah yang mendasari etika Perbankan Islam (Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007).

2.9 Kepatuhan Terhadap Agama

Menurut Islam, seorang *Homo-Islamicus* menyedari bahawa dia ialah makhluk yang diciptakan Allah sebagai khalifah dengan misi menjayakan dua objektif utama dalam kehidupannya, iaitu mengabdikan diri kepada Allah serta melakukan imarah iaitu memakmurkan dan membangunkan dunia ini serta mengelakkan kemusnahan terhadapnya (Maszlee, 2012).

Secara umumnya aktiviti umat Islam terbahagi kepada dua iaitu ibadah dan muamalat. Ia ditegaskan oleh Imam Ibnu Taimiyyah (dalam Zaharuddin & Mohd Ramadhan, 2012) urusan hamba (manusia) seluruhnya sama ada perkataan dan perbuatan itu boleh diklasifikasikan kepada dua jenis, ibadah yang baik untuk agama mereka dan hal adat yang diperlukan oleh manusia untuk urusan dunia mereka. Di dalam Islam, ibadah bukan hanya semata-mata perbuatan ritual sahaja seperti yang terdapat dalam rukun Islam tetapi merangkumi segala aspek aktiviti kehidupan manusia seperti perkahwinan, pengurusan kewangan, politik, ekonomi dan lain-lain. Umumnya umat Islam mengetahui Islam melarang amalan riba sehingga meletakkan dosa riba sebagai salah satu dosa besar. Hukum asal muamalah adalah harus selagi bersesuaian dengan maslahat manusia seperti mengambil kebaikan dan menolak kemudaratan (Zaharuddin & Mohd Ramadhan, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian ketiga iaitu adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara sikap pengguna dan pemilihan perbankan Islam adalah untuk menganalisis adakah wujud kesan yang positif di antara kedua-dua konstruk. Terdapat pengkaji-pengkaji terdahulu yang meletakkan agama sebagai kontruk di dalam kajian mereka. Kajian rintis di Malaysia oleh Sudin et al. (1994) mendapati hanya 40 peratus pengguna menggunakan perbankan Islam kerana faktor kepatuhan terhadap agama. Kajian ini dilakukan terhadap 301 orang pengguna Islam dan bukan Islam yang dilaksanakan di bank-bank komersil sekitar Alor Setar, Kedah. Dapatan ini konsisten dengan kajian oleh Erol dan El-Bdour (1989) dan Naser, Jamal, dan Al- Khatib (1999) yang dilaksanakan di Jordan.

Zarehan dan Hazlina (2012) juga memperoleh dapatan yang hampir sama dengan Sudin et al. (1994) iaitu di Malaysia kepatuhan terhadap agama bukan motivasi yang utama untuk mendorong responden menggunakan perbankan Islam. Responden yang digunakan ialah pengguna bank-bank komersil di sekitar Lembah Kelang. Berbeza pula dengan dapatan kajian oleh Muslim, Zaidi, dan Fontaine (2013) di mana ia menunjukkan faktor utama pemilihan bank oleh pengguna Islam kerana bank Islam mematuhi syariah. Ianya merujuk kepada kepatuhan pengguna menyebabkan mereka memilih bank Islam. Kajian ini telah dilaksanakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna bank komersil iaitu BIMB, Bank Muamalat, Maybank dan *Public Bank* di sekitar bandar-bandar besar seluruh Malaysia barat iaitu Kuala Lumpur, Johor Baharu, Seremban, Pulau Penang, Alor Setar, Kuantan dan Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Wan Marhaini, Asmak, Nor Aini, dan Azizi (2008) di sekitar Lembah Kelang mendapati masyarakat Muslim yang patuh kepada agamanya dalam kehidupan akan cenderung memilih perbankan Islam. Kurangnya pendidikan agama merupakan faktor kurangnya kepatuhan terhadap agama serta menyebabkan tiada kesedaran terhadap perbankan Islam. Kajian terhadap masyarakat Islam di Terengganu pula mendapati gelagat pemilihan bank Islam mempunyai hubungan yang positif dengan faktor kepatuhan agama namun begitu ianya di tahap sederhana (Ahmad Azrin, 2012). Dapatan ini juga mengukuhkan lagi oleh kajian yang oleh Zuraini, Roshanim, dan Roseliza (2004) yang juga dibuat di Terengganu mendapati agama merupakan motivasi pemilihan perbankan Islam.

Nazimah (2011) juga mendapati pengguna memilih kad kredit Islam adalah kerana motivasi dari kepatuhan terhadap agama. Kesedaran yang tinggi terhadap agama akan meningkatkan lagi pasaran kad kredit Islam di dalam pasaran perbankan di Malaysia. Kajian yang dilakukan di Libya mendapati ‘agama’ merupakan faktor utama pemilihan responden terhadap perbankan Islam dan majoritinya berpendapat faedah dan riba adalah sama (Amal, 2008). Analisis kajian yang dibuat oleh Humoud (2010) iaitu mengkaji tentang kesedaran dan pemilihan perbankan di Kuwait mendapati 93 peratus pengguna bank Islam memilih produk perumahan Islam kerana faktor produknya yang selari dengan kehendak syariah. Kajian itu menggunakan 240 responden iaitu 117 adalah pengguna *Bank Kuwait Finance House* dan selebihnya pengguna *National Bank of Kuwait* mewakili bank konvensional. Dapatan kajian beliau yang tidak kurang pentingnya mendapati hampir separuh dari pengguna bank konvensional tidak mengetahui terdapat pembiayaan perumahan Islam yang disediakan di bank-bank Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Al-Ajmi, Hussain, dan Al-Saleh (2009) dalam kajiannya yang dilakukan di Bahrain menunjukkan bahawa kepatuhan agama dan tanggungjawab sosial merupakan motivasi yang terkuat bagi mendorong responden memilih perbankan Islam. Sebanyak 664 pengguna dijadikan responden dalam kajian tersebut. Hasil kajian ini juga mengukuhkan lagi dapatan kajian oleh Metawa dan Almossawi (1998) di mana 'agama' merupakan faktor terpenting pemilihan orang Islam di Bahrain terhadap perkhidmatan perbankan.

Di England, Naeem Ur (2012) mengkaji tentang penerimaan masyarakat Muslim terhadap perbankan dan kewangan Islam. Seramai 147 responden dipilih di sekitar kawasan tumpuan masyarakat Muslim dan hasilnya mendapati 43 peratus responden mahu menggunakan perbankan Islam untuk mengelakkan diri dari terlibat dengan riba. Manakala, kajian yang dilakukan di Pakistan oleh Lee dan Ullah (2011) juga mendapati 95% pelanggan memilih Institusi Perbankan Islam (IPI) adalah kerana pentingnya menjadi seorang Muslim yang baik dan berurusan dengan bank yang patuh syariah. Sampel kajian sebanyak 357 pelanggan Institusi Perbankan Islam (IPI) di dua buah bandar utama iaitu Peshawar dan Islamabad. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian oleh Hayat M. dan Khuram Shahzad (2011) mendapati faktor pemilihan bank di kalangan pelanggan di Pakistan bukan lahir dari motivasi agama. Seramai 250 sampel diambil dari empat buah Bandar terbesar di Pakistan di mana hasil kajian mendapati produk perbankan dan kualiti perkhidmatan yang baik merupakan faktor utama pemilihan bank Islam sekaligus menepis tanggapan bahawa 'kepercayaan terhadap agama' merupakan faktor terpenting dalam pemilihan bank Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mukhtar dan Butt (2012) juga telah meletakkan faktor agama dalam kajian berkaitan keinginan dalam pemilihan produk halal di Pakistan. Dalam kajian tersebut konstruk agama dibahagikan kepada dua iaitu inter personel dan intra personel. Hasil kajian mendapati peranan agama signifikan dengan pemilihan produk halal. Kajian terbaru pada tahun 2014 turut mengkaji faktor agama dalam pembelian produk hijau di Malaysia. Objektif Kajian itu adalah untuk mengkaji pengaruh kepatuhan agama ke atas keinginan penduduk Muslim golongan pertengahan terhadap keinginan membeli produk hijau. Kajian tersebut dilakukan ke atas 140 orang yang mempunyai pendapatan sederhana di Malaysia.

2.10 Perlakuan Sebenar Pengguna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam TPB, kontruk asal iaitu perlakuan sebenar (*actual behaviour*) merupakan konstruk yang lahir dari sikap, norma subjektif serta keinginan sehingga mendorong kepada perlakuan sebenar. Perlakuan sebenar berbeza dengan hasil yang diperoleh apabila melakukan sesuatu kelakuan tersebut. Contohnya, kehilangan berat badan kemungkinan hasil dari perbuatan mengurangkan pengambilan makan yang berkalori, bersenam dan lain-lain (Ajzen & Fishben, 1980).

Ajzen dan Fishben juga menjelaskan di dalam teorinya, perlakuan sebenar adalah boleh dikawal oleh individu dan selalunya boleh dijangka, hasil dari keinginan individu. Pada pandangan mereka, keinginan individu terhadap sesuatu perkara boleh diukur secara terus dan apabila perlakuan sebenar dibuat, keinginan tersebut telah dapat diukur. Dalam erti kata yang lain, keinginan juga boleh mengukur perlakuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenar terhadap sesuatu perkara. Kebanyakan kajian terdahulu mengukur keinginan terhadap sesuatu perkara sahaja tanpa mengkaji perlakuan sebenar terhadap sesuatu perkara tersebut (Belleau et al., 2007; Gopi & Ramayah, 2007; Amin, 2008; Fauziah et al., 2008; Lada et al., 2009; Dzuljastri, 2011; Hanudin et al., 2011; Hassandoust, Logeswaran, & Kazerouni, 2011; Kim et al., 2011). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang mengukur perlakuan sebenar.

Bagi menjawab soalan kajian keempat iaitu; adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan antara kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam (kelakuan sebenar pengguna) bagi mengisi kelompangan kajian-kajian terdahulu seperti Hanudin et al. (2011); Hassandoust, Logeswaran, & Kazerouni (2011); Kim et al., (2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teo, Lim, dan Lai (1999) mengukur perlakuan sebenar dalam penggunaan internet di Singapura. Dua pemboleh ubah yang digunakan untuk mengukur perlakuan sebenar ialah motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Hasil kajian mendapati, motivasi responden untuk menggunakan internet kerana internet adalah berguna dalam tugasan harian mereka atau lebih dikenali sebagai motivasi ekstrinsik. Seramai 1370 responden terlibat dalam kajian ini.

Kajian yang dilakukan oleh Shumaila et al. (2010) telah membandingkan TPB, TGT dan *Theory Of Acceptance Model* (TAM) untuk menentukan model mana yang lebih baik untuk mengukur perlakuan sebenar pengguna terhadap penggunaan internet di England. Hasil kajian mendapati TAM lebih baik dari TPB dan TGT dalam menerangkan gelagat sebenar dalam konteks penggunaan internet. Kajian ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyokong kajian lain mengatakan bahawa keinginan akan mempengaruhi perlakuan sebenar dalam penggunaan internet.

Sekali lagi, Teo (2006) mengkaji tentang perlakuan sebenar terhadap penggunaan internet. Tumpuan kajiannya ialah terhadap dua faktor yang mendorong perlakuan penggunaan internet iaitu faktor demografi dan motivasi yang mendorong responden menggunakan internet. Kajian yang dijalankan di Singapura mendapati lelaki lebih suka menggunakan internet berbanding wanita. Tahap pendidikan hanya mempunyai kesan yang sedikit terhadap penggunaan internet. Manakala berbeza dengan kajian beliau sebelum ini mendapati motivasi intrinsik mempunyai hubungan yang positif terhadap penggunaan internet.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kim et al. (2011) mendapati kepuasan pelancong Amerika Syarikat terhadap makanan yang disediakan di pusat pelancongan mempengaruhi keinginan melawat kembali pusat pelancongan tersebut. Kajian itu juga mencadangkan agar perlakuan sebenar pelancong perlu diukur untuk mengesahkan lagi kajian tersebut. Belleau et al. (2007) menggunakan TPB sebagai instrumen untuk mengukur keinginan generasi Y di Amerika Syarikat untuk membeli produk berasaskan kulit emu. Dapatan nya bercampur di mana sikap mempunyai hubungan yang signifikan manakala norma subjektif responden tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan membeli produk tersebut.

Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Ahmad Azrin (2012) di Terengganu merumuskan aspek sosio-budaya masyarakatnya memainkan peranan penting dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soal penentuan pemilihan perbankan Islam. Ia mampu mempengaruhi masyarakat untuk menggunakan perbankan Islam.

2.11 Kepatuhan Agama sebagai *Mediator*

TPB telah digunakan sebagai asas kajian berkaitan dengan gelagat pengguna dalam pemilihan sesuatu produk halal. Terdapat kajian lepas berkaitan dengan perbankan Islam tidak meletakkan 'peranan agama' sebagai penentu kepada pemilihan perbankan Islam seperti (Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007; Fauziah et al., 2008; Hanudin, 2008). Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji yang berminat untuk menjadikan kepatuhan agama sebagai konstruk kajian mereka seperti (Gerrard & Cunningham, 1997; Almossawi, 2000; Esso & Dibb, 2004; Wan Marhaini et al., 2008; Ahmad Azrin, 2012; Mukhtar & Butt, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan agama perlu diberi perhatian dalam memahami gelagat pengguna Islam terhadap pemilihan halal dan haram dalam kehidupan seharian terutama dalam urusan kewangan. Walaupun kajian-kajian lepas meletakkan 'peranan agama' sebagai konstruk dalam kajian, tetapi mereka hanya mengkaji hubungan secara langsung dengan pemilihan perbankan Islam tanpa melihat kepada pengaruh sebagai pemboleh ubah moderator atau mediator. Oleh itu kajian ini akan menjawab soalan kajian yang kelima iaitu; adakah terdapat pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan terhadap perbankan Islam. Ia menarik untuk mengkaji kepatuhan agama sebagai pemboleh ubah *mediator* bagi menambah literatur dalam bidang perbankan Islam seperti kajian yang dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Hanudin, Abdul Rahman, et al., (2014). Kajian ini akan mengisi kelompangan (gap) kajian yang lepas kerana tidak mengetengahkan kepatuhan agama sebagai mediator (Abduh & Omar, 2012; Lada et al., 2009; Wan Marhaini et al., 2008).

Antara kajian terbaru berkaitan dengan produk halal yang menggunakan 'agama' sebagai mediator ialah Siti Hasnah (2014). Objektif kajian tersebut adalah untuk mengkaji kepentingan agama terhadap keinginan pengguna membeli produk mesra alam sekitar (produk hijau). Hasil kajiannya membuktikan bahawa peranan agama sebagai mediator adalah signifikan.

Hanudin, Abdul Rahman, et al. (2014) dalam kajian terbarunya telah meletakkan konstruk agama sebagai mediator atau moderator. Kajian tersebut telah menambah literatur berkaitan dengan gelagat pengguna terhadap pembiayaan perumahan Islam. Berdasarkan kajian mereka, kepuasan agama bertindak sebagai mediator sepenuhnya (*fully mediates*) antara pemboleh ubah bebas iaitu kebajikan dan pemboleh ubah bersandar iaitu keinginan untuk melanggan pembiayaan perumahan Islam.

2.12 Ulasan Karya Berkaitan dengan Teori Perlakuan Beralasan (TPB)

Kebanyakan kajian yang menggunakan TPB sebagai asas model kajian, menambah nilai kajian tersebut dengan konstruk lain yang mungkin penting dalam pengukur keinginan dan perlakuan sebenar pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian di Malaysia oleh Fauziah et al. (2008) memfokuskan kepada produk pembiayaan perumahan Islam iaitu '*Musyarakah Mutanaqisah'*. Kajian ini dianggap penting dalam menambah literatur bidang perbankan Islam kerana ia merupakan antara kajian terawal dalam bidang perbankan Islam yang menggunakan TPB. Hasil kajian, mendapati dua konstruk asal TPB yang digunakan iaitu sikap dan norma subjektif mempunyai hubungan yang positif dalam mempengaruhi keinginan pengguna terhadap produk *Musyarakah Mutanaqisah*. Walau bagaimanapun, kajian ini dilihat hanya memfokuskan kepada 'menguji teori' semata-mata tanpa ada penambahan konstruk lain seperti kepatuhan agama yang dilihat penting dalam pemilihan perbankan berteraskan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza dengan kajian oleh Hanudin et al. (2011) di mana kajian tersebut menggunakan TPB sebagai asas model kajian tetapi telah menambah tiga pemboleh ubah *moderator* iaitu kepatuhan agama, sokongan kerajaan dan harga/kadar keuntungan pembiayaan peribadi Islam. Hasil kajian tersebut agak menarik kerana dapatan nya bercampur-campur di mana konstruk sikap dan pengaruh sosial menunjukkan hubungan yang positif dengan keinginan pelanggan iaitu semakin kuat (positif) sikap pengguna terhadap pembiayaan tersebut semakin tinggi keinginan untuk menggunakannya, manakala kepatuhan agama mempunyai hubungan yang negatif dengan keinginan pengguna sekali gus menolak hipotesis kajian tersebut. Hasil kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian lain yang menggunakan konstruk kepatuhan agama seperti (Sudin et al., 1994; Metawa & Almossawi, 1998; Ahmad Azrin, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan kajian oleh Ramayah et al. (2009) di mana ia menambah nilai TPB dengan menggabungkan konstruk yang terdapat dalam TGT iaitu ‘tanggapan mudah digunakan’ dan ‘tanggapan bermanfaat digunakan’. Berdasarkan kajian tersebut, kesemua konstruk mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penggunaan internet untuk urus niaga saham. Namun, ‘tanggapan bermanfaat digunakan’ mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap sikap berbanding ‘tanggapan mudah digunakan’. Walau bagaimanapun, kekurangan kajian ini ialah ia tidak dapat pengukur gelagat penggunaan sebenar memandangkan teknologi ini masih baru, oleh itu tidak semua responden adalah pengguna sebenar terhadap teknologi ini.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hanudin (2013), beliau mendapati bahawa sikap pelanggan perlu diubah terlebih dahulu jika mahukan pelanggan memilih kad kredit Islam berbanding kad kredit konvensional. Kajian ini juga menambah konstruk lain iaitu ‘kos kewangan’. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga konstruk mempunyai kesan yang signifikan terhadap keinginan pengguna terhadap produk kad kredit Islam. Walau bagaimanapun Hanudin tidak menambah ‘faktor agama’ dalam kajian ini sedangkan ia konstruk yang penting bagi muslim dalam membuat keputusan mengenai halal dan haram. Mukhtar dan Butt (2012) juga menguji model TPB dalam kajiannya bagi meramalkan keinginan dalam pemilihan produk halal di Pakistan. Keputusan kajiannya membuktikan model TPB adalah sah untuk dibuktikan bagi menentukan keinginan dalam pemilihan produk halal sebagaimana kajian-kajian yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.13 Kesimpulan

Bab ini menerangkan latar belakang perbankan Islam dan teori-teori yang berkaitan dengan gelagat kepenggunaan. Dapatan kajian-kajian yang lepas menyokong pemilihan pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah mediator serta membentuk kerangka konseptual untuk kajian ini turut dibincangkan.

Sikap pengguna dan kepatuhan terhadap agama adalah konstruk yang banyak dikaji sama ada ianya mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan dan pemilihan terhadap pelbagai produk dan perkhidmatan. Kajian berkaitan perbankan Islam amat penting kerana ia dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan industri perbankan Islam di Malaysia supaya ia bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara. Bahkan ianya bertepatan dengan hukum syarak dan dapat menjauhkan umat Islam daripada terlibat dengan riba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur pelaksanaan kajian yang meliputi reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pemerolehan data, kajian rintis dan kajian lapangan serta analisis data. Prosedur analisis data juga melibatkan kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kajian tinjauan yang merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang paling popular terutamanya dalam bidang sains sosial.

Kajian tinjauan ini dipilih kerana kaedah ini sesuai dengan tujuan kajian pengkaji untuk meninjau sikap, kepatuhan agama dan tahap pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Pahang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian melibatkan siri pembuatan keputusan yang rasional dan pilihan yang merujuk kepada tujuan kajian, lokasi kajian, jenis kajian, sejauh mana interferen penyelidik terhadap kajian, unit analisis, jangka masa, reka bentuk pensampelan, kaedah pengumpulan data, pengukuran dan penganalisisan data (Sekaran, 2003; Sekaran & Bougie, 2010). Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan di mana ia merupakan salah satu penyelidikan bukan eksperimental yang digunakan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang sains sosial. Ia sering digunakan oleh pelbagai bentuk media seperti majalah, akhbar dan televisyen untuk mendapat pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu semasa. Ia juga sering digunakan untuk meninjau keberkesanan produk atau rancangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan jenis reka bentuk kajian bergantung kepada maklumat yang dikehendaki untuk menyelesaikan masalah kajian. Menurut Sekaran dan Bougie (2010), terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat termasuk pengedaran soal selidik sama ada mengedarkan secara bersemuka atau menerusi email. Menurut Chua (2011), kajian tinjauan mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek. Biasanya kajian tinjauan ini dengan cara kaedah menemu bual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek untuk dijawab. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai ataupun ribuan responden. Saiz sampel kajian tinjauan biasanya lebih besar berbanding dengan saiz sampel yang digunakan dalam kaedah eksperimental.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik akan memilih sekumpulan subjek daripada populasi sebagai responden kajian, memungut maklumat daripada responden dan seterusnya menganalisis maklumat tersebut untuk menjawab soalan kajian. Subjek kajian dipilih daripada populasi melalui prosedur pensampelan rawak. Kebanyakan kajian tinjauan akan menghuraikan ciri-ciri populasi melalui taburan frekuensi dan peratusan. Data nominal dan ordinal digunakan untuk mengumpul maklumat demografi seperti jantina, bangsa, taraf perkahwinan, latar belakang pendidikan dan sebagainya (Chua, 2011).

Alat kajian ini menggunakan borang soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas responden bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Borang soal selidik ini diberikan kepada staf-staf institusi pengajian tinggi di IPT berkenaan. Kemudian, data dianalisis secara statistik untuk menggambarkan pola mengenai respons terhadap item soal selidik dan hipotesis. Penyelidik juga menterjemahkan data dengan mengaitkan keputusan ujian statistik dengan kajian-kajian lepas.

Dalam kajian ini analisis data pula dijalankan secara deskriptif dan juga inferens. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sebab-akibat (*causal effect*) menerusi analisis laluan melalui pendekatan Model Persamaan Struktural (SEM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif, di mana saiz sampel yang tepat boleh ditentukan dengan menggunakan prosedur-prosedur pengiraan tertentu. Pengiraan dilakukan berdasarkan kepada ralat pensampelan dengan aras kebolehpercayaan iaitu ralat pensampelan paling besar ialah lima peratus iaitu aras kepercayaan ialah 95 peratus seperti kebanyakan kajian sains sosial yang lain.

Pemilihan sampel kajian merupakan proses pemilihan individu, objek dan situasi yang betul. Ia juga merupakan proses memilih bilangan yang cukup dalam populasi. Proses ini penting kerana untuk membantu pengkaji memahami karakter sampel yang akan mewakili populasi. Walau bagaimanapun, penentuan saiz sampel bukan satu perkara yang mudah. Ia perlu dilakukan dengan mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi saiz sampel (Sekaran & Bougie, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan sampel kajian juga berbeza mengikut jenis kajian, jenis populasi, perbelanjaan dan skala pengukuran. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian deskriptif dan populasi yang *heterogeneous* iaitu mempunyai beberapa sub-sampel seperti jantina, peringkat umur, tahap pendidikan dan tahap pendapatan yang berbeza, maka saiz sampel yang besar diperlukan. Walaupun Sekaran dan Roger (2010) menyatakan bahawa 30 sampel sudah memadai untuk mana-mana kajian rintis mencapai taburan normal, namun berdasarkan keperluan kajian ini sampel yang lebih besar adalah lebih baik. Pandangan ini bertepatan dengan sarjana yang lain seperti Krejcie dan Morgan (1970), Cohen (1992) dan (Julie, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Populasi kajian ini terdiri daripada staf IPT yang terdapat di Pahang. Penetapan jumlah sampel kajian ini adalah berdasarkan jadual Cohen et. al. (2001) berdasarkan aras signifikan dan ralat pensampelan 95 peratus.

3.3.1 Prosedur Pensampelan Kajian

Prosedur pensampelan kebarangkalian (*probability sampling*) dilaksanakan dengan memilih individu yang berpotensi sebagai sampel dalam populasi kajian. Penyelidik telah menyenaraikan populasi yang menjadi sasaran dalam kajian ini. Pensampelan kebarangkalian atau rawak adalah teknik pemilihan sampel daripada populasi yang mana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang atau kebarangkalian yang sama dalam proses pemilihan sebagai sampel. Individu dipilih berkemungkinan secara kebetulan ataupun dipilih kerana individu tersebut dipercayai dapat memberi maklumat yang diperlukan (Sekaran & Bougie, 2010; Chua, 2011; T. Othman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik pensampelan untuk kajian ini adalah teknik pensampelan rawak sistematik. Teknik ini menggunakan formula mudah yang sistematik dengan memilih setiap individu dalam selang ke-n sehingga bilangan sampel tercapai (Hair Jr., Babin, Money, & Samouel, 2004; T. Othman, 2013). Oleh itu, pemilihan teknik pensampelan rawak sistematik dipilih kerana berdasarkan tujuan mendapatkan individu dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik.

Jadual di bawah menunjukkan senarai institusi pendidikan tinggi di zon Timur Pahang. Zon Timur Pahang dipilih kerana ia merupakan tempat tumpuan lokasi Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta. Kebanyakan IPT tertumpu di ibu negeri Pahang iaitu Kuantan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian rintis, hanya empat buah Institusi Pendidikan sahaja terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1
Senarai IPTA/S di Zon Timur Pahang

Bil	Institusi Pendidikan Tinggi	Kategori
1	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Universiti Awam
2	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	Universiti Awam
3	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Universiti Awam
4	Kolej Universiti Shahputra (UCSA)	Kolej Universiti Swasta
5	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)	Kolej Universiti Swasta (Kerajaan Negeri Pahang)
6	Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS)	Politeknik
7	Kolej Komuniti Kuantan	Kolej Kementerian
8	Kolej Professional Mara (KPM)	Kolej MARA
9	Kolej Poly-Tech Mara (KPTM)	Kolej Swasta (MARA)
10	Kolej IKIP	Kolej Swasta (Kerajaan Negeri Pahang)
11	Kolej PSDC	Kolej Swasta (Kerajaan Negeri Pahang)
12	Kolej Teknologi Cosmopoint	Kolej Swasta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan secara lebih khusus, pemilihan sampel untuk populasi ini mempunyai tiga ciri-ciri utama iaitu sampel merupakan staf IPT warganegara Malaysia yang beragama Islam. Ciri-ciri yang lain ialah pengguna yang pernah berurusan dengan perbankan Islam untuk pelbagai urusan seperti simpanan, pembiayaan atau pelaburan. Ciri yang ketiga ialah pengguna menetap di Pahang.

Pemilihan sedemikian adalah atas pertimbangan dua perkara. Pertama, penyelidik hanya ingin mengkaji gelagat pengguna Islam terhadap pemilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbankan dalam kalangan masyarakat di Pahang. Kebanyakan kajian seumpamanya tertumpu di sekitar Lembah Kelang dan negeri pantai barat. Kedua, staf IPT merupakan pengguna yang mempunyai latar belakang pendidikan dari peringkat SPM hingga PhD. Mereka merupakan pengguna institusi perbankan atas pelbagai urusan seperti simpanan dan pembiayaan. Malah institusi perbankan banyak menumpukan aktiviti promosi di institusi tersebut. Ia menunjukkan mereka merupakan pengguna institusi perbankan yang aktif. Berdasarkan kepada ciri-ciri dan dua pertimbangan tersebut, maka staf institusi pendidikan tinggi dipilih sebagai sampel kajian.

Setelah penyelidik menetapkan populasi dan rangka sampel kajian, saiz sampel akan dipilih berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel. Penyelidik perlu mendapatkan bilangan populasi bagi setiap institusi pendidikan tinggi yang dipilih. Kemudian, bagi menentukan jumlah sampel yang diperlukan dalam kajian, Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Cohen (2001) digunakan (Lampiran C).

Jadual 3.2
Penentuan Sampel Saiz

Institusi	Populasi	Peratusan sampel	Jumlah sampel
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	1700	36.3%	130
Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	1108	23.7%	84
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	80	1.7%	6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kolej Universiti Shahputra (UCSA)	270	5.8%	21
Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS)	614	13.1%	47
Kolej Komuniti Kuantan	98	2.1%	7
Kolej Professional Mara (KPM)	130	2.8%	10
Kolej Poly-Tech Mara (KPTM)	147	3.1%	11
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)	136	2.9%	10
Kolej IKIP	286	6.1%	22
Kolej PSDC	90	1.9%	7
Kolej Teknologi Cosmopoint	23	0.50%	2
Jumlah populasi	**4682**	**100%**	**357**

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, populasi kajian ialah 4682 staf IPT di Pahang. Jumlah sampel yang dicadangkan dalam penentuan saiz sampel oleh Cohen (2001) ialah 357 daripada jumlah populasi yang boleh digunakan ialah 4682 (nilai terhampir dengan jumlah populasi ialah 5000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala pengiraan formula untuk mendapatkan sampel berdasarkan teknik rawak sistematik ialah 4680/357= 13.10 (n= 13) (T. Othman, 2013; Sekaran & Roger, 2010). Oleh itu, staf IPT yang terpilih dengan nombor gandaan 13. Populasi yang digunakan adalah bilangan staf IPT yang sesuai dengan ciri-ciri yang diperlukan iaitu warganegara Malaysia yang beragama Islam dan pernah berurusan dengan perbankan Islam.

3.3.2 Lokasi kajian

Lokasi kajian pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf institusi pendidikan tinggi di Pahang adalah berada di sekitar zon Timur Pahang. Pemilihan lokasi zon Timur Pahang iaitu Kuantan adalah kerana ia merupakan kawasan yang mempunyai tumpuan kebanyakan IPT di Pahang. Lokasi IPT terpilih adalah terletak di bandar Kuantan, bandar Indera Mahkota, Semambu, Jalan Kuantan-Pekan dan Gambang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Pensampelan Kajian

Menurut Sekaran dan Bougie (2010), sampel merupakan sub-set kepada populasi dan ia mestilah mewakili populasi yang dikaji. Pensampelan merupakan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Proses ini penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak tepat dan sesuai akan mengurangkan kesahan dan kepercayaan kajian (Chua, 2011).

Teknik Pensampelan rawak sistematik digunakan untuk memilih staf-staf IPT di lokasi pensampelan. Pemilihan sampel teknik ini adalah pemilihan berdasarkan tujuan mendapatkan sampel dengan kriteria telah yang ditetapkan oleh penyelidik iaitu sampel merupakan staf IPT warganegara Malaysia yang beragama Islam serta merupakan pengguna yang pernah berurusan dengan institusi perbankan Islam untuk pelbagai urusan seperti simpanan, pembiayaan atau pelaburan. Menurut Sekaran dan Bougie (2010), sampel yang dipilih adalah berdasarkan formula mudah yang sistematik dengan memilih staf IPT dalam selang ke-n sehingga bilangan sampel yang dikehendaki tercapai. Berdasarkan kepada pengiraan, selang ke 13 akan dipilih sebagai sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mengukur, memerhati atau mendokumenkan data kuantitatif (Cohen et. al., 2007). Penyelidik perlu mengenal pasti instrumen sebelum mengutip data. Instrumen boleh membantu penyelidik untuk mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian. Untuk tujuan tersebut, instrumen yang digunakan mestilah bertepatan dengan keperluan kajian.

Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen kajian iaitu borang soal selidik sebagai instrumen utama bagi kaedah kuantitatif. Pengendalian kajian melalui pengedaran soal selidik bukan hanya membolehkan jawapan dikumpul secara terus daripada responden dalam masa yang singkat, bahkan juga menyebabkan sesuatu kajian dapat diselesaikan mengikut tempoh yang dikehendaki (Chua, 2011). Instrumen soal selidik yang digubal oleh beberapa penyelidik (Ahmad Azrin, 2012; Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007; Fauziah et al., 2008; Hanudin et al., 2013, 2011; Ramayah et al., 2009; Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004) telah diubah suai serta digabungkan untuk menghasilkan instrumen soal selidik yang bersesuaian dengan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Prosedur Pembinaan Instrumen Kajian

Model konseptual kajian ini adalah berasaskan model TPB yang dibangunkan oleh Ajzen dan Fishben (1980). Bagi membentuk instrumen kajian, terdapat beberapa langkah yang diambil dalam proses membina instrumen yang digunakan dalam kajian seperti berikut. Pertama, penyelidik mendapatkan seberapa banyak contoh item kaji selidik daripada kajian-kajian yang lepas terutamanya kajian yang menggunakan TPB. Perincian kajian lepas ditunjukkan dalam Jadual 3.3 di bawah. Kemudian, penyelidik membina dan mengubahsuai soalan yang digunakan dalam soal selidik sedia ada berdasarkan tujuan dan kesesuaian kajian. Pembinaan instrumen ini perlu mengikut prosedur yang ketat supaya pembinaan instrumen ini berkualiti dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggubalan instrumen melibatkan proses pembacaan literatur secara khusus bagi menentukan konstruk yang dipilih adalah relevan dengan kajian. Hasil dari tinjauan literatur yang dijalankan, matriks Jadual Penentuan Item (JPI) dibangunkan. Perincian JPI terdiri daripada konstruk, pemboleh ubah, penyoalan, item dan skala yang akan digunakan. Item yang dibina mengandungi arahan, pernyataan dan skala (Mohd Sahandri Gani, Laily, Sharifah Azizah, & Mohd Faizal Nizam Lee, 2013). Pembinaan item adalah berdasarkan pemboleh ubah yang ingin dikaji dalam kajian ini iaitu sikap pengguna, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam (Lampiran D). Proses pemurnian instrumen dilakukan beberapa kali bertujuan untuk memastikan pengguna instrumen benar-benar faham dan dapat menguasai dengan baik setiap pernyataan yang terkandung dalam instrumen tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Maklumat Item Dalam Konstruk Kajian Dalam Pembinaan Soal Selidik

Konstruk	Item Soal Selidik	Sumber Asal	*Adopt/adapt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Keselesaan (tempat letak kereta, susur atur dalam bank)	(Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Caj perkhidmatan yang berpatutan	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Disyorkan oleh rakan-rakan/saudara mara	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Pengagihan keuntungan yang adil	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Reputasi dan imej bank	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Kakitangan yang peramah	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Lokasi yang berhampiran dengan rumah/tempat kerja	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Pengiklanan di media massa	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Prinsip Syariah	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Kepelbagaian produk	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Perkhidmatan yang cepat	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Faktor- faktor Pemilihan perbankan Islam	Penglibatan dalam komuniti masyarakat (memberi derma, biasiswa dan lain-lain)	Sudin et al., 1994; Zuraini et al., 2004; Wajdi Dusuki, 2008)	*Adopt*
Sikap	Pemilihan perbankan Islam dalam urusan kewangan saya adalah idea yang baik.	Ramayah, T Rouibah, Kamel Gopi, M John, Gary(2009) Hanudin, Amin Abdul Rahim, Abdul Rahman Sondoh Jr, Chooi Hwa, Ang Magdalene(2011)	*adopt*

(Bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 *(Sambungan)*

Konstruk	Item Soal Selidik	Sumber Asal	*Adopt/adapt*
Sikap	Pemilihan perbankan Islam dalam urusan kewangan saya adalah idea yang bijak.	Ramayah et. al(2009), hanudin et. al (2013)	*adopt*
Sikap	Pemilihan perbankan Islam dalam urusan kewangan saya adalah idea yang berfaedah.	Hanudin et. al(2011)	*adopt*
Sikap	Saya suka memilih produk perbankan Islam.	Ramayah et. al(2009),	*adapt*
Sikap	Saya menghargai produk perbankan Islam.	Ramayah et. al(2009),	*Adapt*
Sikap	Pemilihan produk perbankan Islam penting buat saya kerana mempunyai banyak kelebihan.	Ramayah et. al(2009),	*adapt*
Sikap	Saya berasa seperti insan berguna jika menggunakan produk perbankan Islam.	hanudin et. al (2013)	*adopt*
Sikap	Saya berasa seperti insan berguna jika mengatakan sesuatu yang baik tentang produk perbankan Islam.	Ramayah et. al(2009),	*adapt*
Kepatuhan agama	Pertimbangan saya terhadap aktiviti perbankan berdasarkan kepada pegangan akidah.	Hanudin et. al, (2011)	*Adopt*
Kepatuhan agama	Pertimbangan saya terhadap aktiviti perbankan berdasarkan kepada larangan riba dalam produk pembiayaan.	Hanudin et. al, (2011)	*adapt*
Kepatuhan agama	Perbankan Islam adalah selari dengan kehendak syariah dalam urusan perbankan saya.	Hanudin et. al, (2011)	*Adapt*
Kepatuhan agama	Pemilihan produk Perbankan Islam adalah kerana bebas dari unsur riba.	Hanudin et. al, (2011)	*Adopt*
Kepatuhan agama	Pemilihan produk Perbankan Islam adalah kerana bebas dari unsur penipuan.	Hanudin et. al, (2011)	*adopt*
Kepatuhan agama	Kepatuhan kepada agama mempengaruhi saya dalam memilih produk perbankan Islam.	Hanudin et. al, (2011)	*adopt*
Kepatuhan agama	Kehidupan beragama mempengaruhi saya dalam memilih Institusi perbankan.	Hanudin et. al, (2011)	*Adopt*

(Bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 *(Sambungan)*

Konstruk	Item Soal Selidik	Sumber Asal	*Adopt/adapt*
Kepatuhan agama	Keimanan saya dalam beragama membantu saya membuat keputusan bagi memilih produk perbankan Islam.	Hanudin et. al, (2011)	*Adopt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Saya suka menggunakan perbankan Islam.	Norafifah dan Sudin, (2004)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Saya pasti akan mengesyorkan Perbankan Islam kepada orang lain.	Norafifah dan Sudin, (2004)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Saya menyimpan wang di perbankan Islam kerana faktor agama.	Norafifah dan Sudin, (2004)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Saya menyimpan wang di perbankan Islam kerana faktor keuntungan.	Norafifah dan Sudin, (2004)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Perbankan Islam adalah pilihan pertama saya.	Norafifah dan Sudin, (2004)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Penggunaan produk perbankan Islam membuat saya rasa selesa.	Norafifah dan Sudin, (2004) M.Ziyad EM. & Norailis, (2013)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Penggunaan produk perbankan Islam adalah sesuatu yang menyenangkan.	Norafifah dan Sudin, (2004) M.Ziyad EM. & Norailis, (2013)	*Adapt*
Pemilihan perbankan Islam/ gelagat sebenar	Penggunaan produk perbankan Islam adalah sesuatu yang memudahkan.	Norafifah dan Sudin, (2004) M.Ziyad EM. & Norailis, (2013)	*Adapt*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada jadual di atas, satu instrumen soal selidik telah dihasilkan. Seterusnya kajian rintis perlu dilakukan ke atas instrumen yang akan digunakan kepada sampel kajian. Analisis faktor dilakukan untuk menguji kesahan item dalam soal selidik menggunakan PCA (*Prinsipal Component Analysis*) dan EFA (*Exploratory Factor Analysis*) serta menentukan kebolehpercayaan melalui analisis *Cronbach Alpha.* Ujian kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan dengan menggunakan program SPSS. Proses analisis data dilakukan untuk mendapatkan nilai *Cronbach Alpha* dan indeks korelasi antara item dan skor keseluruhan. Item yang mempunyai nilai alfa kurang dari 0.65 akan disingkirkan daripada alat kajian kerana mempunyai kebolehpercayaan yang rendah (Hair Jr., Black, Babin, & Anderson, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses yang terakhir, ialah menentukan item-item terpilih dengan membina semula soal selidik yang baru berdasarkan kepada ujian kesahan dan kebolehpercayaan yang telah dilakukan.

3.4.2 Instrumen kajian

Secara umumnya, instrumen soal selidik ini mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A merupakan profil responden yang berkaitan dengan maklumat demografi iaitu menggunakan item pilihan tunggal.

Penyelidik telah memaklumkan dan mendapatkan keizinan dari mereka melalui mel elektronik dan laman sosial Facebook. Soal selidik yang digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini dijawab oleh staf IPT yang terlibat. Perincian soal selidik adalah seperti berikut;

i) Muka hadapan yang mempunyai arahan.

ii) Bahagian A direka untuk mendapatkan maklumat demografi responden seperti jantina, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, umur dan jenis pekerjaan. Manakala Bahagian B merupakan item-item faktor pemilihan perbankan Islam.

iii) Bahagian C dan D direka berdasarkan pemboleh ubah tidak bersandar untuk kajian ini. Bahagian C merujuk kepada sikap pengguna, bahagian D pula merujuk kepada kepatuhan terhadap agama.

iv) Akhir sekali bahagian E merujuk kepada pemboleh ubah bersandar iaitu pemilihan terhadap produk perbankan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Responden hanya perlu membulatkan nombor-nombor yang dipilih dan dipersetujui. Instrumen kajian berbentuk skala ordinal lima poin iaitu di antara Sangat Setuju hingga Sangat Tidak Setuju. Pembahagian kandungan instrumen soal selidik ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.4
Pembahagian Kandungan Instrumen Soal Selidik (Kajian Rintis)

Bahagian	Faktor	No Item	Jumlah Item
A	Demografi responden	1 hingga 8	8
B	Faktor-faktor pemilihan perbankan Islam	1 hingga 12	12
C	Sikap Pengguna	1 hingga 8	8

(Bersambung)

Jadual 3.4 *(Sambungan)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian	Faktor	No Item	Jumlah Item
D	Kepatuhan Terhadap Agama	1 hingga 8	8
E	Pemilihan perbankan Islam	1 hingga 8	8
		Jumlah Item	**44**

3.5 Ujian Kesahan Kandungan Instrumen Kajian

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik beberapa semakan dan tapisan dilaksanakan. Pada peringkat pertama, soal selidik disemak dan dibincangkan dengan pensyarah penyelia utama dan kedua.

Peringkat kedua bagi kesahan muka (*face validity*), Item-item di dalam soal selidik asal oleh (Sudin et al., 1994; Fauziah et al., 2008; Hanudin, Abdul Rahim, et al., 2009; Hanudin et al., 2011; Hanudin, 2013b) telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu oleh penyelidik. Penyelidik telah meminta beberapa orang pensyarah untuk menyemak struktur dan laras bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang telah dibina.

Seterusnya, proses kesahan item yang dibina telah melibatkan lima orang panel penilai iaitu terdiri daripada dua orang golongan profesional dalam bidang kewangan dan perbankan Islam, seorang pensyarah dalam bidang perbankan, seorang pensyarah bahasa Inggeris dan seorang lagi merupakan pensyarah yang pakar dalam pembinaan soal selidik (Lampiran E). Ketiga-tiga pensyarah yang dipilih telah mempunyai PhD dalam bidang masing-masing. Item-item tersebut telah dihantar kepada pakar bahasa Inggeris (Pakar C) untuk disemak dan diterjemahkan kembali dalam bahasa Inggeris untuk mendapatkan maksud yang sama. Soal selidik tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merangkumi bahagian C, D dan E (Lampiran F). Borang khusus telah disediakan untuk mendapatkan maklum balas terhadap setiap item. Selain itu, pandangan dan cadangan dari pensyarah penyelia juga turut diambil kira, tujuannya untuk memantapkan lagi soal selidik tersebut. Komen dan cadangan panel penilai dinyatakan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 3.5
Item Soal Selidik Sebelum dan Selepas Penilaian

Konstruk	Item Asal Soal Selidik	Komen Dari Pakar	Item Soal Selidik Selepas Penilaian
Bahagian demografi	2. Status perkahwinan □ Berkahwin □ Bujang □ Janda/duda	Buang atau gabungkan item janda/duda dengan bujang. (Pakar A)	Status perkahwinan □ Berkahwin □ Bujang/janda/duda/ bercerai
Bahagian demografi	3. Umur □ 25 ke bawah □ 26 hingga 30 □ 31 hingga 40 □ 41 hingga 50 □ 50 hingga 65	Saiz selang umur tidak sama. (Pakar B) Cadangan untuk buat soalan terbuka Umur: _____ (pakar A)	Saiz selang umur diperbetulkan. □ 25 ke bawah □ 26 hingga 35 □ 36 hingga 45 □ 46 hingga 55 □ 56 hingga 65
Bahagian demografi	4. Pekerjaan □ Kakitangan pengurusan □ Kakitangan akademik □ Kakitangan sokongan □ Lain-lain	Gantikan perkataan ‘pekerjaan’ dengan ‘jawatan’ (Pakar A)	Jawatan □ Kakitangan pengurusan □ Kakitangan akademik □ Kakitangan sokongan □ Lain-lain
Bahagian demografi	5. Pendapatan bulanan □ RM2000 ke bawah □ RM2001-3500 □ RM3501- 4000 □ RM4000-5000 □ RM 5001-7000	Saiz selang pendapatan tidak konsisten/sama. (Pakar B)	Pendapatan bulanan □ RM2000 ke bawah □ RM2001-RM3000 □ RM3001- RM4000 □ RM4001-RM5000 □ RM 5001-RM6000 □ RM6001-ke atas

(Bersambung)

Jadual 3.5 *(Sambungan)*

Konstruk	Item Asal Soal	Komen Dari Pakar	Item Soal Selidik Selepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Selidik		Penilaian
Bahagian demografi	7. Produk perbankan Islam yang digunakan : _____	Item 7: diubahsuai dengan menyenaraikan produk-produk perbankan Islam. (Pakar A)	□ Akaun simpanan □ Akaun pelaburan □ Pembiayaan peribadi □ Pembiayaan perumahan □ Pembiayaan kenderaan
Sikap pengguna	Pemilihan produk SPI dalam urusan kewangan saya adalah idea yang tepat.	'pernyataan'…idea yang tepat' digantikan dengan idea yang baik. (Pakar B) Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Pemilihan produk perbankan Islam dalam urusan kewangan saya adalah idea yang baik.
Sikap pengguna	Pemilihan produk SPI dalam urusan kewangan saya adalah idea yang bijak.	Tukarkan perkataan 'SPI' kepada Perbankan Islam supaya difahami oleh responden. (Pakar D dan E)	Pemilihan produk perbankan Islam dalam urusan kewangan saya adalah idea yang bijak.
Sikap pengguna	Pemilihan produk SPI dalam urusan kewangan saya adalah idea yang berfaedah.	Tukarkan perkataan 'SPI' kepada Perbankan Islam supaya difahami oleh responden. (Pakar D dan E)	Pemilihan produk perbankan Islam dalam urusan kewangan saya adalah idea yang berfaedah.
Sikap pengguna	Saya suka memilih produk perbankan Islam.	Diterima	Sama
Sikap pengguna	Saya menghargai produk perbankan Islam.	Diterima	Sama
Sikap pengguna	Pemilihan produk SPI penting buat saya kerana mempunyai banyak kelebihan.	Tukarkan perkataan 'SPI' kepada Perbankan Islam supaya difahami oleh responden. (Pakar D dan E)	Pemilihan produk perbankan Islam penting buat saya kerana mempunyai banyak kelebihan.

(Bersambung)

Jadual 3.5 *(Sambungan)*

Konstruk	Item Asal Soal Selidik	Komen Dari Pakar	Item Soal Selidik Selepas Penilaian
Sikap pengguna	Saya berasa seperti	Tukarkan perkataan	Saya berasa seperti insan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	insan berguna jika menggunakan produk SPI.	'SPI' kepada Perbankan Islam supaya difahami oleh responden. (Pakar D dan E)	berguna jika menggunakan produk perbankan Islam.
Sikap pengguna	Saya berasa seperti insan berguna jika mengatakan sesuatu yang baik tentang SPI.	Tukarkan perkataan 'SPI' kepada Perbankan Islam supaya difahami oleh responden. (Pakar D dan E)	Saya berasa seperti insan berguna jika mengatakan sesuatu yang baik tentang produk perbankan Islam.
Kepatuhan agama	Pertimbangan saya terhadap aktiviti perbankan berdasarkan kepada pegangan akidah.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Kepatuhan agama	Pertimbangan saya terhadap aktiviti perbankan berdasarkan kepada larangan riba dan maisir dalam produk pembiayaan.	Buang perkataan 'maisir' kerana dikhuatiri tidak difahami oleh responden. Pakar D dan E)	Pertimbangan saya terhadap aktiviti perbankan berdasarkan kepada larangan riba dalam produk pembiayaan.
Kepatuhan agama	Perbankan Islam adalah selari dengan kehendak syariah dalam urusan perbankan saya.	Diterima	Kekal
Kepatuhan agama	Pemilihan produk Perbankan Islam adalah kerana bebas dari unsur riba.	Diterima	Kekal
Kepatuhan agama	Pemilihan produk Perbankan Islam adalah kerana bebas dari unsur 'maisir'.	Perkataan 'maisir' ditukar kepada penipuan atau keraguan. (Pakar B,D,E)	Pemilihan produk Perbankan Islam adalah kerana bebas dari unsur penipuan.
Kepatuhan agama	Kepatuhan kepada agama mempengaruhi saya dalam memilih produk perbankan Islam.	Masukkan perkataan agama 'Islam' kerana semua responden adalah orang Islam. (Pakar D dan E)	Kepatuhan kepada agama Islam mempengaruhi saya dalam memilih produk perbankan Islam.

(Bersambung)

Jadual 3.5 *(Sambungan)*

Konstruk	Item Asal Soal Selidik	Komen Dari Pakar	Item Soal Selidik Selepas Penilaian
Kepatuhan	Kehidupan beragama	Tukarkan jawapan	Kekal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agama	mempengaruhi saya dalam memilih Institusi perbankan.	dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	
Kepatuhan agama	Ketakwaan saya dalam beragama membantu saya membuat keputusan bagi memilih produk perbankan Islam.	Gantikan perkataan 'ketakwaan' kepada 'keimanan' (Pakar B dan E).	Keimanan saya dalam beragama membantu saya membuat keputusan bagi memilih produk perbankan Islam.
Pemilihan perbankan Islam	Saya suka menggunakan perbankan Islam.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Saya pasti akan mengesyorkan Perbankan Islam kepada orang lain.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Saya menyimpan wang di perbankan Islam kerana faktor agama.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Saya menyimpan wang di perbankan Islam kerana faktor keuntungan.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Perbankan Islam adalah pilihan pertama saya.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Penggunaan produk perbankan Islam membuat saya rasa selesa.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Penggunaan produk perbankan Islam adalah sesuatu yang menyenangkan.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B)	Kekal
Pemilihan perbankan Islam	Penggunaan produk perbankan Islam adalah sesuatu yang memudahkan.	Tukarkan jawapan dari ranking kepada skala Likert/ordinal. (Pakar A dan B) Item banyak untuk dijawab. Membosankan. (Pakar D dan E)	Kekal

Setelah mengambil kira komen dan cadangan panel penilai, instrumen soal selidik telah dimurnikan semula mengikut kesesuaian. Proses pemurnian instrumen ini dilakukan berulang kali bagi memastikan pernyataan yang terkandung dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumen tersebut mudah difahami, ringkas, tidak ada dua pernyataan dalam satu item dan pernyataan relevan dengan skala pengukuran.

Setiap item perlu dipersetujui oleh kesemua pakar bagi memastikan ia sesuai untuk dinilai. Terdapat beberapa item yang dicadangkan untuk digugurkan oleh seorang pakar tetapi masih mendapat persetujuan oleh pakar-pakar yang lain telah dikekalkan. Prinsip ini diguna pakai seperti yang dicadangkan oleh Mohd Sahandri Gani et al. (2013) di mana tahap minimum peratus persetujuan pada setiap item adalah tidak kurang dari 80 peratus. Instrumen tersebut juga mengambil kira cadangan dari pensyarah penyelia seperti menukarkan Bahagian F (Faktor Pemilihan Perbankan Islam) kepada bahagian B. Pensyarah Penyelia juga mencadangkan agar item tujuh dan lapan di bahagian demografi diubah dengan menyenaraikan produk perbankan Islam yang biasanya digunakan oleh pengguna seperti yang dicadangkan oleh Pensyarah A. setelah menjalankan proses pemurnian dan mendapat persetujuan oleh pensyarah penyelia, instrumen soal selidik tersebut digunakan untuk tujuan kajian rintis (Lampiran G).

3.6 Prosedur Kajian

Sebelum memulakan kajian, menyelidik meminta kebenaran terlebih dahulu daripada pihak Institusi Pengajian Tinggi. Surat kebenaran dihantar kepada Bahagian Sumber Manusia setiap IPT terpilih. Bahagian Sumber Manusia telah menyediakan senarai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nama staf-staf mereka. Kemudian proses penomboran dilaksanakan berdasarkan selang n-13. Setelah mendapat kebenaran dari pihak universiti dan kolej, pengedaran borang soal selidik dilakukan di universiti yang terpilih.

Kajian ini dijalankan secara ujian kertas dan pensel di mana peserta kajian hanya menjawab soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Proses menjawab soal selidik diadakan dengan mengedarkan kepada staf IPT yang terpilih berdasarkan kepada selang n-13. Peserta kajian juga telah diberitahu prosedur menjawab borang soal selidik tersebut serta tujuan kajian ini dijalankan. Arahan juga dinyatakan dengan jelas di dalam borang tersebut agar peserta faham bagaimana untuk menjawab soalan dengan baik. Arahan juga menegaskan bahawa segala data yang diberi oleh peserta adalah rahsia dan tidak akan digunakan untuk tujuan lain selain tujuan kajian semata. Peserta kajian telah memberikan kerjasama yang baik untuk menjawab borang soal selidik yang telah berikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis *(pilot test)* merupakan kajian yang berskala kecil yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Soal selidik ditadbir kepada sekumpulan responden yang setara dengan responden yang dalam kajian sebenar (T. Othman, 2013). Kajian rintis penting untuk dilaksanakan kerana ia mungkin akan memberi amaran kepada pengkaji bahawa kajian sebenar yang akan dilakukan akan bermasalah, garis kasar cadangan kajian kurang mantap atau item di dalam instrumen kurang sesuai. Selain itu, untuk menguji instrumen bagi memastikan soal selidik difahami oleh responden di samping tiada kekeliruan dari segi perkataan atau pengukuran (Sekaran & Bougie, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chua, (2011) fungsi kajian rintis adalah untuk menguji dan membina keberkesanan alat kajian. Ia juga dapat menilai kesesuaian reka bentuk kajian. Selain itu, kajian rintis dapat menilai sama ada rangka dan teknik pensampelan berkesan. Apatah lagi kajian ini akan menggunakan analisis SEM, oleh itu EFA (*Exploratory Factor Analysis*) perlu dilaksanakan semasa kajian rintis.

Kajian rintis telah dilaksanakan pada 8 hingga 10 Disember 2014. Walau bagaimanapun, kesemua borang soal selidik hanya berjaya dikutip pada 22 Disember 2014 kerana kekangan yang tidak dapat dielakkan. Kemudian kajian rintis dilaksanakan sekali lagi pada Mac 2015. Sebanyak 120 soal selidik telah diedarkan kepada staf IPT di UIA, POLISAS, KIPSAS dan IKIP. Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 110 borang berjaya dikutip semula dan hanya 105 borang boleh digunakan oleh kerana terdapat borang yang tidak lengkap (Jadual 3.4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6
Kajian Rintis

Bil.	Nama IPT	Bil. Borang Soal Selidik Yang Diberi	Bil. Borang Berjaya Dikumpul	Bil. Borang Tidak Lengkap	Bil. Borang Lengkap dan Dianalisis
1	Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)	30	30	0	30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2	Kolej IKIP	30	30	0	30
3	Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS)	30	29	2	27
4	Universiti Islam Antarabangsa cawangan Kuantan (UIA)	30	21	3	18
	JUMLAH	120	110	5	**105**

Jumlah ini mencukupi untuk menjalankan analisis EFA seperti yang dicadangkan oleh Gorsuch (1983) dalam (Matsunaga, 2011) dan (Chua, 2014) iaitu 100 sampel.

3.7.1 Analisis Data Kajian Rintis

Dalam mengukur ke signifikan kajian melalui soalan kajian yang disediakan, data dianalisis menggunakan statistik inferens dengan menggunakan SPSS. Setelah selesai proses pengumpulan, data-data yang diperoleh di proses mengikut prosedur yang diterangkan di bawah.

Fasa pertama, semua item dalam soal selidik di '*pre-code'* dengan nama-nama yang mudah difahami dan dirujuk oleh penyelidik. Selepas itu soal selidik ini dipindahkan ke dalam lampiran *coding* (*coding sheets)* untuk memudahkan membuat analisis dengan komputer. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan SPSS 17.0. Data-data yang dimasukkan disemak untuk memastikan tiada kesilapan yang mungkin terjadi semasa proses memasukkan data seperti contohnya jawapan '1' dimasukkan sebagai '11'. Langkah ini penting bagi mengelakkan sebarang permasalahan semasa proses analisis data. Setelah kesemua data dan direkodkan serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui proses penyemakan, data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan faktor analisis.

Fasa kedua, PCA dan EFA telah dijalankan kepada item-item pemboleh ubah kajian dengan putaran *varimax* digunakan bagi mengkategorikan semua item-item konstruk sikap pengguna, pengetahuan terhadap agama dan pemilihan perbankan Islam. Akhir sekali, bagi setiap item soal selidik analisis kepercayaan *Cronbach Alpha* dilakukan dengan menggunakan 105 bilangan sampel rintis.

3.7.2 Analisis Faktor

Analisis faktor merupakan prosedur yang penting bagi mengenal pasti, mengurangkan serta menyusun semula item soal selidik berdasarkan kekuatan korelasi antara item-item ke dalam konstuk-konstruk tertentu di bawah pemboleh ubah kajian (Chua, 2014). Ianya penting bagi memastikan item-item soal selidik yang tidak sesuai disingkirkan serta item-item tersebut disusun di bawah satu konstruk.

Selain daripada menyusun item-item ke dalam konstruk-konstruk tertentu, analisis faktor juga merupakan teknik mengurangkan data bagi item-item yang bertindih antara satu sama lain. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti sama ada item yang digunakan hanya mengukur pemboleh ubah yang diwakili sahaja atau yang lain (Hair Jr. et al., 2010). Kaedah ini juga dikenali sebagai Teknik Pengurangan Data (*Data Reduction Technique).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah-langkah kaedah EFA yang telah diambil oleh penyelidik seperti yang dicadangkan oleh Hair Jr. et al. (2010), Tabachnick dan Fidell (2006) dan Chua (2014) ialah:

i) item-item yang mempunyai nilai '*anti-image correlation'* ≥ dari .5 sahaja diterima.

ii) ujian *Bartlett's Test Of Sphericity* hendaklah signifikan ($p < .05$) bagi mengukur korelasi antara item atau pemboleh ubah.

iii) ujian kecukupan sampel *Kaiser-Meyer-Olkin* yang tinggi iaitu ≥.5 digunakan dalam menentukan kecukupan sampel.

iv) item-item yang tidak tergolong dalam mana-mana faktor disingkirkan manakala item yang tergolong lebih dari satu faktor tidak diterima.

v) item-item yang mempunyai nilai faktor muatan (*faktor loading*) yang ≥ .5 sahaja akan dikekalkan dalam komponen masing-masing.

vi) pembinaan faktor adalah berdasarkan Teori Perlakuan Beralasan (TBP) dan kajian-kajian lepas.

vii) memenuhi indeks *' goodness-of-fit'* bagi kaedah EFA seperti jadual di bawah.

Jadual 3.7
Analisis Faktor Eksploratori (EFA)

Indeks Model Analisis Faktor Eksploratori	Nilai yang Dicadangkan*
Ujian kecukupan sampel Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	>0.50
Ujian *Bartlett's Test Of Sphericity* χ^2	< 0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai keseragaman (*communalities)*	≥0.30
Nilai *Eigen*	>1.00
Nilai muatan faktor	≥0.60
Nilai peratus perubahan varian	≥8.00

Hair Jr. et al. (2010), Tabachnick dan Fidell (2013)

Menurut Nunnally (1978), analisis faktor adalah kaedah paling berkesan dan sering digunakan bagi mengesahkan binaan item serta mengklasifikasikan pemboleh ubah. Oleh itu analisis faktor digunakan untuk mengesahkan soal selidik yang dibina.

Secara umumnya terdapat 24 item yang digunakan dalam kajian rintis ini. Pengujian analisis faktor ini dilakukan secara berasingan mengikut konstruk-konstruk iaitu sikap pengguna, kepatuhan terhadap agama dan Pemilihan perbankan Islam. Dapatan analisis faktor merujuk kepada dapatan ujian *Keiser-Meyer-Olkin* (KMO) dan *Bartlett Test of Spherity* dilaksanakan bagi menentukan kesesuaian faktor secara menyeluruh. Ujian KMO mempamerkan multi-kolinearitи manakala ujian *Bartlett's Test Of Sphericity* digunakan untuk tujuan mengenal pasti sama ada korelasi antara item memadai untuk dilakukan analisis faktor. Sekiranya nilai korelasi yang sama wujud di antara dua item atau lebih item, item tersebut mengukur aspek yang sama. Ujian ini membantu penyelidik mengenal pasti sama ada item tersebut sesuai atau tidak untuk dilaksanakan analisis faktor.

Berdasarkan jadual 3.6, keputusan ujian KMO adalah signifikan di mana nilai KMO adalah lebih besar dari 0.5 seperti yang dicadangkan menunjukkan bahawa data tidak mempunyai masalah multi-kolinearitи yang serius dan sesuai untuk menjalani analisis faktor. Manakala ujian *Bartlett's Test Of Sphericity* juga signifikan iaitu p <

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.05 iaitu dapatan kajian memperoleh sangat signifikan (*sig :0.00*). Ini menunjukkan bahawa korelasi antara item-item adalah mencukupi untuk melakukan faktor analisis.

Jadual 3.8
Ujian KMO dan Bartlett

Ujian	Sikap pengguna	Kepatuhan agama	Pemilihan perbankan Islam
Kaiser- Meyer- Olkin (KMO)	.895	.937	.914
Ujian *Bartlett's Test Of Sphericity*			
Approx chi-square	740.542	895.025	756.538
df	28	28	28
Sig	.000	.000	.000

Seterusnya, berdasarkan jadual *Total Variance Explained* konstruk sikap pengguna mendapati satu faktor disusun mengikut nilai *eigen* dalam tertib menurun. faktor tersebut mempunyai nilai *eigen* yang lebih besar dari 1.0 dan faktor tersebut menyumbang sebanyak 69.18 peratus perubahan varian bagi data kajian (Lampiran H).

Selanjutnya, analisis *Principal Component Factor* (PCA) merupakan analisis dengan prosedur pemutaran *Varimax* telah dilaksanakan terhadap lapan item konstruk sikap pengguna. Berdasarkan kepada kajian literatur, konstruk sikap tidak mempunyai pecahan sub-konstruk yang lain. Oleh itu, ujian PCA dilakukan dengan hanya meletakkan satu komponen sahaja. Hasil dapatan, terdapat enam item yang mempunyai nilai muatan melebihi 0.60 manakala dua item iaitu item S1 dan S2 mempunyai nilai muatan kurang dari 0.60. Manakala, jadual keseragaman (*communalities*) menunjukkan dua item tersebut tidak melepasi 0.30 seperti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dicadangkan oleh Hair Jr. et al., 2010 dan Tabachnick dan Fidell, 2006 (Lampiran I). Berdasarkan dapatan di atas, cadangan agar dua item iaitu S1 dan S2 digugurkan. Rumusan analisis ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 3.9
Rumusan Analisis PCA Konstruk Sikap Pengguna

Konstruk	Nilai Rotated Component Matrix	Nilai Communalities	Keputusan
S1	.486	.218	Ditolak
S2	.565	.247	Ditolak
S3	.884	.782	Diterima
S4	.873	.762	Diterima
S5	.843	.711	Diterima
S6	.816	.665	Diterima
S7	.835	.698	Diterima
S8	.742	.550	Diterima

Data diolah dari sumber asal SPSS Versi 22

Bagi konstruk kepatuhan agama pula, Jadual *Total Variance Explained* mendapati satu komponen disusun mengikut nilai *eigen* dalam tertib menurun. Satu komponen tersebut mempunyai nilai *eigen* yang lebih besar dari 1.0 iaitu 6.324 serta menyumbang sebanyak 79.05 peratus perubahan varian bagi data kajian (Lampiran J). Analisis PCA seperti dalam jadual *Component Matrix* dikekalkan dalam satu komponen sahaja serta terdapat tujuh item yang mempunyai nilai muatan faktor melebihi 0.6 manakala jadual keseragaman (*communalities*) menunjukkan tujuh item melebihi 0.30 (Lampiran K). Oleh itu, item yang mempunyai nilai muatan kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari 0.6 dan nilai keseragaman kurang dari 0.30 akan disingkirkan iaitu item KA 8. Rumusan analisis ditunjukkan dalam jadual 3.8.

Jadual 3.10
Rumusan Analisis PCA Konstruk Kepatuhan Agama

Konstruk	Nilai Rotated Component Matrix	Nilai Communalities	Keputusan
KA1	.833	.693	Diterima
KA2	.874	.764	Diterima
KA3	.887	.787	Diterima
KA4	.882	.778	Diterima
KA5	.883	.779	Diterima
KA6	.926	.857	Diterima
KA7	.916	.838	Diterima
KA8	.510	.228	Ditolak

Data diolah dari sumber asal SPSS Versi 22

Jadual *Total Variance Explained* konstruk Pemilihan Perbankan Islam mendapati terdapat satu komponen disusun mengikut nilai *eigen* dalam tertib menurun. faktor tersebut mempunyai nilai *eigen* yang lebih besar dari 1.0 iaitu 5.74 serta menyumbang sebanyak 71.76 peratus perubahan varian bagi data kajian (Lampiran L). Manakala analisis PCA seperti dalam *Component matrix* mendapati Item PP4 dan PP8 ditolak kerana nilainya kurang dari 0.6 manakala Jadual keseragaman (*communalities)* menunjukkan dua item tersebut tidak melepasi nilai 0.30 (Lampiran M). Keputusan analisis ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11
Rumusan Analisis PCA Konstruk Pemilihan Perbankan Islam

Konstruk	Nilai Rotated Component Matrix	Nilai Communalities	Keputusan
PP1	.891	.794	Diterima
PP2	.884	.782	Diterima
PP3	.852	.725	Diterima
PP4	.526	.277	Ditolak
PP5	.897	.805	Diterima
PP6	.879	.773	Diterima
PP7	.889	.791	Diterima
PP8	.526	.255	Ditolak

Data diolah dari sumber asal SPSS Versi 22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian secara umumnya adalah merujuk kepada ketekalan atau konsistensi sesuatu instrumen dalam mengukur sesuatu gagasan atau pemboleh ubah yang hendak diukur dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Proses ini dinamakan kesahan konstruk (Chua, 2006). Bagi mengukur kesahan konstruk soal selidik, analisis kebolehpercayaan instrumen perlu dilaksanakan.

Penilaian kebolehpercayaan instrumen adalah melalui pendekatan statistik yang menggunakan perisian SPSS iaitu pekali Alpha Cronbach. Statistik ini memberi petunjuk korelasi purata di kalangan semua item yang membentuk skala. Nilai julat bermula 0 hingga 1 dengan nilai yang lebih tinggi menunjukkan kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Walaupun Nunnally (1978) mencadangkan nilai minimum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersamaan dengan 0.7, namun nilai 0.6 adalah diterima sekiranya bilangan item yang digunakan adalah kecil iaitu kurang dari 10 (Zainudin, 2014). Sekiranya kurang dari nilai tersebut, item tersebut perlu digugurkan kerana ia mengukur sesuatu yang lain dan berbeza. Penilaian tersebut juga boleh dibuat berdasarkan output yang diperoleh daripada analisis pekali Alpha Cronbach iaitu item yang terdapat dalam *Corrected Item-Total Correlation* (Julie, 2011). Hasil penilaian kebolehpercayaan bagi kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 3.10. Jadual tersebut menunjukkan nilai Koefisien Alpha bagi semua pemboleh ubah dalam kajian rintis (Lampiran O).

Jadual 3.12
Nilai Alpha Cronbach dalam Kajian Rintis

Konstruk	Bilangan Item Dalam Komponen	Nilai Alpha Cronbach
Sikap Pengguna	6	**.915**
Kepatuhan Agama	7	**.934**
Pemilihan Perbankan Islam	6	**.896**

Data diolah dari sumber asal SPSS Versi 22 (Lampiran N)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada penilaian tersebut mendapati kesemua pemboleh ubah mempunyai nilai koefisien alpha yang ideal iaitu melebihi 0.7 seperti yang disarankan oleh Nunnally (1978). Sejajar dengan itu, kesemua item boleh diterima dan kerana nilai alpha nya melepasi nilai minimum Alpha Cronbach.

Oleh itu, pembahagian kandungan instrumen soal selidik yang akan digunakan dalam kajian lapangan kelak dapat dilihat berdasarkan Jadual 3.3 di bawah. Item-item yang dikekalkan dirujuk dalam Lampiran O.

Jadual 3.13
Pembahagian Kandungan borang Soal Selidik (Kajian lapangan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian	Faktor	No. Item	Jumlah Item
A	Demografi responden	1 hingga 8	8
B	Faktor-faktor pemilihan perbankan Islam	1 hingga 12	12
C	Sikap Pengguna	1 hingga 6	6
D	Kepatuhan Terhadap Agama	1 hingga 7	7
E	Pemilihan perbankan Islam	1 hingga 6	6
		Jumlah Item	**39**

3.8 Kaedah Menganalisis Data Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menganalisis data kajian menggunakan perisian SPSS *Statistics* 22 dan *Structural Equation Modelling* (SEM) menggunakan perisian AMOS 21. Soalan kajian pertama dan kedua dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan min, peratus dan sisihan piawai. Soalan ketiga sehingga soalan ke lima data dianalisis menggunakan SEM.

Analisis SEM yang menggunakan AMOS merupakan teknik statistik yang digunakan bagi menguji hubungan antara pemboleh ubah sikap pengguna, kepatuhan agama dan pemilihan Perbankan Islam secara serentak. Ia juga untuk menguji pemboleh ubah *mediator* iaitu kepatuhan agama sama ada pemboleh ubah itu mempunyai kesan sebagai *mediator* sama ada *mediator* penuh (*fully mediation)* atau *mediator* separuh penuh (*partial mediation*). Tidak seperti analisis ANOVA yang hanya menganalisis varian, AMOS akan menganalisis min, varian dan kovarian data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara serentak. Langkah-langkah yang perlu dilakukan sebelum analisis SEM seperti yang dicadangkan oleh Zainudin (2012) adalah seperti berikut;

i) proses pengesahan model perlu dilakukan menggunakan prosedur *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) bagi menguji *unidimensionality*, *validity* dan *reliability* model kajian seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.12.

ii) menguji *fitness indexes* terhadap model pengukuran. Jika *fitness index* tidak menepati tahap yang dicadangkan, uji pula faktor muatan.

iii) buang item yang mempunyai faktor muatan yang kurang dari 0.60.

iv) buang satu persatu item (mengikut turutan faktor muatan yang paling rendah)

v) Analisa model pengukuran yang baru (setelah faktor muatan yang rendah dibuang)

vi) tentukan *fitness indexes* (ulang langkah nombor iii hingga iv) sehingga *fitness indexes* dicapai.

vii) jika *fitness indexes* tidak dicapai, rujuk indeks modifikasi (*modification indexs)*

Jadual 3.14
Ujian CFA

Bil	Elemen	Nilai
1	***Unidimensionality***	**≥0.60**
2	***Validity***	
	Convergent Validity (CV)	**≥0.5**
	Construct Validity (Fitness Indexs)	
	Discriminant Validity	**<0.85**
3	***Realibility***	
	Internal Reability (Cronbach Alpha)	**≥0.7**
	Composite Realibility (CR)	**≥0.6**
	Average Variance Extracted (AVE)	**≥0.5**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Jadual 3.15 menunjukkan kaedah yang akan digunakan untuk menganalisis kajian persoalan dan hipotesis semasa kajian sebenar dilakukan.

Jadual 3.15
Kaedah yang Digunakan dalam Menganalisis Data Kajian Sebenar

Bil	Objektif Kajian	Soalan Kajian	Kaedah Digunakan
	Bahagian A	Demografi	**Deskriptif (min, peratus, sisihan piawai)**
1	Mengukur tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan pengguna terhadap Perbankan Islam di Pahang.	Apakah tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan pengguna terhadap Perbankan Islam di Pahang?	**Deskriptif (min, sisihan piawai, tahap)**
2	Mengenal pasti faktor-faktor pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang.	Apakah faktor-faktor utama pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang?	**Deskriptif (Min, Peratus, Sisihan Piawai)**
3	Mengenal pasti kesan antara sikap pengguna dengan pemilihan Perbankan Islam.	Adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara sikap responden dan amalan Perbankan Islam?	**Analisis Laluan dalam *Structural Equation Modeling* (SEM)**
4	Mengenal pasti kesan antara kepatuhan agama dengan pemilihan perbankan	Adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara kepatuhan agama dan	**Analisis Laluan dalam *Structural Equation Modeling* (SEM)**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Islam.	amalan Perbankan Islam?	
5	Menganalisis pengaruh pemboleh ubah kepatuhan agama sebagai pengantara (*mediator*) terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan terhadap perbankan Islam.	Adakah terdapat pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (*mediator)* terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan terhadap perbankan Islam?	***Structural Equation Modeling (*SEM)**

Kaedah analisis yang digunakan semasa kajian sebenar diterangkan dengan lebih terperinci di sub topik di bawah.

3.8.1 Analisis Data Pemboleh Ubah (Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian pertama seperti di bawah;

Soalan kajian 1: Apakah Tahap Sikap, Kepatuhan Agama dan Pemilihan Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf IPT di Pahang?

Kajian ini melibatkan tiga pemboleh ubah iaitu sikap pengguna, kepatuhan agama dan penggunaan perbankan Islam. Untuk memudahkan perbincangan dalam kajian ini, satu garis panduan atau *cut off point* bagi skor min telah ditetapkan. Skor min antara 1.00 hingga 2.33 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah tersebut pada tahap rendah, skor min antara 2.34 hingga 3.66 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah yang dikaji di tahap sederhana dan skor min 3.67 hingga 5.00 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah berada pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, skor min bagi ketiga-tiga pemboleh ubah ditentukan dengan mendapatkan dari skor responden menerusi borang soal selidik. Jadual di bawah digunakan sebagai pengelasan tahap bagi menentukan skor min setiap pemboleh ubah dalam kajian ini.

Jadual 3.16
Garis Panduan atau Cut Off Point bagi Skor Min

Skor Min	Tafsiran Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Mohd. Majid Konting (2000)

3.8.2 Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam di Pahang

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian kedua seperti di bawah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian 2: Apakah Faktor-Faktor Utama Pemilihan Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf IPT di Pahang?

Dalam konteks kajian ini, faktor-faktor pemilihan perbankan Islam adalah terdiri daripada faktor keselesaan bank, caj perkhidmatan yang berpatutan, disyorkan oleh rakan-rakan atau saudara mara, pengagihan keuntungan yang adil, reputasi dan imej bank, kakitangan yang peramah, lokasi yang berhampiran dengan rumah, pengiklanan di media massa, prinsip syariah, kepelbagaian produk, perkhidmatan yang cepat dan penglibatan bank dalam komuniti masyarakat. faktor-faktor ini diperoleh dengan mendapatkan skor min daripada responden. Selepas mendapatkan skor min responden, ia akan dirujuk pada Jadual 3.16 bagi menentukan kekuatan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelemahan pemboleh ubah. Huraian akan dilakukan dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

3.8.3 Pengesanan Kepelbagaian Dan Kestabilan Pemboleh Ubah Kajian

Sebelum menjalankan penilaian terhadap keseluruhan *model fit* bagi model struktural, terlebih dahulu perlu memastikan data ini bertaburan normal serta tiada nilai ekstrem(*outlier*). Tindakan ini boleh dilakukan dengan meneliti nilai pencongan *(skewness*), kecerunan (*kurtosis)* serta multikolinerariti. Ketiga-tiga kaedah ini merupakan pra syarat utama sebelum menjalankan ujian korelasi, regresi pelbagai dan Model Persamaan Struktural (SEM). Selain itu penilaian terhadap saiz sampel juga perlu dipenuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Penilaian Terhadap Saiz Sampel

Hair et al,. (1995) berpendapat bahawa saiz sampel minimum yang harus dipenuhi ialah 100, pada saiz sampel lebih dari 400, teknik estimasi yang digunakan menjadi lebih sensitif terhadap hasil dan terbuka peluang hasil *model fit* menjadi kurang baik *(poor*) (Hair Jr. et al., 2010). Pendapat yang lain menyatakan bahawa untuk model yang *'simple'* memerlukan sampel sekitar 200 hingga 500, sedangkan pada model yang kompleks memerlukan ribuan sampel (Harrington, 2009). Dalam kajian ini, model struktural hanya mempunyai tiga konstruk, di mana bilangan sampel minimum yang dicadangkan ialah 100 sampel (Hair Jr. et al., 2010). Walau bagaimanapun, jadual penentuan saiz Cohen (2001) juga digunakan bagi menentukan saiz sampel berdasarkan saiz populasi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Ujian Normaliti

Syarat normaliti bagi ke semua pemboleh ubah serta elemen yang digunakan dalam kajian ini telah ditetapkan nilai pencongan dan kecerunannya di antara -1.96 dan +1.96. (Tabachnick & Fidell, 2007). Data ujian normal ini boleh diambil dari output perisian AMOS. Selain itu, Selain itu, ujian Mardia's *coefficient* juga dikenali sebagai 'multivariate kurtosis' dalam perisian Amos juga digunakan untuk menguji CR (Zainudin, 2014).

c) Ujian Multi-kolineariti

Masalah multikolineariti wujud apabila terdapat korelasi yang kuat antara pemboleh ubah bebas dalam data kajian terutamanya pemboleh ubah bebas dalam data kajian. Masalah multikolineriti wujud jika korelasi antara pemboleh ubah dalam kajian melebihi 0.85. Perisian AMOS digunakan bagi melaksanakan ujian ini. Korelasi antara ketiga-tiga pemboleh ubah kajian tidak melebihi 0.85.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.4 Analisis Faktor Pengesahan (CFA)

Analisis Faktor Pengesahan dilaksanakan dengan menggunakan perisian AMOS versi 20. Tujuannya adalah untuk menguji *unidimensionality, validity* dan *reliability* pada setiap konstruk iaitu sikap pengguna, kepatuhan agama dan penggunaan perbankan Islam. Analisis ini dilakukan setelah ujian normaliti dan lineariti serta multikolineariti seperti yang diterangkan di sub topik di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Penilaian Unidimensionality

Unidimensionality tercapai apabila item yang di nilai mempunyai faktor muatan 0.60 atau lebih. Jika terdapat item di dalam konstruk tidak mencapai tahap yang dicadangkan, item yang mempunyai faktor muatan perlu di buang satu-persatu. Kemudian, model pengukuran (*measurement model*) perlu diuji semula.

b) Penilaian *Validity*

Selepas penilaian *unidimensionality*, penilaian *validity* dilaksanakan terhadap model pengukuran. Tiga jenis *validity* yang perlu diuji terhadap model pengukuran ialah *Convergent Validity, Construct Validity* dan *Discriminant Validity.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Convergent Validity akan tercapai apabila semua item di dalam model pengukuran adalah signifikan. *Convergent Validity* diperoleh dengan mengira *Average Variance Extracted* (AVE) untuk setiap konstruk. Nilai yang perlu dicapai ialah 0.5 dan ke atas.

Manakala *Construct Validity* tercapai apabila Indeks Kesesuaian (*fitness indexes*) mencapai tahap yang dicadangkan. Kesemua parameter telah dianggarkan menerusi kaedah '*maximum likehood'*. Pengujian indeks khi kuasa dua '*multivariate*' dilaksanakan (Hair, 2010). Pelbagai pekali telah digunakan secara menyeluruh untuk menilai model yang sepadan dengan data. Dalam kajian ini, pekali-pekali yang digunakan untuk penguji persoalan kajian ialah nisbah x2/df, *Comparative Fit Indexs* (CFI),Tucker-Lewis Index (TLI), *Root Mean Square Residual* (RMR) dan *Root Mean*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Square Error Of Approximation (RMSEA). Pekali ini dipilih berdasarkan cadangan Hu dan Bentler (1999), Garson G. D. (2008) dan Hair Jr. et al., (2010). Kebanyakan pekali yang dipilih ini tidak mudah terganggu dengan saiz sampel kajian sehingga meningkatkan *error* 'Type I' dan 'Type II'. Selain itu, pekali-pekali ini kerap digunakan dalam laporan literatur (Zainudin, 2012).

Tujuan utama pekali-pekali ini digunakan adalah untuk menilai kesesuaian *(goodness of fit*) bagi model yang sepadan dengan data. Nilai nisbah *x2/df* kurang dari 3.0 dan nilai 0.90 untuk CFI dan TLI telah menjadi nilai *cut of* untuk menunjukkan kesesuaian model (Nunnally & Bernstein, 1994, Hair et. al, 2010, Kline, 2010). Selain itu, nilai RMSEA kurang dari nilai 0.8 serta nilai GFI lebih dari 0.90 menunjukkan model pada tahap kesepadanan yang baik (Tabachnick & Fidell, 2007). Indeks kesesuaian ditunjukkan dalam Jadual 3.17.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala *Discriminant Validity* tercapai apabila model pengukuran bebas dari item berlapis (*redundant items*). AMOS akan mengenal pasti pasangan item yang berlapis di dalam model pengukuran iaitu dengan merujuk kepada indeks modifikasi (*modification indices).* Selain itu, pengukuran *Discriminant validity* tercapai jika korelasi antara konstruk exogenous kurang dari 0.85. Selain itu juga, pengiraan *square root* terhadap AVE perlu dilaksanakan. *Discriminant validity* terhadap ketiga-tiga konstruk tercapai jika nilai tersebut lebih tinggi dari nilai korelasi yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Penilaian *Reliability*

Penilaian *Reliability* pula melibatkan *Internal Reliability, Composite Reliability* dan *Average Variance Extracted.* Bagi menilai *Internal Reliability,* Cronbach Alpha perlu mencapai 0.70 dan ke atas. Pengujian Cronbach Alpha dilaksanakan menggunakan perisian SPSS. Manakala bagi *Composite Reliability* dan *Average Variance Extracted* juga perlu dilaksanakan berdasarkan pengiraan menggunakan formula dan perlu mencapai 0.60 dan ke atas bagi CR dan 0.50 ke atas bagi AVE.

3.8.5 Structural Equation Modelling (SEM)

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian ketiga sehingga soalan ke lima seperti di bawah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian 3: Adakah Terdapat Kesan yang Signifikan di Antara Sikap Pengguna dengan Pemilihan Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf IPT di Pahang?

Soalan kajian 4: Adakah terdapat Kesan yang Signifikan di Antara Kepatuhan Agama dengan Pemilihan Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf IPT di Pahang?

Soalan kajian 5: Adakah Terdapat Pengaruh Kepatuhan Agama sebagai Pengantara (Mediator) Terhadap Hubungan antara Sikap Pengguna Dengan Pemilihan Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf IPT di Pahang?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Structural Equation Modelling atau lebih dikenali sebagai SEM merupakan generasi kedua teknik analisis statistik yang dibina untuk menganalisis antara hubungan di kalangan berbilang pemboleh ubah di dalam konseptual model. Hubungan antara pemboleh ubah boleh dinyatakan secara berasingan dalam Persamaan Regresi Berbilang (Hair Jr. et al., 2010). SEM berupaya untuk menggabungkan data kuantitatif dan korelasi atau hubungan sebab-akibat dalam kajian.

Analisis SEM pada kebiasaannya dilaksanakan dengan menggabungkan konsep analisis laluan *(analysis path)* dan analisis faktor. SEM boleh dianalisis menggunakan perisian komputer AMOS, LISREL, MPLUS dan sebagainya, namun AMOS adalah perisian yang terkini dan lebih mudah digunakan kerana mempunyai bentuk grafik yang menarik tambahan pula merupakan perisian tambahan bagi program SPSS. SEM juga mempunyai kemampuan untuk menggabungkan pengukuran model dan struktur model secara bersama dan efisien berbanding dengan alat analisis yang lain (Hair Jr. et al., 2010). Menurut Zainudin (2014) SEM merupakan teknik statistik yang lebih berkuasa berbanding teknik statistik yang lain kerana ia boleh menyelesaikan keperluan berikut;

i. menjalankan *Confirmatory Faktor Analysis* (CFA)
ii. menganalisis model regresi secara serentak
iii. menganalisis regresi dan masalah *multi-collinearity*
iv. menganalisis analisis *path* dengan berbilang pemboleh ubah bersandar
v. menganggarkan korelasi dan kovarian dalam model
vi. membentuk hubungan di antara pemboleh ubah di dalam model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua fungsi utama analisis SEM seperti yang diterangkan oleh (Hair Jr. et al., 2010; Chua, 2014) iaitu sebagai alat pengenalpastian dan sebagai alat perkembangan model. Alat pengenalpastian digunakan untuk mengenal pasti perhubungan antara pemboleh ubah dalam model yang dicadangkan oleh penyelidik benar dalam kalangan responden kajiannya. SEM mengenal pasti sama ada corak varian dan kovarian dalam data kajian sepadan dengan model hipotesis yang telah dicadangkan. Ini dilakukan dengan menggunakan petunjuk SEM seperti ujian Khi Kuasa Dua, *Tucker-Lewis index* (TLI), *Comparative Fit Index* (CFI), SMR dan RMSEA (Jadual 3.17). Manakala sebagai alat perkembangan model pula, SEM menggabungkan fungsi pengenalpastian dan penjelajahan, di mana model yang dicadangkan diuji dengan prosedur SEM dan jika model tersebut tidak sepadan dengan data kajian, SEM mencadangkan perhubungan baru antara pemboleh ubah dalam model hipotesis. Ini membolehkan penyelidik membentuk model alternatif berdasarkan *modification indeks* yang ditunjukkan oleh keputusan analisis SEM.

Jadual 3.17
Indeks Kesesuaian untuk Pengukuran Konstruk Kajian

Kategori	Indeks	Tahap Penerimaan
	Chisq	P>0.05
Absolute fit	RMSEA	RMSEA< 0.08
	SMR	SMR< 0.05
Incremental fit	TLI	TLI>0.90
	CFI	CFI>0.90
Parsimonious fit	Chisq/df	Chi square/df <5.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.6 Ujian Boostrapping

Prosedur *bootstrapping* dalam perisian AMOS akan di laksanakan bagi mengesahkan keputusan *mediation* kelak.

3.9 Kesimpulan

Bab ini menerangkan reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan analisis data. Kajian rintis telah dijalankan pada Disember 2014 dan Mac 2015 di mana pengedaran soal selidik telah dilakukan di Institusi Pengajian Tinggi terpilih iaitu UIA, POLISAS, KIPSAS dan IKIP yang diedarkan sendiri oleh penyelidik. Borang yang diperoleh disemak dan dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 22 dengan menguji PCA, EFA dan juga kebolehpercayaan menggunakan analisis Alpha Cronbach.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis yang dilakukan, Sebanyak 19 item dikekalkan dengan menggugurkan item S1 dan S2 dalam konstruk sikap pengguna, item KA 8 dalam item kepatuhan agama dan item PP8 (Lampiran P) dalam konstruk pemilihan perbankan Islam kerana nilai muatannya kurang dari 0.70 seperti yang dicadangkan oleh Hair Jr. et al. (2010). Seterusnya, item-item yang dikekalkan digunakan untuk mengukur kajian sebenar. Kajian lapangan di laksanakan pada September 2015. Selepas borang soal selidik yang diedarkan di 12 IPT terpilih di Pahang dikutip, data-data tersebut di analisis sepertimana kaedah-kaedah yang diterangkan di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun otbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan penemuan kajian yang diperoleh daripada kajian sebenar yang telah dijalankan di IPT terpilih di negeri Pahang. Data diperoleh melalui satu set instrumen yang telah dijawab oleh 357 responden kajian yang terdiri daripada staf-staf IPT. Tujuan utama adalah untuk mengenal pasti hubungan antara sikap pengguna dan kepatuhan agama terhadap pemilihan perbankan Islam.

Kajian ini juga untuk mengkaji pengaruh mediator iaitu kepatuhan agama terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan penggunaan perbankan Islam. Data yang diperoleh daripada soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 22 serta AMOS 21. Data-data ini diuji dan diolah dengan menggunakan statistik deskriptif untuk melihat kekerapan, peratusan, sisihan piawai dan skor min.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perisian AMOS pula digunakan bagi mengenal pasti kesan antara sikap pengguna dengan amalan pemilihan perbankan Islam dan mengenal pasti pengaruh kepatuhan agama sebagai mediator terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan perbankan Islam. Bab ini juga penerangan secara terperinci dapatan kajian akan di paparkan berdasarkan persoalan dan hipotesis kajian. Peringkat pertama membincangkan data deskriptif yang merangkumi profil responden dan peserta kajian merangkumi jantina, jawatan, kelayakan akademik dan lain-lain.

Peringkat kedua menghuraikan keputusan dan penjelasan pengujian lima hipotesis nul kajian yang dibina. Selain itu juga, huraian analisis dapatan kajian dibuat untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

i) apakah tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) apakah faktor-faktor utama pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang?

iii) adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara sikap pengguna dan pemilihan perbankan Islam?

v) adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam?

vi) adakah terdapat pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap dan pemilihan perbankan Islam?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Responden Kajian

Semua IPT di zon Timur negeri Pahang telah dipilih dan jumlah pecahan keseluruhan responden mengikut institusi seperti di dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1
Senarai Nama IPT di Zon Timur Pahang

Bil	Nama IPT	Bil staf	Instrumen di hantar	Instrumen di kutip	Instrumen yang diperlukan
1.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	1700	148	139	130
2.	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	1108	96	90	84
3.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	80	8	8	6
4.	Kolej Universiti Shahputra (UCSA)	270	24	22	21
5.	Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS)	614	52	52	47
6.	Kolej Komuniti Kuantan	98	8	8	7
7.	Kolej Professional Mara (KPM)	130	12	12	10
8.	Kolej Poly-Tech Mara (KPTM)	147	13	13	11
9.	Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)	136	13	13	10
10.	Kolej IKIP	286	24	24	22
11.	Kolej PSDC	90	8	8	7
12.	Kolej Teknologi Cosmopoint	23	4	4	2
	Jumlah	**4682**	**410**	**393**	**357**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi mendapatkan sampel kajian, sebanyak 410 borang kajian telah diedarkan di IPT yang terpilih tetapi sebanyak 393 set soal selidik berjaya dikutip. Dari segi jumlah responden kajian, berdasarkan jadual Cohen (2011) populasi seramai 4682 atau 5000 orang memerlukan sampel kajian seramai 357 orang. Setelah dilaksanakan pembersihan data (borang tidak lengkap), hanya 357 yang diambil kira untuk tujuan analisis kajian. Bilangan ini adalah mencukupi seperti yang dicadangkan oleh Cohen (2011) serta Kreijcie Morgan (1978) dan ianya sesuai dan relevan bagi penyelidikan sains sosial bercorak tinjauan (Sekaran & Roger, 2010).

4.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan min digunakan bagi mendapatkan gambaran latar demografi responden kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Profil responden kajian

Responden kajian ini terdiri daripada staf IPT seperti pensyarah, kakitangan sokongan, kakitangan atasan dan lain-lain. Pelaksanaan kajian tinjauan ini telah melibatkan 357 orang staf di IPT terpilih di zon Timur Pahang di mana kebanyakan IPT terletak di ibu negeri Pahang iaitu sekitar bandar Kuantan. Responden dipilih berdasarkan kaedah pensampelan rawak sistematik. Penganalisisan data mengenai mereka meliputi aspek berikut iaitu jantina, umur dan kelayakan akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2
Profil Responden

Variabel	Jumlah	
	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	141	39.5
Perempuan	216	60.5
Status Perkahwinan		
Berkahwin	214	59.9
Bujang/Duda/Janda/Balu	143	40.1
Umur		
25 tahun ke bawah	59	16.5
26 hingga 35	176	49.3
36 hingga 45	98	27.5
46 hingga 55	21	5.9
56 hingga 65	3	0.8
Jawatan		
Kakitangan pengurusan	58	16.2
Kakitangan akademik	134	37.5
Kakitangan sokongan	158	44.3
Lain-lain	7	2.0
Pendapatan Kasar		
RM 2,000 Ke bawah	87	24.4
RM 2001-RM 3,000	118	33.1
RM3,0001-RM 4,000	76	21.3
RM 4,001- RM 5,000	46	12.9
RM 5001-RM 6,000	14	3.9
RM 6,001- ke atas	16	4.5
Pendidikan Formal		
SPM ke bawah	37	10.4
STPM/STAM/Sijil/Diploma	114	31.9
Sarjana Muda	128	35.9
Sarjana	57	16.0
Doktor Falsafah	18	5.0
Professional	3	0.8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, dapatan kajian daripada Jadual 4.2 menunjukkan bahawa keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 357 orang. Daripada jumlah tersebut, didapati seramai 141 orang (39.5%) adalah staf lelaki manakala seramai 216 (60.5%) adalah staf perempuan. Status perkahwinan pula, seramai 214 berkahwin (59.9%) dan 143 (40.1%) berstatus bujang, duda/janda atau balu. Purata umur bagi responden adalah antara 25 tahun hingga 60 tahun. Taburan responden kajian yang berumur kurang 25 tahun ialah 59 orang (16.5%), responden yang berumur 26 hingga 35 tahun sebanyak 176 orang (49.3%), responden berumur 36 hingga 45 tahun seramai 98 (27.5%), responden 46 hingga 55 tahun iaitu 21 orang (5.9%) dan responden berumur melebih 56 tahun berjumlah 3 orang (0.8%).

Taburan responden berdasarkan jawatan dalam IPT pula ialah 58 (16.2%) merupakan kakitangan pengurusan, seramai 134 (37.5%) pula merupakan kakitangan akademik, manakala 158 (44.3%) adalah kakitangan sokongan dan 7 orang (2.0%) lain-lain. Taburan responden berdasarkan pendapatan kasar ialah 87 orang (24.4%) memperoleh pendapatan RM 2,000 dan ke bawah, seramai 118 (33.1%) pula memperoleh RM 2,001 hingga RM 3,000, manakala 76 (21.3%) memperoleh RM 3,001 hingga RM 4,000, seramai 46 (12.9%) pula memperoleh RM 4,001 hingga RM 5,000 dan 14 (3.9%) memperoleh RM 5,001 hingga 6,000 dan pendapatan melebihi RM 6,000 atas ialah 16 orang (4.5%).

Berdasarkan Jadual 4.2 juga, taburan responden bagi tahap pendidikan formal tertinggi didapati 3 orang (0.8%) mempunyai sijil profesional, 18 (5.0%) berkelulusan Doktor falsafah, seramai 57 (16%) berpendidikan sarjana, 128 (35.9%) memiliki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ijazah sarjana muda, seramai 114 (31.9%) memiliki sama ada STPM, STAM, Sijil, Diploma atau matrikulasi dan 37 orang (10.4%) hanya SPM dan ke bawah.

4.3.2 Analisis Data-Data Pemboleh Ubah

Kajian ini melibatkan tiga pemboleh ubah iaitu sikap pengguna, kepatuhan agama dan penggunaan perbankan Islam untuk mendapatkan skor min, sisihan piawai dan tahap pemilihan perbankan Islam di Pahang. Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian pertama seperti di bawah;

Soalan kajian 1: Apakah tahap sikap, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam di Pahang?

Dalam kajian ini, pemboleh ubah kajian diperoleh dengan cara mendapatkan skor min daripada responden bagi mengukur tahap kekuatan dan kelemahan pemboleh ubah. Data-data diperoleh dari borang soal selidik dan diperjelaskan menggunakan skor min, sisihan piawai dan tahap bagi pemboleh ubah tersebut. Hasil kajian ditunjukkan di dalam Jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3
Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh Ubah

Pemboleh ubah	*n*	Min	Sisihan piawai	Tahap
Sikap pengguna	357	4.17	0.78	Tinggi
Kepatuhan agama	357	4.26	0.73	Tinggi
Pemilihan perbankan Islam	357	4.14	0.82	Tinggi

Data asal diolah dari SPSS versi 22

Skor min bagi pemboleh ubah sikap ialah 4.17, pemboleh ubah kepatuhan agama ialah 4.26 manakala penggunaan perbankan Islam ialah 4.14. Ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa tahap sikap, kepatuhan dan pemilihan perbankan Islam adalah di tahap tinggi (Mohd. Majid Konting, 2000) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

4.3.3 Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam di Pahang

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian kedua seperti di bawah;

Soalan kajian 2: Apakah faktor-faktor utama pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang?

Dalam konteks kajian ini, faktor-faktor pemilihan perbankan Islam adalah terdiri daripada faktor keselesaan bank, caj perkhidmatan yang berpatutan, disyorkan oleh rakan-rakan atau saudara mara, pengagihan keuntungan yang adil, reputasi dan imej bank, kakitangan yang peramah, lokasi yang berhampiran dengan rumah, pengiklanan di media massa, prinsip syariah, kepelbagaian produk, perkhidmatan yang cepat dan penglibatan bank dalam komuniti masyarakat. faktor-faktor ini diperoleh dengan mendapatkan skor min daripada responden. Huraian dilakukan dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada analisis pemboleh ubah ditunjukkan di dalam Jadual 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam

Bil	Faktor-Faktor	STP	TP	TPA	P	SP	MIN	SP
		Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)		
1	Keselesaan	8 (2.2)	13 (3.6)	77 (21.6)	156 (43.7)	103 (28.9)	**3.93**	**.922**
2	Caj perkhidmatan yang berpatutan	7 (2.0)	11 (3.1)	66 (18.5)	144 (40.3)	129 (36.1)	**4.06**	**.919**
3	Disyorkan oleh rakan/saudara	1 (0.3)	20 (5.6)	119 (33.3)	158 (44.3)	59 (16.5)	**3.71**	**.816**
4	Pengagihan keuntungan yang adil	0 (0)	10 (2.8)	61 (17.1)	133 (37.3)	153 (42.9)	**4.20**	**.820**
5	Reputasi dan imej bank	2 (0.6)	4 (1.1)	74 (20.7)	169 (47.3)	108 (30.3)	**4.06**	**.777**
6	Kakitangan yang ramah	3 (0.8)	6 (1.7)	68 (19.0)	136 (38.1)	144 (40.3)	**4.15**	**.856**
7	Lokasi yang berhampiran dengan rumah/tempat kerja	1 (0.3)	22 (6.2)	89 (24.9)	132 (37.0)	113 (31.7)	**3.94**	**.917**
8	Pengiklanan di media massa	4 (1.1)	28 (7.8)	119 (33.3)	131 (36.7)	75 (21.0)	**3.69**	**.928**
9	Prinsip syariah	0 (0)	6 (1.7)	59 (16.5)	103 (28.9)	189 (52.9)	**4.33**	**.809**
10	Kepelbagaian produk	2 (0.6)	4 (1.1)	80 (22.4)	136 (38.1)	135 (37.8)	**4.11**	**.828**
11	Perkhidmatan yang cepat	1 (3)	5 (1.4)	66 (18.5)	120 (33.6)	165 (46.2)	**4.24**	**.820**
12	Penglibatan dengan komuniti masyarakat	0 (0)	9 (2.5)	77 (21.6)	129 (36.1)	142 (39.8)	**4.13**	**.836**

Panduan skala: STP=Sangat Tidak Penting, TP-=Tidak Penting, TPA= Tidak Pasti,

P=Penting, SP=Sangat Penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada dapatan kajian mendapati bahawa faktor prinsip syariah merupakan faktor terpenting pemilihan perbankan Islam berbanding faktor lain (*M*=4.33, *SP*=0.809). Selain itu, daripada jumlah skor min keseluruhan faktor-faktor ini, mendapati faktor perkhidmatan yang cekap (*M*=4.24, *SP*=0.820), pengagihan keuntungan yang adil (*M*=4.20, *SP*=0.820)., kakitangan yang ramah (*M*=4.15, *SP*=0.856) serta penglibatan dengan komuniti masyarakat (*M*=4.13, *SP*=0.836) juga faktor terpenting dalam pemilihan perbankan Islam.

4.4 Ujian Pengesanan Kepelbagaian dan Penilaian Kestabilan Konstruk Kajian

Sebelum analisis SEM dilaksanakan, ujian penilaian terhadap *model fit* bagi model struktural dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan data taburan normal serta tiada nilai ekstrem (*outlier)*. Langkah seterusnya, Analisis Faktor Pengesahan (CFA) juga dilaksanakan untuk menguji *unidimensionality*, *validity* dan *reliability* setiap konstruk kajian. Ujian pengesahan terhadap konstruk kajian yang dilaksanakan adalah seperti di bawah;

4.4.1 Penilaian Terhadap Saiz Sampel

Dalam kajian ini, model struktural hanya mempunyai tiga konstruk, di mana bilangan sampel minimum yang dicadangkan ialah 100 sampel (Hair Jr. et al., 2010). Sampel asal kajian ialah 360 walau bagaimanapun, setelah pembersihan data dilaksanakan, kajian ini menggunakan seramai 357 sampel. Berdasarkan dari penilaian terhadap saiz sampel data ini maka model cadangan boleh dilanjutkan untuk dianalisis menggunakan SEM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Ujian Normaliti

Berdasarkan keputusan ujian normaliti, nilai pencongan dan kecerunan semua item dalam pemboleh ubah di paparkan seperti Lampiran P. Dapatan seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran P menunjukkan kesemua data kajian adalah bertaburan normal kerana memperoleh nilai *skewness* dan *kurtosis* +/-1.96 (Tabachnick & Fidell, 2007).

Selain itu, ujian Mardia's *coefficient* juga dikenali sebagai 'multivariate kurtosis' dalam perisian Amos juga digunakan untuk menguji CR. Berdasarkan kepada keputusan tersebut, nilai CR tidak melebihi 8.0 (Mardia K. V., 1974; Zainudin, 2014) (Lampiran Q). Kesimpulannya, ke semua item dalam pemboleh ubah mempunyai taburan normal serta memenuhi syarat untuk melakukan analisis selanjutnya.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Ujian Multi-kolineariti

Perisian AMOS digunakan bagi melaksanakan ujian ini. Berdasarkan kepada ujian yang telah dilaksanakan, korelasi konstruk sikap dan kepatuhan agama ialah 0.72, konstruk sikap dan pemilihan perbankan Islam ialah 0.74 dan korelasi kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam ialah 0.81. Korelasi antara ketiga-tiga pemboleh ubah kajian tidak melebihi 0.85 (Hair Jr. et al., 2010). Ini bermakna ketiga-tiga konstruk tidak mempunyai masalah *multi-collinearity* seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 4.1 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1 Model Pengukuran (Measurement Model) bagi Konstruk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4 Analisis Model Pengukuran Menggunakan CFA


Teknik Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dilaksanakan dengan menggunakan perisian AMOS versi 20. CFA menganalisis *unidimensionality, validity* dan *reliability terhadap konstruk.* Di bawah merupakan dapatan analisis penilaian *unidimensionality, validity* dan *reliability* konstruk kajian;

4.4.4.1 Penilaian *Unidimensionality*

Berdasarkan rajah 4.1, terdapat satu item yang mempunyai faktor muatan kurang dari 0.70 (Hair Jr. et al., 2010). Oleh itu, item PP4 dalam konstruk pemilihan perbankan Islam dibuang. Setelah item PP4 dibuang, model pengukuran tersebut diuji semula. Hasil penilaian ditunjukkan di dalam Rajah 4.2 dan Jadual 4.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2 Model Analisis Faktor Pengesahan (CFA)

4.4.4.2 Penilaian *Validity*

Selepas penilaian *unidimensionality*, penilaian *validity* dilaksanakan terhadap model pengukuran. Tiga jenis *validity* yang perlu diuji terhadap model pengukuran ialah *Convergent Validity, Construct Validity* dan *Discriminant Validity.* Keputusan indeks kesesuaian ditunjukkan dalam Jadual 4.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Indeks Kesesuaian untuk Pengukuran Konstruk Kajian (CFA)

Kategori	Indeks	Nilai Indeks	Tahap Penerimaan
Absolute fit	RMSEA	0.070	RMSEA< 0.08
Incremental fit	CFI	0.957	CFI>0.90
Parsimonious fit	Chisq/df	2.720	Chi square/df <5.0

Sumber asal diolah

Model pengukuran telah diuji dan keputusan di atas menunjukkan model kajian sepadan dengan data yang di analisis di mana Root Mean Squared Error of Approximation (RMSEA) mempunyai nilai julat 0 hingga 1, tahap penerimaan Indeks kesesuaian <0.08, manakala nilai julat CFI ialah 0 hingga 1 di mana tahap penerimaan indeks kesesuaian ialah > 0.90 dan chi square/degrees of freedom ialah > dari 5.0 (Hair Jr. et al., 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, *discriminant validity* tercapai apabila model pengukuran bebas dari item berlapis (*redundant items*). AMOS akan mengenal pasti pasangan item yang berlapis di dalam model pengukuran iaitu dengan merujuk kepada indeks modifikasi (*modification indices).* Manakala, pengukuran *discriminant validity* juga tercapai iaitu korelasi antara konstruk exogenous kurang dari 0.85 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.3. Selain itu juga, pengiraan *square root* terhadap AVE juga dilaksanakan. Berdasarkan kepada Jadual 4.6 di bawah, *Discriminant Validity* terhadap konstruk kajian tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Keputusan Indeks Discriminant Validity

Kategori	Sikap pengguna	Kepatuhan agama	Pemilihan perbankan Islam
Sikap Pengguna	**0.75**		
Kepatuhan Agama	0.73	**0.82**	
Pemilihan perbankan Islam	0.74	0.81	**0.83**

Kesimpulannya, bagi penilaian *validity* iaitu *Convergent Validity, Construct Validity,* dan *Discriminant Validity* telah mencapai tahap seperti yang dicadangkan (Hair Jr. et al., 2010; Zainudin, 2012). Rumusan dapatan kajian ditunjukkan di dalam Jadual 4.7 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4.3 Penilaian *Reliability*

Penilaian *reliability* pula melibatkan *Internal Reliability*, *Composite Reliability* dan *Average Variance Extracted.* Keputusan kajian terhadap *Internal Reliability* menggunakan Cronbach Alpha, *Composite Reliability* dan *Average Variance Extracted* ditunjukkan di dalam Jadual 4.7.

Berdasarkan Jadual 4.7 di bawah, maka nilai muatan secara keseluruhannya mempunyai nilai 0.70 ke atas, sehingga dapat membuktikan bahawa indikator memiliki peringkat *validity* yang tinggi terhadap konstruk. Tahap seterusnya adalah analisis kebolehpercayaan di mana nilai CR menunjukkan kebolehpercayaan yang baik kerana melebihi 0.70. Bagi nilai AVE iaitu melebihi 0.50 menunjukkan nilai yang baik (Hair Jr. et al., 2010). Kesimpulannya, model CFA ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seluruh indikator yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan untuk mengukur konstruk laten.

Jadual 4.7

Keputusan CFA Terhadap Model Pengukuran

Konstruk	Item	Faktor Muatan **(> 0.7)**	Cronbach Alpha **(>0.70)**	CR **(> 0.70)**	AVE **(>0.50)**
Sikap pengguna	S1	0.73	**0.915**	**0.921**	**0.567**
	S2	0.85			
	S3	0.87			
	S4	0.83			
	S5	0.83			
	S6	0.76			
Kepatuhan agama	KA1	0.77	**0.934**	**0.934**	**0.668**
	KA2	0.80			
	KA3	0.83			
	KA4	0.80			
	KA5	0.85			
	KA6	0.85			
	KA7	0.82			
Pemilihan perbankan Islam	PP1	0.86	**0.896**	**0.929**	**0.587**
	PP2	0.85			
	PP3	0.84			
	PP4	**Item dibuang kerana nilai muatan yang rendah**			
	PP5	0.83			
	PP6	0.83			
	PP7	0.75			


Sumber: Data Primer diolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Analisis Model Struktural Menggunakan SEM

Analisis SEM digunakan untuk menjawab soalan kajian ketiga, empat dan lima. SEM menguji kesepadanan model dengan data yang dianalisis atau *fitness of the model*. Sebelum menjawab soalan kajian, langkah seterusnya adalah menilai kriteria-kriteria model struktural analisis laluan (Seperti yang tunjukkan dalam Rajah 4.3). Model ini penting bagi melihat sejauh mana *causal effect* antara konstruk *exogenous* dan konstruk *endogenous.*



Rajah 4.3 Model Struktural untuk Analisis Laluan (Path Analysis)

Berdasarkan Rajah 4.3, keputusan *fitness index*es diekstrak dan ditunjukkan di dalam Jadual 4.8 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8
Indeks Kesesuaian Pengukuran Model Struktural Analisis Laluan

Kategori	Indeks	Nilai Indeks	Tahap Penerimaan
Absolute fit	RMSEA	**0.073**	Baik
	RMR	**0.021**	Baik
Incremental fit	CFI	**0.951**	Baik
	TLI	**0.946**	Baik
Parsimonious fit	Chisq/df	**2.881**	Baik

Nilai RMSEA telah melebihi nilai *cut off* iaitu 0.072 manakala RMR juga > 0.05 seperti yang dicadangkan oleh (Hu & Bentler, 1999; Hair Jr. et al., 2010). Pada kelayakan model di bahagian *incremental fit* diukur dengan nilai CFI dan TLI ialah masing-masing 0.951, 0.946 lebih dari nilai yang dicadangkan iaitu 0.90 (Hair Jr. et al., 2010; Hooper, Coughlan, & Mullen, 2008; Kenny, Kaniskan, & McCoach, 2003). Oleh itu komponen *absolute fit* dan *incremental fit* model struktural dapat diterima. *Parsimoniuos fit* terdiri atas komponen chiq/df menghasilkan nilai 2.854 iaitu kurang dari nilai 5.0 seperti yang dicadangkan. Hasil ini jelas menunjukkan *parsimonius fit* telah tercapai dengan baik. kesimpulannya, model telah memenuhi kriteria yang diharapkan daripada *goodness of fit indices* (Kenny et al., 2003; Hair Jr. et al., 2010).

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian ketiga dan soalan kajian keempat seperti di bawah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian 3: Adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang?

H1: Terdapat kesan yang positif dan signifikan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang.

Soalan kajian 4: Adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara kepatuhan agama dengan pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang?

H2: Terdapat kesan yang positif dan signifikan antara Kepatuhan Agama dengan Pemilihan Perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan *Output Standardized Beta Estimate* kesan konstruk sikap terhadap konstruk pemilihan perbankan Islam ialah 0.33 manakala kesan konstruk kepatuhan agama terhadap pemilihan perbankan Islam ialah 0.58 (Lampiran R). Pengukuran korelasi antara konstruk *exogenous* iaitu sikap dan kepatuhan agama ialah 0.73 (Rajah 4.3). Nilai ini penting oleh sebab ia menentukan *Discriminant Validity* antara konstruk *exogenous* tercapai dan tidak bertindih antara satu sama lain di mana nilai korelasi tidak melebihi 0.85. Berdasarkan pada rajah 4.3, nilai R^2 (*Coefficient of Determination)* di mana nilai itu menunjukkan sumbangan konstruk exogenous iaitu sikap dan kepatuhan agama kepada konstruk endogenous iaitu pemilihan perbankan Islam ialah 0.72 atau 72 peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pengujian terhadap hipotesis yang diajukan, dilakukan dengan melihat nilai *Standardized Regression Weight* yang dihasilkan oleh program AMOS 21 seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.3. Keputusan hasil dari penilaian *Standardized Regression Weight* adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.9

Regression Weight bagi Menilai Konstruk Kajian

	Laluan		Laluan	Anggaran Beta	SE	C.R	P
A	Pemilihan_ PI	<---	Sikap	0.330	.068	5.680	***
B	Pemilihan_ PI	<---	Kepatuhan_ Agama	0.576	.077	9.285	***

Data Primer di olah (Lampiran T) ***= 0.000 atau taraf signifikan pada alfa= 1%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai beta bagi laluan A ialah 0.330 menerangkan bahawa apabila Sikap meningkat kepada satu unit, Pemilihan Perbankan Islam meningkat kepada 0.330. Manakala *Standard Error* (SE) adalah 0.068 menunjukkan bahawa Beta 0.330 mempunyai SE sebanyak 0.068 (Lampiran S). Keputusan analisis *Maximum Likelihood Estimates* menunjukkan bahawa nilai CR bagi pekali konstruk Sikap dengan Pemilihan Perbankan Islam adalah signifikan di mana nilai CR berada di luar +/- 1.96 dan nilai P < 0.05. (Lampiran S). Ia dapat dinyatakan bahawa Sikap berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Pemilihan Perbankan Islam. Semakin tinggi tahap Sikap pengguna maka semakin tinggi pula tahap Pemilihan Perbankan Islam. Oleh itu, hipotesis H1 adalah gagal ditolak. Nilai beta bagi laluan B ialah 0.576 menerangkan bahawa apabila Kepatuhan Agama meningkat kepada satu unit, Pemilihan Perbankan Islam meningkat kepada 0.576. Manakala *Standard Error* (SE) adalah 0.077 menunjukkan bahawa beta 0.576 mempunyai SE sebanyak 0.077.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan analisis *Maximum Likelihood Estimates* menunjukkan bahawa nilai CR bagi pekali konstruk Kepatuhan Agama dengan Pemilihan Perbankan Islam adalah signifikan di mana nilai CR berada di luar +/- 1.96 iaitu 9.285 dan nilai $P < 0.05$ (Lampiran S) dan dapat dinyatakan bahawa Kepatuhan Agama berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Pemilihan Perbankan Islam. Semakin tinggi tahap Kepatuhan Agama pengguna maka semakin tinggi pula Tahap Pemilihan Perbankan Islam. Oleh itu, hipotesis H2 adalah gagal ditolak. Berdasarkan kepada Rajah 4.3 serta Jadual 4.10, dapatan daripada Analisis Laluan (*Path Analysis*), rumusan hipotesis kajian adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

Jadual 4.10

Keputusan Hipotesis Kajian Berdasarkan Analisis Laluan

Bil	Penyataan Hipotesis	Beta	P-Value	Keputusan Hipotesis
H1	Sikap pengguna mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam.	0.330	***	**Gagal ditolak**
H2	Kepatuhan agama mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam.	0.576	***	**Gagal ditolak**

Sumber: Data Primer di olah (*Regression Weight*)

Nilai CR diluar +1.96 dan -1.96 menunjukkan signifikan, iaitu bermakna konstruk Sikap dan Kepatuhan Agama adalah pemboleh ubah peramal atau *indicator* kepada konstruk Pemilihan Perbankan Islam. Kesimpulannya, Sikap pengguna dan Kepatuhan Agama mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap Pemilihan Perbankan Islam oleh staf di IPT Pahang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1 Pengaruh Pemboleh Ubah Kepatuhan Agama sebagai Mediator Terhadap Hubungan antara Sikap Dengan Pemilihan Terhadap Perbankan Islam

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian ke lima seperti berikut:

Soalan kajian 5: Adakah terdapat pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam?

Bagi menguji pengaruh mediator, kesan langsung antara konstruk sikap dan pemilihan perlu diuji terlebih dahulu. Berdasarkan jadual di di bawah, kesan langsung di antara konstruk Sikap dan Pemilihan Perbankan Islam adalah signifikan. Kesan langsung antara kedua-dua konstruk diukur melalui *Coefficient Beta* dan nilai P.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Kesan Langsung Sikap Dan Pemilihan PI


Laluan		Laluan	Anggaran beta	SE	C.R	P
Pemilihan_PI	<---	Sikap	**.752**	.072	16.635	***

Data primer di olah ***= 0.000 atau taraf signifikan pada alfa= 1% (Lampiran T)

Kemudian, konstruk kepatuhan agama dimasukkan ke dalam model seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4 Kesan Mediator Terhadap Sikap dan Pemilihan Perbankan Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah, nilai *Beta Coefficient* telah menurun dari 0.75 kepada 0.33.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Kesan Tidak Langsung Konstruk Sikap Terhadap Pemilihan Perbankan Islam (Unstandardized Data)

Laluan		Laluan	*Standardized Estimate*	SE	C.R	P
Kepatuhan agama	<---	Sikap	.735	.059	11.716	***
Pemilihan_PI	<---	Kepatuhan agama	.576	.077	9.285	***
Pemilihan_PI	<---	Sikap	**.330**	.068	5.680	***

Data primer di olah ***= 0.000 atau taraf signifikan pada alfa= 1% (Lampiran U)

Bagi menjawab hipotesis H3 iaitu hipotesis utama kajian, tiga sub-hipotesis ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

H3: kepatuhan agama berpengaruh secara positif dan signifikan sebagai pemboleh ubah pengantara terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Keputusan Ujian Mediator

Bil	Penyataan Hipotesis	Anggaran Beta	P-Value	Keputusan Hipotesis
$H3_a$	Sikap mempunyai kesan yang signifikan terhadap kepatuhan agama	0.735	***	**Gagal ditolak**
$H3_b$	Kepatuhan Agama mempunyai kesan yang signifikan terhadap Pemilihan Perbankan Islam	0.576	***	**Gagal ditolak**
$H3_C$	Sikap mempunyai kesan yang signifikan terhadap Pemilihan Perbankan Islam	0.330	***	**Gagal ditolak**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, hasil pengujian mediator, Kepatuhan Agama berpengaruh secara signifikan sebagai pemboleh ubah mediator terhadap hubungan antara Sikap Pengguna dan Pemilihan Perbankan Islam di mana nilai *Beta Coefficient* telah menurun dari 0.75 kepada 0.33. Walau bagaimanapun kesannya hanya berlaku *partial mediation* oleh sebab kesan tidak langsung (*mediation effect*) antara sikap, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam iaitu 0.423 lebih besar dari kesan langsung (*direct effect*) iaitu 0.330 (Hair Jr. et al., 2010; Zainudin, 2014).


4.6 Ujian Bootstrapping

Prosedur *bootstrapping* di laksanakan untuk mengesahkan ujian mediator model kajian seperti dalam Rajah 4.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5 *Standardized Regression Weight* untuk laluan Sikap, Kepatuhan Agama dan Pemilihan Perbankan Islam Pemilihan perbankan Islam

Jadual 4.14

Keputusan Ujian Kepatuhan Agama Sebagai Mediator

Hubungan	*Standardized*	Nilai P	Keputusan
KA<--- SIKAP (A)	0.735	0.002	Signifikan
PPI<--- KA (B)	0.576	0.021	Signifikan
PPI <--- SIKAP (C)	0.330	0.004	Signifikan
A*B	0.423	***Partial mediation* berlaku oleh sebab kesan langsung (*direct effect*) hubungan C ialah signifikan**	
A*B > C **0.423 > 0.330**	*Mediation* berlaku		

Data primer di olah (Lampiran V)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kesimpulan ujian *mediation* di atas, mendapati kepatuhan agama bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara sikap dan pemilihan perbankan Islam. Walau bagaimanapun, hanya berlaku *partial mediation* memandangkan kesan langsung antara sikap dengan Pemilihan Perbankan Islam masih signifikan (Hair Jr. et al., 2010; Zainudin, 2014). Bagi mengesahkan keputusan *mediation* ini, ia telah diuji dengan ujian *bootstrapping*. Keputusan ujian *bootstrapping* adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 4.15

Keputusan Boostrapping

	Kesan langsung P-Value	Kesan tidak langsung P-Value
Bootstrapping P-Value	0.007	0.004
Keputusan	**Signifikan**	**signifikan**
Jenis *Mediation*	***Partial mediation* berlaku oleh sebab kesan langsung dan kesan tidak langsung adalah signifikan.**	

Data primer di olah (Lampiran V)

Berdasarkan jadual di atas, keputusan *bootstrapping* juga menunjukkan *partial mediation* di mana ia konsisten dengan dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan dapatan kajian menerusi beberapa analisis yang telah dibuat untuk menjawab soalan kajian. Data yang di cerap telah di proses serta di analisis menerusi perisian SPSS versi 22 dan AMOS versi 21. Penganalisisan data adalah menggunakan analisis statistik deskriptif untuk melihat kekerapan, peratusan, sisihan piawai dan skor min serta *Structural Equation Modelling* (SEM) untuk menolak hipotesis.

Kajian ini mendapati sikap pengguna mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang serta kepatuhan agama memainkan peranan sebagai mediator terhadap hubungan sikap pengguna dan pemilihan perbankan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun otbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Dapatan kajian yang telah dilaporkan dalam bab empat akan dirumuskan dan dibincangkan dalam bab ini. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh sikap pengguna terhadap Pemilihan Perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pengaruh mediator iaitu kepatuhan agama terhadap hubungan antara sikap pengguna dan gelagat pemilihan perbankan Islam. Penulisan bab ini akan dibahagikan kepada enam bahagian iaitu hasil penemuan utama, perbincangan dapatan kajian, implikasi dan cadangan dasar, sumbangan kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Hasil penemuan Utama dan Rumusan Kajian

Kajian ini pada keseluruhannya menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan serta melibatkan pengumpulan set data-data melalui alat ukuran iaitu borang soal selidik. Alat ukuran atau instrumen ini terdiri dari lima bahagian iaitu Demografi, Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam, Sikap, Kepatuhan Agama dan Gelagat Pemilihan Perbankan Islam. Seramai 357 orang staf IPT terlibat sebagai responden dalam kajian yang melibatkan 12 buah Institusi Pengajian Tinggi yang terletak di negeri Pahang. Pemprosesan dan penganalisisan data menggunakan perisian IBM SPSS versi 22.0 dan AMOS versi 20.0. Analisis deskriptif (kekerapan, peratus, min) digunakan bagi mendapatkan gambaran latar demografi responden. Selanjutnya prosedur Analisis Faktor Eksploitasi (EFA) dan Analisis Faktor Pengesahan (CFA) telah dijalankan untuk mendapatkan jumlah faktor dan kesahan konstruk bagi alat ukur tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis *Struktural Equation Modelling* (SEM) digunakan untuk menilai kesepadanan model dengan data kajian, melihat sebab- akibat menerusi analisis laluan (*path analysis*) dan menguji pengaruh pemboleh ubah mediator. Beberapa pekali telah digunakan untuk menilai kesesuaian bagi model persamaan struktural yang dicadangkan di antaranya khi kuasa dua, CFI,TLI,RMR dan RMSEA. Rumusan dapatan kajian ini dihuraikan mengikut soalan-soalan kajian. Selain itu, perbincangan dimulakan dengan analisis latar belakang responden diikuti dengan tahap sikap, kepatuhan agama dan gelagat pemilihan perbankan Islam. Analisis data latar belakang staf IPT menunjukkan dari 357 responden, sejumlah 141 orang (39.5%) adalah staf lelaki manakala 216 (60.5%) adalah staf perempuan. Status perkahwinan pula, seramai 214 berkahwin (59.9%) dan 143 (40.1%) berstatus bujang, duda/janda atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

balu. Purata umur bagi responden adalah antara 25 tahun hingga 60 tahun. Taburan responden kajian yang berumur kurang 25 tahun ialah 59 orang (16.5%), responden yang berumur 26 hingga 35 tahun sebanyak 176 orang (49.3%), responden berumur 36 hingga 45 tahun seramai 98 (27.5%), responden 46 hingga 55 tahun iaitu 21 orang (5.9%) dan responden berumur melebih 56 tahun berjumlah 3 orang (0.8%).

Taburan responden bagi tahap pendidikan formal tertinggi didapati tiga orang (0.8%) mempunyai sijil profesional, 18 (5.0%) berkelulusan Doktor falsafah, seramai 57 (16%) berpendidikan sarjana, 128 (35.9%) memiliki ijazah sarjana muda, seramai 114 (31.9%) memiliki sama ada STPM, STAM, Sijil, Diploma atau Matrikulasi dan 37 orang (10.4%) hanya SPM dan ke bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya diikuti dengan faktor-faktor pemilihan perbankan Islam, mengenal pasti kesan sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam, mengenal pasti kesan kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam serta mengenal pasti pengaruh pemboleh ubah kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan gelagat pemilihan perbankan Islam. Perbincangan dapatan kajian juga dikaitkan dengan teori-teori dan dapatan kajian yang lalu yang telah dikemukakan dalam bab dua.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini dihuraikan mengikut soalan-soalan kajian. Selain itu, perbincangan dimulakan dengan analisis latar belakang responden diikuti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tahap sikap, kepatuhan agama dan gelagat pemilihan perbankan Islam. Seterusnya diikuti dengan faktor-faktor pemilihan perbankan Islam, mengenal pasti kesan sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam, mengenal pasti kesan kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam serta mengenal pasti pengaruh pemboleh ubah kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan gelagat pemilihan perbankan Islam. Perbincangan dapatan kajian juga dikaitkan dengan teori-teori dan dapatan kajian yang lalu yang telah dikemukakan dalam bab dua.

5.3.1 Tahap Sikap Pengguna, Kepatuhan Agama dan Gelagat Pemilihan Perbankan Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan kajian pertama ialah; apakah tahap sikap pengguna, kepatuhan agama dan gelagat pemilihan perbankan Islam? Dapatan kajian melalui skor min, sisihan piawai dan tahap bagi pemboleh ubah kajian berdasarkan penilaian responden. Skor min bagi pemboleh ubah iaitu sikap pengguna (4.17), kepatuhan agama (4.26) dan pemilihan perbankan Islam (4.14). Manakala sisihan piawai bagi sikap pengguna ialah 0.78, kepatuhan agama 0.73 dan pemilihan perbankan Islam ialah 0.82. Berdasarkan dapatan kajian, skor min menunjukkan sikap pengguna, kepatuhan agama dan pemilihan perbankan Islam berada pada tahap yang tinggi dan signifikan (Mohd. Majid Konting, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Faktor-Faktor Pemilihan Perbankan Islam

Persoalan kajian kedua ialah; apakah faktor-faktor utama pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT? Hasil kajian mendapati di antara dua belas faktor yang disenaraikan, prinsip syariah merupakan faktor terpenting iaitu skor min 4.33 (*N*=357; *SP*=.809). Selain itu, diikuti dengan faktor perkhidmatan yang cekap iaitu skor min 4.24 (*N*= 357; *SP* =.820), faktor pengagihan keuntungan yang adil iaitu skor min 4.20 (*N*=357; *SP*=.820), faktor kakitangan yang ramah iaitu skor min 4.15 (*N*=357; *SP*=.856) dan faktor penglibatan dengan komuniti iaitu skor min 4.13 (*N*=357; *SP*=.836).

Manakala faktor-faktor yang kurang penting ialah seperti faktor pengiklanan di media massa dengan skor min hanya 3.69 (*N*=357; *SP*=.928) diikuti dengan faktor disyorkan oleh rakan atau saudara iaitu skor min 3.71 (*N*=357; *SP*=.816) dan faktor keselesaan iaitu skor min 3.93 (*N*=360; *SP*=.922).

Dapatan kajian ini yang mendapati faktor syariah merupakan faktor pemilihan terpenting menunjukkan persamaan dengan beberapa kajian terdahulu seperti (Erol & El-Bdour, 1989; Metawa & Almossawi, 1998; Jamal & Naser, 2003; Norafifah & Sudin, 2004; Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007; Humoud, 2010). Analisis kajian yang dibuat oleh Humoud (2010) iaitu mengkaji tentang kesedaran dan pemilihan perbankan di Kuwait mendapati 93 peratus pengguna bank Islam memilih produk perumahan Islam kerana faktor produknya yang selari dengan kehendak syariah. Kajian itu menggunakan 240 responden iaitu 117 adalah pengguna *Bank Kuwait Finance House* dan selebihnya pengguna *National Bank of Kuwait* mewakili

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bank konvensional. Dapatan kajian beliau yang tidak kurang pentingnya mendapati hampir separuh dari pengguna bank konvensional tidak mengetahui terdapat pembiayaan perumahan Islam yang disediakan di bank-bank Islam.

Nazimah (2011) juga mendapati pengguna memilih kad kredit Islam adalah kerana motivasi dari kepatuhan terhadap agama. Kesedaran yang tinggi terhadap agama akan meningkatkan lagi pasaran kad kredit Islam di dalam pasaran perbankan di Malaysia. Kajian yang dilakukan di Libya mendapati 'agama' merupakan faktor utama pemilihan responden terhadap perbankan Islam dan majoritinya berpendapat faedah dan riba adalah sama (Amal, 2008). Walau bagaimanapun, kajian terdahulu juga mendapati pemilihan perbankan Islam dalam kalangan responden juga tidak hanya kerana faktor motivasi agama semata-mata tetapi juga dipandu oleh faktor-faktor pemilihan yang lain juga seperti perkhidmatan yang cekap, reputasi dan imej bank Islam, staf yang berpengetahuan dan mesra, kualiti perkhidmatan, dan lain-lain. Jika pada awal penubuhan Institusi perbankan Islam iaitu pada tahun 1983, bank Islam dilihat hanya mengharapkan umat Islam yang mempunyai latar belakang agama dan 'alim' untuk menggunakan perkhidmatan kewangan Islam berasaskan 'free riba'. Sudah tiba masanya, Institusi perbankan Islam memikirkan strategi yang lebih baik supaya dapat menarik pelanggan-pelanggannya untuk terus setia bersama mereka serta meningkatkan jumlah pelanggan termasuk orang bukan Islam (A. Othman & Owen, 2001; Asyraf Wajdi & Nurdianawati Irwadi, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Mengenal Pasti Kesan yang Positif dan Signifikan antara Sikap Pengguna dengan Pemilihan Perbankan Islam

Persoalan kajian yang ketiga ialah untuk mengenal pasti; adakah terdapat kesan yang positif dan signifikan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam? Bagi mengenal pasti adakah wujud kesan yang positif dan signifikan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam adalah dengan menggunakan analisis laluan (*path analysis)* dalam SEM.

Hasil keputusan analisis *Maximum Likelihood Estimates* menunjukkan bahawa nilai CR bagi konstruk sikap dengan pemilihan Perbankan Islam adalah signifikan di mana nilai CR berada di luar +/- 1.96 dan nilai $P < 0.05$. Ia dapat dinyatakan bahawa sikap berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam. Semakin tinggi tahap sikap pengguna maka semakin tinggi pula tahap pemilihan perbankan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian-kajian terdahulu seperti Fauziah et al. (2008); Amin, Rahman, Jr, & Hwa (2011); dan Hanudin (2013) di mana, dapatan kajian mereka sikap berpengaruh secara positif. Fauziah et al. (2008) dalam kajian memfokuskan kepada produk pembiayaan perumahan Islam iaitu '*Musyarakah Mutanaqisah'*. Hasil kajian, mendapati sikap positif pengguna mempengaruhi keinginan untuk menggunakan produk perbankan Islam. Semakin tinggi sikap positif yang dipamerkan semakin tinggi keinginan dan penerimaan terhadap pembiayaan tersebut. Pemilihan responden yang digunakan terdiri daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

300 pelajar daripada UIA, UiTM dan UPM kerana beranggapan responden tersebut merupakan bakal pelanggan yang berpotensi untuk menggunakan produk tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Hanudin et al. (2011) mengkaji tentang penentuan terhadap keinginan pelanggan untuk menggunakan pembiayaan peribadi Islam. Dapatan kajian menunjukkan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan pelanggan iaitu semakin kuat (positif) sikap pengguna terhadap pembiayaan tersebut semakin tinggi keinginan untuk menggunakannya. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian terdahulu oleh Ramayah dan Norazah (2006) yang dilakukan di USM terhadap 124 pelajar Sarjana Pengurusan Pentadbiran(MBA) menunjukkan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk menggunakan komputer riba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian di United Kingdom seperti Chau dan Ngai (2010) mendapati kumpulan umur remaja (16-29 tahun) mempunyai sikap yang paling positif dalam keinginan untuk menggunakan perkhidmatan perbankan Internet berbanding kumpulan umur yang lebih dewasa. Dapatan ini mengukuhkan kajian berkaitan dengan aplikasi teknologi iaitu Kleijnen et al. (2004). Kajian tersebut mendapati sikap pengguna mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan untuk mengguna pakai aplikasi telefon bimbit dalam konteks urusan kewangan tanpa wayar. Hasil dapatan nya menunjukkan hubungan positif yang makin kuat walaupun diuji dengan penambahan pemboleh ubah *moderator* iaitu umur, kemahiran komputer, kesediaan menggunakan aplikasi telefon bimbit dan pengaruh sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, menurut dapatan kajian ini serta disokong oleh kajian-kajian lain yang juga mengkaji sikap pengguna berdasarkan Teori Perlakuan Beralasan, hipotesis H1 adalah gagal ditolak.

5.3.4 Mengenal Pasti Kesan yang Positif dan Signifikan antara Kepatuhan Agama dengan Pemilihan Perbankan Islam

Persoalan kajian yang ketiga ialah; untuk mengenal pasti kesan yang positif dan signifikan antara kepatuhan agama dengan pemilihan perbankan Islam? Keputusan analisis *Maximum Likelihood Estimates* menunjukkan bahawa nilai CR bagi pekali konstruk Kepatuhan Agama dengan Pemilihan Perbankan Islam adalah signifikan di mana nilai CR berada di luar +/- 1.96 dan nilai $P < 0.05$ dan dapat dinyatakan bahawa Kepatuhan Agama berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap pemilihan perbankan Islam. Semakin tinggi tahap kepatuhan agama pengguna maka semakin tinggi pula tahap pemilihan perbankan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini diadaptasi oleh beberapa kajian terdahulu yang berminat terhadap konstruk ‘kepatuhan agama’ dalam kajian mereka. Kajian terhadap masyarakat Islam di Terengganu mendapati gelagat pemilihan bank Islam mempunyai hubungan yang positif dengan faktor kepatuhan agama namun begitu ianya di tahap sederhana (Ahmad Azrin, 2012). Dapatan ini juga mengukuhkan lagi oleh kajian yang oleh Zuraini, Roshanim, dan Roseliza (2004) yang juga dibuat di Terengganu mendapati agama merupakan motivasi pemilihan perbankan Islam. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Wan Marhaini, Asmak, Nor Aini, dan Azizi (2008) di sekitar Lembah Kelang mendapati masyarakat Muslim yang patuh kepada agamanya dalam kehidupan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan cenderung memilih perbankan Islam. Kurangnya pendidikan agama merupakan faktor kurangnya kepatuhan terhadap agama serta menyebabkan tiada kesedaran terhadap perbankan Islam.

Kajian yang dilakukan di England oleh Naeem Ur (2012) mengkaji tentang penerimaan masyarakat Muslim terhadap perbankan dan kewangan Islam. Seramai 147 responden dipilih di sekitar kawasan tumpuan masyarakat Muslim dan hasilnya mendapati 43 peratus responden mahu menggunakan perbankan Islam untuk mengelakkan diri dari terlibat dengan riba. Manakala, kajian yang dilakukan di Pakistan oleh Lee dan Ullah (2011) juga mendapati 95 peratus pelanggan memilih Institusi Perbankan Islam (IPI) adalah kerana pentingnya menjadi seorang Muslim yang baik dan berurusan dengan bank yang patuh syariah. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian oleh Hayat M. dan Khuram Shahzad (2011) mendapati faktor pemilihan bank di kalangan pelanggan di Pakistan bukan lahir dari motivasi agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian ini, hipotesis H2 adalah gagal ditolak. Ia bertepatan dengan kebanyakan kajian-kajian terdahulu seperti yang diterangkan di atas.

5.3.5 Pengaruh Kepatuhan Agama sebagai Pengantara (Mediator) Terhadap Hubungan antara Sikap Dengan Pemilihan terhadap Perbankan Islam

Persoalan kajian yang terakhir iaitu; adakah pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan perbankan Islam terhadap perbankan Islam? Hasil daripada kajian ini mendapati, peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepatuhan agama terbukti secara signifikan dapat menjadi mediator antara sikap pengguna dengan pemilihan terhadap perbankan Islam apabila nilai *beta coefficient* hubungan langsung di antara sikap pengguna dan kepatuhan agama telah menurun dari 0.916 kepada 0.431.

Pemilihan konstruk kepatuhan agama sebagai mediator adalah menarik untuk di kaji memandangkan kajian ini merupakan kajian baharu yang dilakukan. Antara kajian terbaru berkaitan dengan produk halal yang menggunakan 'agama' sebagai *mediator* ialah Siti Hasnah (2014). Objektif kajian tersebut adalah untuk mengkaji kepentingan agama terhadap keinginan pengguna membeli produk mesra alam sekitar (produk hijau). Hasil kajiannya membuktikan bahawa peranan agama sebagai *mediator* adalah signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hanudin, Abdul Rahman, et al. (2014) dalam kajian terbarunya telah meletakkan konstruk agama sebagai *mediator* dan *moderator*. Kajian tersebut telah menambah literatur berkaitan dengan gelagat pengguna terhadap pembiayaan perumahan Islam. Berdasarkan kajian mereka, kepuasan agama bertindak sebagai *mediator* sepenuhnya (*fully mediates*) antara pemboleh ubah bebas iaitu kebajikan dan pemboleh ubah bersandar iaitu keinginan untuk melanggan pembiayaan perumahan Islam. Oleh itu, Dapatan kajian ini juga boleh disimpulkan bahawa peranan kepatuhan agama mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan sebagai pemboleh ubah mediator antara hubungan sikap pengguna dengan gelagat pemilihan perbankan Islam. Kesimpulannya, hipotesis H3 adalah gagal ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan penjelasan ringkasan dapatan kajian di atas, Jadual 5.1 berikut menjelaskan keputusan hasil hipotesis yang telah diuji dalam kajian ini.

Jadual 5.1

Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis

Hipotesis	Penyataan	Keputusan
H1	Terdapat kesan yang positif dan signifikan antara sikap pengguna dengan pemilihan perbankan Islam	Gagal ditolak
H2	Terdapat kesan yang positif dan signifikan di antara sikap pengguna dengan kepatuhan agama	Gagal ditolak
H3	Terdapat pengaruh kepatuhan agama sebagai pengantara (mediator) terhadap hubungan antara sikap dengan pemilihan perbankan Islam	Gagal ditolak
H3a	Sikap mempunyai kesan yang signifikan terhadap kepatuhan agama	Gagal ditolak
H3b	Kepatuhan Agama mempunyai kesan yang signifikan terhadap Pemilihan PI	Gagal ditolak
H3c	Sikap mempunyai kesan yang signifikan terhadap Pemilihan PI	Gagal ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi dan Cadangan Dasar

Kajian ini melibatkan dua faktor penyumbang terhadap gelagat pemilihan perbankan Islam dalam kalangan staf IPT di Pahang iaitu sikap pengguna dan kepatuhan agama. Objektif kajian ini juga mengukur tahap kekuatan sikap, kepatuhan agama dan gelagat pemilihan pengguna terhadap perbankan Islam. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor utama dalam pemilihan perbankan Islam. Sehubungan dengan itu dapatan kajian ini memberi implikasi dari aspek teori dan praktikal.


5.4.1 Implikasi Teoritikal

Dalam kajian ini, pengkaji telah membangunkan model cadangan bagi kajian ini untuk menjelaskan kesan di antara sikap pengguna, kepatuhan agama dan gelagat pemilihan perbankan Islam dengan menjadikan Teori Perlakuan Beralasan (TPB) yang diperkenalkan oleh Icek Ajzen dan Martin Fishbein pada 1967 sebagai landasan kajian. Model yang dicadangkan seperti ditunjukkan dalam rajah di bawah diuji dengan menggunakan perisian AMOS bagi menentukan model berkenaan *fit*.

Model yang dicadangkan ini dilakarkan dengan menggunakan rajah jalur (path diagram) dan model persamaan struktur (SEM). Model yang dicadangkan ini dinilai menggunakan SEM bagi mengenal pasti sama ada model ini *fit* dengan data yang dikutip daripada populasi staf institusi pengajian tinggi di Pahang yang terdiri daripada lokasi Timur Pahang terutama di bandar Kuantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 5.1 Model Konseptual Kajian. Diadaptasi dari Ajzen dan Fishben, 1980

Berdasarkan keputusan analisis, model struktural seperti Rajah 5.2 adalah sepadan dengan data yang di cerap. Pekali- pekali yang diambil kira adalah seperti CFI, NFI, RMR dan RMSEA (Lampiran W). *Goodness of fitness indexes* telah mencapai tahap yang dicadangkan (Hair Jr. et al., 2010; Zainudin, 2014).

Selain itu, prosedur Ujian '*bootstrapping*' dilaksanakan dengan menggunakan perisian AMOS 21. Ia dilaksanakan bagi mengesahkan ujian mediator model kajian ini. Berdasarkan keputusan *bootstrapping* juga mendapati kesan langsung(direct effect) P-*value* ialah 0.007 manakala kesan tidak langsung(indirect effect) P-*value* ialah 0.004 di mana ia adalah signifikan. Dapatan keputusan ini menunjukkan separa mediator di mana ia konsisten dengan dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.2 Model Struktural Sikap, Kepatuhan Agama terhadap Pemilihan Perbankan Islam dalam Kalangan Staf IPT di Pahang

